



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2357]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 2361]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Kelapan)—

Jadual—

Kepala B. 20 [Ruangan 2362]

Kepala B. 21 [Ruangan 2417]

Kepala B. 22 [Ruangan 2447]

Kepala B. 47 dan B. 48 [Ruangan 2395]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Kelapan)—

Kepala P. 20 [Ruangan 2362]

Kepala P. 21 [Ruangan 2417]

Kepala P. 22 [Ruangan 2447]

Kepala P. 47 dan P. 48 [Ruangan 2395]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2360]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 11hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIEF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jejebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

Yang Berhormat TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).

- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).

Yang Berhormat TUAN SHAMSUDDUN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).

- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- ” PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- ” TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- ” TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K. (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- ” TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- ” DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- ” TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- ” TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- ” TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

JALAN SUNGAI BESI—MELUASKAN

1. Tuan Leo Moggie anak Iroke (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilakah kali terakhir kerja untuk meluas dan membina semula Jalan Sungai Besi dari Bandar Salak Selatan ke Pekan Sungai Besi dan bilakah beliau bercadang hendak memperbaiki lagi jalan tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Jalan Sungai Besi dari bandar Salak Selatan ke pekan Sungai Besi telah dibuka pada tahun 1971. Pada masa sekarang kawasan Sungai Besi adalah terlibat dalam projek pembinaan Leboh Raya Kuala Lumpur ke Seremban di mana rekabentuk baharu Leboh Raya ini dari Seremban hingga ke batu 7 Sungai Besi telah siap dan sedang dalam pembinaan. Kajian kemungkinan (*feasibility studies*) sedang dijalankan untuk sambungannya menghala bandar Kuala Lumpur. Termasuk dalam kajian ini ialah pembinaan sebuah jalanraya dua hala (*dual carriageway*) sepanjang 5 batu hingga lebih kurang ke batu 2.8 Jalan Sungai Besi. Syor-syor oleh Jurutera-jurutera Perunding yang membuat kajian ini kelak akan dimajukan kepada pihak berkuasa Wilayah Persekutuan untuk tindakan selanjutnya. Memandang kepada tersebut di atas tadi pembaikan Jalan Sungai Besi pada masa sekarang adalah sedang dalam kajian.

TALIPON DAIL TERUS DARI BINTULU KE KUCHING-MIRI

2. Tuan Leo Moggie anak Iroke (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah perkhidmatan talipon dail terus di antara Bintulu dan Kuching serta antara Bintulu dan Miri di Sarawak akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, plan-plan telah siap untuk

memberi kemudahan dail terus (*subscribers trunk dialling facilities in Sarawak*) bagi pelanggan-pelanggan di kawasan-kawasan Bintulu, Miri dan Kuching. Kerja-kerja atas bangunan baharu di Bintulu telahpun dimulakan dan kerja atas bangunan di Miri akan dimulakan tidak lama lagi dan pesanan alat-alat ibusawat baharu telah dibuat. Kerja-kerja pembinaan dan kerja-kerja pemasangan alat-alat ibusawat akan mengambil masa selama 30 bulan. Oleh yang demikian, adalah dijangkakan bahawa kemudahan dail terus ke bandar-bandar ini akan siap pada bulan Mei, 1977.

TERNAKAN MATI TERMAKAN RACUN

3. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar bahawa:

- (i) (a) pampasan untuk ternakan yang mati termakan racun terlalu lambat dibayar dan di Negri Sembilan penternak lembu yang hilang ternakan mereka selepas tahun 1971 belum lagi diberi pampasan;
- (b) ternakan yang mati termakan racun rumput seperti Gramaxone, Lallang Pon dan lain-lain compound organo phosphorous, yang biasa digunakan oleh peladang-peladang dan tuan punya estet-estet besar pada masa ini, tidak diberi sebarang pampasan;
- (ii) Apakah langkah-langkah yang beliau bercadang hendak ambil untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) (a) Saya sedar masih ada lagi tuntutan-tuntutan yang dibuat semenjak, 1971 bagi bayaran kerugian daripada kematian ternakan yang termakan racun sodium arsenite yang belum dijelaskan untuk Negri Sembilan dan juga Negeri-negeri lain. Sejak 26-3-66 hingga 30-11-74 sebanyak 8,765 tuntutan yang bernilai lebih kurang \$3.14 juta telah dibuat untuk seluruh negara. Jumlah tuntutan yang telah dijelaskan ialah sebanyak 5,128; bernilai \$1.8 juta bagi jangkamasa yang sama.

(b) Saya juga sedar bahawa tiada pampasan diberi sebagai bayaran kerugian kerana kematian binatang ternakan yang termakan racun selain daripada sodium arsenite. Ini ialah kerana Jawatankuasa Kumpulan Wang Pampasan ini hanya dibenarkan mengganti rugi atas kematian disebabkan oleh sodium Arsenite sahaja.

(ii) Penjelasan tuntutan dibuat daripada kutipan cess impot sodium arsenite yang diselenggarakan oleh pihak Kastam dan sebahagian daripada kutipan ini diuntukkan kepada Jawatankuasa Kumpulan Wang Pampasan ini. Daripada bulan Januari 1966 hingga Julai 1974 yang telah diterima oleh Jawatankuasa ini ialah \$1.19 juta sahaja, jikalau dibandingkan dengan tuntutan sebanyak \$3.14 juta untuk jangka masa yang sama. Perbelanjaan-perbelanjaan lain untuk memproses dan mengendalikan skim ini pun menggunakan wang daripada punca yang sama.

Kerajaan telah cuba mencari punca kewangan lain untuk menjelaskan tuntutan-tuntutan yang belum dijelaskan lagi ini, tetapi oleh kerana kepentingan tanggungan perbelanjaan lain seperti subsidi barang-barang keperluan, peruntukan belum dapat diberi kepada Jawatankuasa Kumpulan Wang Pampasan Ternakan kerana sodium arsenite ini. Usaha ini masih diteruskan. Sementara itu Kerajaan telah menggalakkan penggunaan racun rumput-rumpai yang kurang bisa daripada sodium arsenite seperti M.S.M.A., Gramaxone dan sebagainya.

Satu langkah lagi ialah dengan mengadakan peraturan-peraturan bagi kegunaan sodium arsenite dan juga bahan-bahan kimia yang lain termasuk jenis-jenis yang mengandungi organo-phosphorus apabila Akta Racun Makhlok Perosak yang telah diluluskan oleh Dewan ini dapat dilaksanakan melalui Akta ini, pihak-pihak menggunakan bahan-bahan ini akan lebih bertanggungjawab.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dalam jawapan yang diberikan itu pokok kesusahan

yang ada pada masa ini ialah kekurangan wang dalam kumpulan wang yang digunakan untuk membayar pampasan. Jika sedar, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia meminta pihak Perbendaharaan memberi lebih wang untuk kumpulan ini atau memberi subsidi untuk memasuki dalam kumpulan wang ini oleh sebab perkara ini adalah sangat buruk. Penternak-penternak yang menghadapi kesusahan kerana kematian ternakan itu adalah penternak-penternak kecil di kampung yang mempunyai satu dua ternakan sahaja. Adakah Timbalan Menteri bersedia menyelesaikan hal ini?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, samada Treasury ataupun Kementerian ini adalah tanggungjawab bersama, dan Kementerian ini sebagaimana yang telah saya terangkan tadi usaha untuk mendapatkannya akan diteruskan dan perkara ini adalah dalam pengetahuan pihak Perbendaharaan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Harga, 1946; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN BEKALAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kawalan Bekalan, 1961; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (10hb Disember, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka maklumkan kita telah boleh dikatakan lewat sehari daripada Jadual yang telah saya susun untuk kita membincangkan dalam Jawatankuasa. Jadi, saya cadangkan perbahasan di bawah

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan ditamatkan pada pukul 4.00 petang ini dan selepas itu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menjawab. Apabila telah selesai jawapan Menteri, kita akan membincangkan anggaran Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan dan sebagaimana saya telah maklumkan semalam kalau boleh, kita hendak tamatkan juga pada hari ini bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan begitu juga Kementerian Pertahanan.

Sungguhpun saya memperuntukkan waktu lebih kurang 10 minit pada tiap-tiap seorang Ahli yang hendak berucap, tidaklah bermakna Ahli-ahli mesti berucap 10 minit, kalau boleh dikurangkan adalah lebih baik. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam telah bercakap 5-6 minit bagi seorang. Dengan itu ramailah Ahli-ahli yang lain dapat bercakap.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus menyambungkan ucapannya. Beliau ada lagi peluang selama 5 minit sahaja pada petang ini.

Kepala B. 20 (Jadual)—

Kepala P. 20 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

2.45 ptg.

Tuan Lokman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam menyambung ucapan saya pada petang semalam, saya mengesyorkan demikian bagi membolehkan negara kita ini meluaskan perdagangan kita ke negara-negara yang dinamakan sekarang ini negara Asia Barat, yang boleh dikatakan sekarang ini banyak wang daripada seluruh dunia bertumpu ke sana.

Jadi, Tuan Pengerusi, untuk merengskakan masa yang diharapkan, saya hanya suka menyebutkan satu perkara lagi iaitu Kepala P. 20, Pecahan-kepala 15, berkenaan dengan Syarikat Batek dan Perusahaan Tangan Malaysia Berhad. Dalam perusahaan batek di negara kita ini saya nampak dalam peruntukan yang dibuat ini ataupun Budget kita pada tahun ini tidak ada ditentukan samada peruntukan secara langsung ataupun secara pinjaman yang dibuat ini. Barangkali Kementerian ini memikirkan bahawa perusahaan batek di dalam negara kita ini tidak perlu

lagi dimajukan, diperhebat atau diperbesarkan. Tuan Pengerusi, apa yang saya tahu bahawa perusahaan ini sekarang ini sedang menghadapi kemerosotan oleh beberapa sebab selain daripada sebab inflasi, maka satu sebab yang lain yang sangat hebat sekarang ini iaitu menghadapi persaingan batek-batek yang dibawa masuk daripada negeri luar dan batek-batek print yang dibuat dalam negara kita ini. Walaupun saya diberitahu bahawa memang Kementerian ini tidak membenarkan perusahaan batek print dalam negara ini membuat kain atau mengecap kain yang bercorak batek, tetapi mungkin ada helah yang boleh dibuat bahawa ini bukan bercorak batek dan sebagainya, tetapi dari segi hakikatnya adalah bercorak batek. Dengan sebab batek telah dibuat dengan secara itu, maka sudah tentulah batek yang dibuat mengikut tradisi lama ataupun handicraft yang dibuat itu sudah tentulah tidak dapat menandingi harganya walaupun mutunya lebih baik, tetapi kepada pembeli-pembelinya sudah tentu mereka akan membeli batek yang lebih murah.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam perusahaan batek ini banyak perkara yang terpaksa dihadapi oleh pengusaha-pengusahanya. Yang pertama, soal kenaikan harga ubat batek ataupun ubat-ubat yang hendak digunakan bagi membuat batek. Ini adalah satu perkara yang amat berat kepada pengilang-pengilang ataupun pengusaha batek. Dalam perkara ini, saya harap benar-benar kepada Kementerian ini supaya berusaha ataupun berikhtiar mencari ubat-ubat batek daripada mana-mana negeri yang boleh digunakan dengan harga yang lebih murah supaya perusahaan batek yang begitu hebat dan begitu besar di dalam negara kita ini tidak akan lenyap dan tidak akan mati.

Tuan Pengerusi, kalaulah keadaan sekarang ini berterusan, pada pandangan saya pengusaha-pengusaha batik ini akan menghadapi masa depan yang amat gelap sekali. Mengikut apa yang saya tahu baik batik yang diusahakan oleh MARA sendiri sekarang ini sudahpun merosot dan apa yang diberitahu ialah stok-stok batik yang telah dibuat begitu banyak sekali tidak dapat diedarkan mahupun dalam negeri ataupun keluar negeri. Kalaulah Kementerian ini tidak berusaha sama mencari pasaran ataupun menghantar misi-misi keluar negeri untuk mengiklankan batik-batik di Malaysia ini

bagi pasaran luar negeri dan ada hubungannya dengan apa yang saya perkatakan tadi iaitu pasaran yang meluas di negeri-negeri Asia Barat mungkin kita akan dapat mencari pasaran yang banyak dan sedikit-sebanyak dapat menolong pengusaha-pengusaha batik ini bagi meneruskan perusahaan dan bagi mengembangkan kemajuannya

2.52 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, sangatlah penting bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini diberi kakitangan dan juga peruntukan wang secukupnya supaya dapat Kementerian ini menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna dan juga amat penting demi kemajuan dan kemakmuran negara.

Barangkali kita masih ingat lagi pada masa soal-jawab di dalam Dewan ini Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sendiri telah mengaku bahawa di tiap-tiap urusan Kementerian ini kekurangan kakitangan. Saya sendiri telah mengemukakan soal berkenaan kekurangan kakitangan di Urusetia Majlis Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan dan juga berkenaan kekurangan kakitangan di Bahagian Penguatkuasa dan Yang Berhormat Menteri itu telah dengan jelas dan terang mengaku keadaan itu memang benar. Di sini saya suka menegaskan bahawa kerja-kerja yang dijalankan oleh bahagian-bahagian yang semacam ini yang sangat penting pada masa sekarang ini yang tak dapat kita biarkan dengan kekurangan kakitangan sehingga tak dapat bahagian-bahagian ini menjalankan kerjanya dengan sempurna.

Berkenaan dengan peruntukan, kalau kita semak peruntukan yang ditunjukkan dalam Buku ini, misalnya, di bawah Pecahan-kepala 2600, perkhidmatan Percetakan Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan diperuntukan sebanyak \$5,000. Ini nyata tidak mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja dan tanggungan untuk Urusetia ini.

Saya perhatikan dalam Pecahan-kepala 4100 di mana ditunjukkan pemberian subsidi dan carum-carum tidak ada peruntukan satu sen pun untuk badan-badan atau Persatuan-persatuan Pengguna. Saya rasa, kalau dapat, hendak dimasukkan satu ketetapan dengan menambahkan duit sekurang-kurangnya

peruntukan tanda \$10, tetapi telah diberitahu bahawa ini tak dapat dilakukan. Kalau hendak dipotong gaji peruntukan token itu boleh, katanya, tetapi hendak ditambah mesti mendapat keizinan daripada pihak Kerajaan, jadi nampaknya tak dapat. Walau bagaimanapun, saya membuat rayuan juga supaya pihak Kementerian dan pihak Kerajaan akan sedar tentang pentingnya peranan Persatuan-persatuan Pengguna, kerana jikalau kita hendak mengatasi masalah yang kita hadapi dalam keadaan inflasi ini pihak Persatuan-persatuan Pengguna boleh memberi kerjasama kepada Kerajaan, tetapi persatuan-persatuan ini tak dapat menjalankan tugas dan peranannya kalau tidak ada pertolongan. Sebaliknya, didapati ada pihak foundation dari luar negeri yang dibenarkan bergerak di sini dengan menghulurkan belanja beratus dan berpuluh ribu ringgit kepada pertubuhan-pertubuhan termasuk juga satu pertubuhan pengguna dan kerana dapat wang yang macam ini tidak mahu campur pula dengan Pertubuhan Pusat atau Pertubuhan Nasional. Saya rasa kalaulah pihak Kerajaan boleh mengadakan peruntukan sebagai carum atau sebagai pemberian atau subsidi kepada Persatuan-persatuan Pengguna tentulah Persatuan-persatuan Pengguna seluruh negeri ini akan dapat memberi sumbangan yang lebih berkesan.

Saya suka menarik perhatian bahawa Persatuan Pengguna dalam negeri ini ialah satu gerakan yang baru yang menyatupadukan umat kita dari semua bangsa dan keturunan dengan tidak mengira apa agama yang dianutnya ataupun kepartian politiknya. Terdapat dalam gerakan pengguna dalam negeri ini ahlinya terdiri daripada semua parti, daripada semua ugama, daripada semua keturunan. Jadi pertubuhan-pertubuhan yang semacam inilah yang sepatutnya Kerajaan memberi sokongan dan bantuan.

Saya suka juga menarik perhatian tentang keadaan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna. Banyak orang telah menegur tentang peranannya—samada Majlis ini telah dapat menjalankan tanggungannya. Saya sendiri sebagai seorang ahli dalam Majlis ini bolehlah mengakui bahawa setakat yang dapat dijalankan Majlis ini telah menjalankan kerjanya, tetapi dengan syarat-syarat ataupun dengan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya pada hari ini tentulah Majlis Penasihat Pelindung Pengguna

ini tak dapat menjalankan lebih daripada apa yang telah dijalankan setakat ini. Barangkali pihak Kerajaan patut menimbang semula tentang kuasa-kuasa yang diberi kepada Majlis ini, tentang tugas-tugas dan peranan-peranan yang ditetapkan untuk pertubuhan ini. Masanya telah tiba, selepas kita telah mencuba selama 1½ tahun, untuk kita menyusun semula bagi mengadakan tujuan-tujuan yang berubah sedikit sehingga dapat badan ini bergerak sebenar-benarnya untuk mendidik, mempertahankan kepentingan pengguna-pengguna dan dengan itu menjadi satu badan yang boleh menunaikan kewajipan sebetulnya, bukan sebagai satu badan yang memberi nasihat semata-mata yang tidak ada kuasa membuat apa-apa lain daripada itu. Sudah ada desakan yang timbul supaya Kerajaan juga menimbangkan samada eloknyanya mengadakan satu jabatan yang diberi tanggungan khususnya bagi melindungi pengguna ataupun menguruskan hal-ehwal pengguna. Barangkali elok kita ingat, di England Menteri Perdagangan itu diberi gelaran Menteri Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (Minister of Trade and Consumer Affairs). Saya fikir barangkali belum lagi sampai masanya mengadakan seorang Menteri Hal Ehwal Pengguna, tetapi sekurang-kurangnya elok kita adakan satu jabatan. Sebaik-baiknya jabatan ini di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri, diketuai oleh seorang pegawai kanan yang diberi gelaran Ketua Pengarah (Director-General) yang boleh bertanggungjawab kewajipan yang begini berat untuk menjaga dan menguruskan segala hal ehwal berkaitan dengan pengguna.

3.01 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu): Tuan Pengerusi, saya mohon bercakap di atas Kepala Bekalan B. 20, Pecahan-kepala 1100(3) Bahagian Penguatkuasa dan 1100(4) Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat lain pun sudah juga berkata di Dewan ini mengenai pandangan mereka berkaitan dengan aspek kedudukan itu. Tetapi, saya ingin menyentuh kepada aspek tersebut dari segi keadaan di kawasan Bau-Lundu dan di tempat-tempat jauh di negeri Sarawak. Di tempat saya dan banyak tempat di seluruh Sarawak nampaknya berkurangan kegiatan-kegiatan Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini yang dapat menghalang

penjual-penjual mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang-barang di kedai runcit mereka. Terpaksalah di tempat-tempat itu pembeli-pembeli menjadi mangsa penjual-penjual yang ingin untung besar dan berlebihan, terutama sekali bila Kerajaan sudah memaklumkan menerusi radio ataupun suratkhbar fasal bahan-bahan terkawal, misalnya, beras. Selepas bahan ini sudah jadi bahan terkawal dahulu banyak pekedai-pekedai yang menaikkan harganya, meletakkan harga berasnya lebih tinggi daripada kenaikan yang dibenarkan oleh Kerajaan. Bila pembeli ataupun pengguna dari kampung tiba ke kedai mereka dan bertanya mengapakah harga beras ini tinggi, mereka kata harga beras akan naik lagi, kalau mahu murah pergilah beli ke pejabat Kerajaan. Mereka kata sekarang beras berkurangan di negara kita. Saya memberi contoh, di satu tempat ada berlaku perkara ini iaitu di Tondong, sebuah pekan yang tidak jauh dari bandar Bau di mana banyak orang-orang kampung dari kawasan Singa-Bau Sub-district pergi. Di situ tidak berapa lama dahulu selepas pilihanraya, seorang pekedai iaitu seorang ahli parti SUPP sudah menolong Barisan Nasional di kawasan saya berkata kepada pembeli yang datang membeli beras ke kedainya bila harga sudah naik berbunyi begini: Oh! tak usah kata beras mahal sebab akan mahal lagi, katanya. Kalau mahu beras murah, pergilah beli di Pejabat Parti SNAP. Orang-orang kampung sudah undi parti SNAP; orang kampung patut minta beras daripada mereka yang menang dari parti itu.

Saya sentuh perkara ini bukan hanya untuk mengambil masa yang panjang, tetapi perlu saya katakan di sini bahawa kelakuan begitu ataupun perkara yang berlaku begitu menggambarkan bahawa ada pihak yang ingin mengambil kesempatan membuat sesuatu seperti beras ini dijadikan alat politik dan ini boleh memecahkan persaudaraan di antara kaum.

Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju dengan Kementerian ini melancarkan penguatkuasanya, iaitu patut lebih digalakkan lagi supaya mencegah kenaikan harga barang-barang yang perlu, tetapi bila kita melancarkan penguatkuasa ini dengan tidak harus sampai ke tempat yang jauh dari bandar, maka banyak pengguna-pengguna di tempat yang berjauhan dari bandar

pekan menjadi mangsa kepada orang mencari untung yang berlebihan. Keadaan ini bukan hanya dengan bahan beras sahaja tetapi dengan bahan-bahan yang lain seperti baja dan sebagainya. Dengan adanya kegiatan Kerajaan mengadakan anti-sorok sedikit masa dahulu, anti-sorok ini sudah menimbulkan satu lagi masalah baru iaitu pekedai-pekedai tidak dapat menyimpan banyak lagi barang-barang keperluan di rumah mereka. Ini menyebabkan artificial shortage situation iaitu banyak kalinya sudah berlaku walaupun ada bahan-bahan itu disimpan di dalam kedainya tetapi pekedai tidak mahu menjual kecuali dengan harga yang tinggi.

Saya faham anti-sorok memang baik dan apa-apa langkah Kerajaan mengambil untuk mencegah kenaikan harga bahan makanan dan bahan-bahan pengguna seperti baja memang baik, tetapi saya memohon Kerajaan mesti implementkan tujuannya dengan awas supaya tindakan Kerajaan tidak harus diambil oleh orang pertengahan sebagai lesen menaikkan harga barang-barang jualan mereka.

Mengenai perdagangan dalam negeri, saya ingin menyentuh sedikit tentang adanya di kawasan pilihanraya Bau-Lundu pekedai-pekedai di bandar Bau dan Lundu yang mempunyai lori dan kereta-kereta, mereka berjalan menaiki kereta mereka berdagang runcit ke kampung-kampung dan tempat-tempat di tepi jalanraya. Dari segi kita menggalakkan bumiputra berniaga, kejadian ini tidak patut berlaku dan kejadian ini juga akan menghalang bumiputra masuk ke bidang perdagangan dan perusahaan. Sebenarnya di kawasan yang saya sebutkan tadi, orang dari bandar naik pakai lori menghantar barang ke kampung-kampung yang mana ada juga kedai kampung di sana dan sekarang banyak kedai kampung itu sudah tutup kerana hampir bankrupt. Mereka tidak dapat menjual dan membeli kerana pekedai-pekedai dalam bandar dan pekan sudah menandingi pekedai-pekedai di kampung itu. Ini sudah menjadi satu perkara yang menimbulkan kesusahan di kampung-kampung iaitu pekedai di kampung sudah tutup dan bila hari hujan mereka dari bandar tidak dapat naik, maka orang-orang di kampung tidak dapat membeli bekalan mereka.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh lagi kepada Kepala 4100(12) Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Di Bahagian Pertama Negeri Sarawak ada banyak tempat yang menarik hati pelancung. Misalnya Kampung Bennet yang tidak jauh dari Kuching, di sana ada sebuah rumah panjang dan di Kampung Sebandi Ulu daerah Lundu ada juga sebuah rumah panjang yang sudah jadi rumah panjang yang selalu didatangi oleh pelancung-pelancung. Satu lagi tempat yang menarik hati iaitu muzium di Sarawak yang menggambarkan banyak cara kehidupan dan kedudukan rakyat di Negeri Sarawak. Selepas PATA Conference tahun 1972 sudah bertambah banyak pelancung-pelancung melihat Sarawak tetapi bilangan daripada mereka yang berasal dari Semenanjung kurang kalau dibandingkan dengan pelancung daripada Sarawak ke Semenanjung. Sarawak sekarang menghadapi deficit dan ini juga sudah menimbulkan di kalangan masyarakat Malaysia di Semenanjung bahawa banyak daripada mereka tidak mengenali Negeri Sarawak, mengenai rakyat di sana dan berbagai-bagai cara di negeri itu.

Saya misalkan di sini, tidak berapa lama dahulu saya ditanya: "Awak dilahirkan di mana?" Saya kata, "Di Sarawak". Dia bertanya lagi: "Adakah Sarawak itu di Sabah?" Ini merupakan keadaan yang tidak sesuai. Saya memohon di sini Kementerian menggalakkan lagi perbadanan pelancungan negara kita untuk menghantar ramai lagi pelancung-pelancung dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak supaya kita mengeratkan lagi persaudaraan di antara rakyat di Malaysia ini.

3.11 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Kepala B. 20, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan yang dalam huraian petang semalam menunjukkan tanda-tanda yang Kementerian itu akan membawa satu kebaikan kepada pengguna-pengguna dan industri-industri untuk menguatkan lagi kedudukan kepada Bumiputra di segi perniagaan.

Di samping itu, di sini saya mengesyorkan beberapa perkara. Pertama berkenaan dengan Bahagian Penguatkuasa. Semalam juga di

dalam TV saya telah mendengar yang Kerajaan akan menguatkuasakan harga berbagai barang, meletakkan harga barang, dan sebentar tadi kita sama-sama mendengar Yang Berhormat Menteri mengemukakan satu undang-undang yang akan dibuat di dalam Dewan ini juga, di dalam penggal ini juga. Ini menunjukkan Kementerian ini sungguh-sungguh mengambil berat, tetapi walau bagaimanapun sekalipun tentang pengawalan harga barang-barang ini, meletakkan harga barang-barang ini, saya berpendapat sekiranya kita tidak awasi betul-betul atau mengredkan barang-barang yang tersebut bagaimana L.P.N. mengredkan beras, ada Beras Malaysia Panjang 10%, Super 25%, begitu juga Malaysia Pendek dan sebagainya. Barang-barang yang berkenaan ini patut juga digredkan, terutama sekali kain, tetapi pada pendapat saya sebagai guris api, gula, tepung dan sebagainya, ini semua diketahui oleh umum, tetapi kain cit dan sebagainya, perkara-perkara yang jarang dibeli yang digunakan juga oleh pengguna. Mereka selalu sangat kena tipu. Ada di antara kedai-kedai yang meletakkan harga barang-barang, misalnya, \$7 pada sehela tetapi sesudah ditawarkan-menawar sampai harga yang sebenarnya \$4 diberikan oleh peniaga yang berkenaan. Bererti dengan sendirinya \$3 itu ialah tanda harga yang tidak tepat pada kain yang berkenaan. Itu kepada orang yang suka tawar-menawar, kalau terkena kepada orang yang takut dan yang dia menganggap harga ini ditetapkan oleh Kerajaan, jadi harga ini tidak berani ditawarkan oleh pihak pembeli tadi, maka sudah tetap \$3 mereka ambil untung dengan percuma. Kadang-kadang pihak pekedai ini bila dilihat seorang itu takut sedikit, dia kata harga ini ditetapkan oleh Kerajaan, tetapi bila dia tengok kawan baik dia, ini kerana kawan saya beri. Banyak didapati kedai-kedai seperti ini walaupun ada kedai yang tepat pada harganya. Saya berpendapat patutlah digredkan harga-harga kain yang berkenaan mengikut jenis-jenis kain yang berpatutan.

Begitu juga tentang beri 10%, potong 10%, saya fikir tidak perlu. Setengah-setengah pengguna-pengguna dia tidak memikirkan tentang peratus. Ada setengah daripada kedai-kedai yang mengatakan boleh potong 10%, setengah daripada pengguna yang terdiri daripada petani-petani dan orang kampung apa yang dikatakan peratus, potongan-potongan dia pun tidak fikirkan.

Ada setengahnya pula diberi 10% keuntungan. Misalnya, satu harga seringgiti diberi kopon dan sebagainya dan kopon yang berkenaan tidak boleh dibeli melainkan di kedai yang berkenaan juga. Dibeli satu benda diambil di tempat yang berpatutan, tetapi di tempat lain tidak boleh beli. Langkah yang tersebut pada pendapat saya patut dihapuskan langsung.

Tuan Pengerusi, tentang kawalan anti-sorok. Gula mula-mula dinaikkan dahulu ada, tetapi menjelang Hari Raya Haji mula sudah tidak ada balik. Begitu juga minyak tanah dan sebagainya. Kita sebagai wakil rakyat kadang-kadang dianggap oleh pengundi sebagai taukeh gula dan sebagainya. Ditanya mana gula. Apa yang saya hendak jawab. Saya kata, saya tidak tahu gula tidak ada. Bila dekat dengan hari perayaan yang besar seperti ini pihak peniaga agak saya masih menyorok barang-barang yang berkenaan. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan harus mengambil tindakan yang lebih wajar lagi dan tentang soal saya yang pertama tadi saya berharap menambahkan pegawai-pegawai sepertimana yang dikatakan oleh Menteri tadi pegawai-pegawai yang berkemahiran menilai barang-barang tersebut. Janganlah kita pilih pegawai apabila ditanya taukeh yang berkenaan ataupun peniaga mengatakan harga ini berpatutan, sedangkan harganya memang tidak patut.

Tentang gula tadi kalaulah keadaan negara kita disebabkan gula kurang, industri yang ada tidak cukup sebagaimana yang dikatakan oleh Kerajaan, ada di antara pengguna-pengguna yang menggunakan gula terlampau banyak dan kadang-kadang pihak pekedai, pihak peniaga memberi tidak begitu adil. Kepada siapa yang dia agak takut sedikit dia beri gula itu banyak, tetapi kepada siapa yang dia tidak takut dia beri gula sedikit dan kadang-kadang dikatakan tidak ada terus. Kalau keadaan tidak dapat dielakkan, saya mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan sampai satu ketika supaya gula kita cukup balik, buat satu penyatuan ataupun kopon sebagaimana yang dibuat pada masa yang lepas. Saya takut dekat Hari Raya Haji banyak perkara ini akan berlaku.

Tuan Pengerusi, saya bercakap sedikit tentang industri. Saya cukup berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan berasa lapang dada bila Menteri menyatakan

kelmarin, perindustrian kita ditubuhkan dengan luas dan memberikan keistimewaan kepada bumiputra. Di sini saya suka lah mengesyorkan tentang syer-syer ataupun saham. Ramai bumiputra-bumiputra yang ada kemampuan untuk membeli saham-saham daripada industri, tetapi walau banyak mana mereka membeli sekalipun, mereka itu tidak lebih daripada wang simpanan iaitu mendapat keuntungan pada setahun sekali ataupun dua tahun sekali. Mereka tidak ada habuan langsung untuk dapat jadi Pengarah walaupun mereka sepatutnya jadi Pengarah. Kerap kali saya berpendapat janganlah kata setengah orang, kalau ada industri pengarahnya terdiri daripada orang-orang yang lama. Kalau saya hendak kata juga peliklah sedikit, daripada orang yang sudah berpenecen semuanya jadi Pengarah. Setengahnya ada menjadi Pengarah di empat buah kompeni. Saya berpendapat sepatutlah pengarah-pengarah ini diberi juga kepada orang-orang yang ada syer walaupun ia muda dan apatah lagi kalau boleh ia dapat memberi kerjasama kepada industri itu, dan kepada petani-petani ataupun bumiputra umum dapat diterangkan tujuan-tujuan diadakan industri-industri yang berkenaan.

Di dalam huraian Menteri petang semalam saya amatlah tertarik hati tentang industri yang akan mengutamakan bahan-bahan tempatan. Bahan-bahan tempatan ini agak saya seperti getah, bijih dan lain-lain lagi. Saya mengesyorkan di sini kepada Menteri yang berkenaan patutlah sangat sebagaimana kata Menteri kelmarin di dalam cerita-cerita, walaupun mutunya kurang baik sedikit asal-kah benda itu daripada tempatan, misalnya, saya kata daripada Kedah apa yang patut dibuat oleh Menteri tentang jerami, daripada kulit-kulit binatang, seperti kulit kerbau dan sebagainya. Walaupun mutunya tidak begitu tinggi, tetapi kalau dikira daripada kos untuk membuatkan barang tersebut nilai harganya tidak lebih daripada harga yang kita ambil daripada luar negeri, saya berpendapat patutlah kita buat daripada barang tempatan sendiri. Dengan ini bererti menambahkan pekerjaan-pekerjaan dalam Malaysia dan membolehkan barang-barang kita menjadi berharga seperti saya kata jerami tadi. Kita dengar bendang ditanam dua kali, maka dengan sendirinya petani-petani terpaksa membakar jerami, kadang-kadang masa membakar terkena masa hujan. Alangkah bahagiannya petani tadi kalaulah jerami

yang berkenaan dapat dibuat industri kilang kertas dan sebagainya. Apatah lagi kita ketahui Kerajaan kita pada hari ini menggunakan banyak kertas-kertas walaupun kilang yang berkenaan itu sudah ada patutlah ditambahkan lagi.

Begitu juga saya dengar daripada pihak Kementerian yang berkenaan akan mengadakan kilang baja. Ini juga amat penting kerana di Malaysia kita khasnya di utara Malaysia, Kedah dan Perlis yang mana menjadi negeri jelapang padi banyak menggunakan baja-baja. Saya berpendapat patut sangatlah kilang baja ini diadakan juga di Kedah. Kalau hendak dikatakan di Perlis ini amatlah pelik sedikit. Saya dengar daripada pihak Kementerian akan mengadakan kilang tersebut di negeri lain. Saya mengesyorkan patut diadakan juga di utara Malaysia dan yang akhir sekali

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Shaari bin Jusoh: Yang akhir sekali saya minta pasaran barang-barang PERNAS ini juga patut diadakan di utara Malaysia.

3.20 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Kepala B. 20 dan P. 20, saya mengambil peluang ini memberi dua tiga pandangan saya berkenaan dengan pelaksanaan tugas-tugas Kementerian ini.

Dua hari yang lalu masa kita berbahas berkenaan dengan peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, saya telah mengesyorkan iaitu sebagai satu sumbangan yang berkesan lagi yang dibuat oleh bangsa dan negara untuk kemajuan kawasan-kawasan di luar-luar bandar.

Saya telah mengesyorkan iaitu Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar dan kakitangan Kementerianannya, dalam melaksanakan dasar utama seperti yang diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa menambahkan makanan akan diberi setinggi-tinggi keutamaan pada tahun 1975 dan di tahun-tahun yang akan datang.

Saya telah mengesyorkan iaitu ditanamkan bahan-bahan makanan dan juga tanaman-tanaman yang lain yang boleh diproseskan

di dalam kilang-kilang. Dengan ini kilang-kilang bolehlah ditempatkan di kawasan-kawasan luar bandar dan tidak di bandar atau dekat bandar sahaja.

Saya faham bila hendak mendirikan satu-satu kilang dan industri, kita berkehendakkan juga sumbangan dan kerjasama daripada pihak-pihak pelabur dan mereka ini biasanya apabila hendak mendirikan satu-satu kilang itu, mereka menengokkan kepada ekonominya iaitu mereka lebih suka menempatkan kilang-kilang tersebut di kawasan-kawasan perindustrian yang telah dikhaskan oleh Kerajaan kita dekat dengan bandar-bandar yang besar dalam negeri ini. Misalnya, mereka berkehendakkan letrik yang cukup dan juga perairan yang cukup serta senang membawa bahan-bahan mentah dan barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang ke pelabuhan. Ini saya faham, tetapi oleh sebab orang-orang kita di kawasan-kawasan luar bandar telah lama menunggu-nunggu, bertanya-tanya, bilakah lagi kilang-kilang dan industri-industri akan dapat berkembang ke kawasan-kawasan kami ini. Kerana masa tidak mengizinkan, saya mengesyorkan mustahak dan penting diadakan satu polisi yang tegas Kerajaan menggalakkan kilang-kilang ini pergi ke kawasan-kawasan luar bandar. Dengan adanya kilang-kilang di kawasan-kawasan luar bandar, orang-orang kita di kampung-kampung, khasnya petani-petani dan nelayan-nelayan kita akan nampak dengan mata mereka sendiri zahir dan nyata bahawa dengan sebenar-benarnya Kerajaan melaksanakan dasar-dasar yang Kerajaan telah isytiharkan beberapa tahun akan dibuat untuk meninggikan taraf kehidupan orang-orang kita di luar-luar bandar supaya setaraf pendapatannya dengan orang-orang di dalam bandar.

Tuan Pengerusi, saya faham bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini banyak tugasnya. Bermacam-macam cara kerja-kerja yang mesti dibuat. Daripada pengalaman saya sendiri, saya selalu juga melawat dan pergi ke Kementerian ini, saya tengok Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawainya sebak melayankan segala permohonan dan rayuan-rayuan yang datang bertalu-talu daripada pihak-pihak swasta dan sebagainya. Ini, boleh jadi oleh sebab Kementerian ini terlampau banyak tugasnya hingga tidak dapat mereka hendak melaksanakan projek-projek

dan rancangan-rancangan daripada inisiatif mereka sendiri. Saya faham atas perkara ini. Tetapi oleh sebab pada pandangan dan syor yang saya sebutkan tadi adalah satu syor yang saya fikir patut diberi setinggi-tinggi keutamaan, saya minta dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri dan kakitangan-kakitangan Kementeriannya supaya memberi perhatian yang berat dan setinggi-tinggi keutamaan kepada syor yang saya sebutkan itu.

Yang keduanya, saya suka juga mengambil peluang ini menyatakan dalam Majlis yang mulia ini, iaitu semasa saya bertugas sebagai Pesuruhjaya Tinggi di Britain selama 2½ tahun, saya tahu dan faham bahawa satu surat Pekeliling telah dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat kepada kedutaan-kedutaan kita di luar negeri bahawa setinggi-tinggi keutamaan patut diberi oleh kedutaan-kedutaan kepada hal ehwal dan perkara-perkara berkenaan dengan perdagangan dan perusahaan.

Saya cukup bersetuju dan sokong penuh directive ini kerana kepada saya untuk masa depan dan untuk kepentingan sesuatu negeri itu muktamadnya ialah "dollars and cents", iaitu perhubungan baik siasah dan perhubungan baik yang lain-lain itu sungguh penting untuk Kerajaan-kerajaan dalam dunia ini bekerjasama di antara satu sama lain. Tetapi kepada saya ini ialah untuk mencari jalan supaya tiap-tiap negeri itu boleh berhubung dengan pasaran-pasaran di luar negeri untuk menjualkan barang-barang yang ditanam dan barang-barang yang dikeluarkan dalam kilang-kilang di dalam negerinya dan untuk mendapat harga yang lebih dan sekurang-kurangnya menjaga supaya harga yang baik akan didapati bagi barang-barang yang dikeluarkan itu tidak dengan semena-mena turun harganya.

Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan kepada Kementrian ini memberi perhatian yang berat kepada Bahagian-bahagian Perdagangan dan Perusahaan yang ada di setiap-tiap Kedutaan di luar negeri. Saya harap mereka memberi pandangan yang berat dan juga pada pandangan saya boleh jadi oleh sebab banyak lagi pegawai-pegawai yang hendak dilantik, maka dengan sebab itu boleh jadi kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di Bahagian Perdagangan dan Perusahaan di Kedutaan-kedutaan di luar negeri.

Saya harap Kementrian ini akan mencari jalan seberapa yang boleh melebihi lagi kakitangan-kakitangan dalam bahagian-bahagian ini. Dan apabila mereka menghantar pegawai-pegawai, saya berharap janganlah hantar pegawai yang baru 1-2 tahun bertugas, yang tidak cukup pengalaman (experience) bercampur dengan orang-orang yang menjalankan perdagangan. Saya harap apabila dihantar, hantarlah orang yang masak, orang yang mature, orang yang sudah cukup pengalaman. Kalau sekiranya dihantar orang-orang yang tidak cukup pengalaman itu akan menjadi counter productive. Inilah dua tiga perkara yang saya suka mengambil peluang menyebut dalam Majlis yang mulia ini. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

3.30 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong di atas Anggaran Perbelanjaan Kementrian Perdagangan dan Perindustrian. Saya menyokong segala syor-syor di mana pegawai dan kakitangan Kementrian ini ditambah dengan pegawai yang terlatih dan cekap, terutama sekali Pegawai-pegawai Penguatkuasa, sebab apa yang berlaku di kawasan saya sedikit masa dahulu di mana \$1½ juta gula disorok. Tetapi kesudahannya apabila pergi di mahkamah buang kes sahaja. Ini menunjukkan bahawa pegawai-pegawai yang menjalankan tugas itu kurang cekap dan terlatih, dan ini juga melemahkan semangat masyarakat untuk bekerjasama dengan Kerajaan. Pegawai-pegawai yang cekap dan terlatih juga dikehendaki supaya apabila permintaan atau permohonan dari pengusaha-pengusaha untuk menaikkan harga dapat diselidik dan disiasat dengan sehalus-halusnya supaya tidak timbul satu perkara di mana pengeluar-pengeluar bahan utama ini ada berkaitan dengan pengeluar-pengeluar bahan mentah iaitu raw material di luar negeri dengan sengaja barang-barang mentah ini dinaikkan supaya keuntungan dengan tidak sengaja dapat dikeluarkan keluar negeri.

Perkara yang kedua, saya juga ingin menyeru kepada Kementrian yang berkenaan ini supaya menyemak dan mengawas ajensi-ajensi Kerajaan yang sedang atau diberi tugas untuk membantu bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan sebagaimana tercatat dalam Dasar Ekonomi Baru.

Misalnya, dalam S.E.D.C. sungguhpun sekarang banyak Bumiputra yang ingin masuk di dalam bidang perniagaan, tetapi apabila datang hendak meminjam wang daripada bank-bank yang tertentu, maka kesulitan-kesulitan yang amat sangat telah timbul. Misalnya, selepas bank membenarkan, timbul pula masaalah hendak mendapat surat daripada S.E.D.C. Surat ini kadangkala memakan masa sehingga sebulan atau dua bulan, mungkin sebab pada fikiran saya ialah kerana pegawai yang meluluskan di bahagian S.E.D.C. ini cuma seorang sahaja sehingga pinjaman yang \$5,000 pun dia juga yang dikehendaki meluluskannya. Jadi, pada fikiran saya dan saya syorkan supaya pinjaman yang kurang daripada \$10,000 biarlah penolongnya atau pembantunya sendiri beri kelulusan. Dan pinjaman yang \$10,000 ke atas barulah Pengerusinya sendiri atau siapa-siapa yang atas sekali memberi kelulusan, dengan cara ini boleh mempercepatkan permohonan-permohonan pinjaman wang.

Perkara yang ketiga, saya ingin menyentuh di atas satu perusahaan yang selalu kita tengok, tetapi tidak siapa pun yang memberi perhatian, terutama sekali dalam Dewan yang mulia ini. Saya sudahpun sentuh perkara ini dalam Dewan yang mulia ini dahulu tetapi lagi sekali saya ingin menyentuh perkara ini dengan jelas sedikit iaitu perusahaan perfileman. Saya ingin menarik perhatian Majlis yang mulia ini di atas perusahaan perfileman atau filem industri, kerana pada fikiran saya sinilah pembolotan dan penindasan perusahaan dijalankan dengan terang-terang di hadapan mata kita sendiri. Di sini jugalah pencabulan bahasa dilakukan terang-terang di hadapan mata kepala kita sendiri dan disinilah penghinaan kaum dilakukan. Misalnya, Tuan Pengerusi, dalam kiraan tahun 1958, 334 buah panggung wayang didapati dalam Malaysia Barat, lebih kurang 10 buah sahaja dipunyai oleh Bumiputra, dan dari jumlah 10 buah, cuma 3 atau 4 buah sahaja yang betul-betul diusahakan dan dijalankan oleh Bumiputra. Misalnya, yang saya tahu cuma satu di Jertih, iaitu "Din" dan satu lagi di Rantau Panjang yang betul-betul dijalankan oleh kaum Bumiputra, yang lain cuma dijalankan oleh kaum-kaum China dan lain-lain.

Filem industri ialah satu industri yang memberi pendapatan yang lumayan. Daripada bulan November sehingga April tahun 1971, Panggung Shaw Brothers sahaja mendapati faedah selepas membayar entertainment tax lebih kurang \$9 juta, Cathay \$8 juta. Daripada November sampai April tahun 1972 pendapatan telah meningkat kepada lebih kurang \$9.5 juta bagi Shaw Brothers dan \$8.8 juta bagi Cathay. Ini menunjukkan perusahaan perfileman ini sentiasa memberi faedah yang berlebihan, tetapi malangnya dalam perindustrian inilah monopolinya dilakukan dengan berterangan. Saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil berat di atas ketidak-seimbangan keadaannya. Misalnya, di negara Amerika, pengusaha pengeluaran filem tidak dibenarkan mempunyai panggung wayang, ataupun tuan punya panggung wayang tidak dibenarkan jadi pengeluar filem. Lain-lain negeri, umpamanya, di Negeri German diadakan satu tabung di mana tiap-tiap pengeluaran filem yang selepas satu pusingan (circulation) mendapat faedah kalau tidak silap saya 1.6 Deutsche-mark pengeluaran filem itu berhak pergi kepada tabung ini mengeluarkan wang itu untuk mengeluarkan filem yang lain, ini supaya menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan dalam filem industri. Begitu juga di Indonesia, ada satu tabung di mana entertainment tax ditinggikan lebih kurang 30% dan tax ini tidak masuk dalam hasil negara. Dia pergi ke satu tabung dan daripada tabung ini pengeluar-pengeluar filem dan pengusaha-pengusaha filem tempatan dapat meminjam wang ini dengan interest atau faedah yang sehabis-habis rendah. Ini juga satu jalan untuk menggalakkan pengusaha filem tempatan untuk mengeluarkan filem, tetapi di negara kita dengan dukacitanya dimaklumkan, keadaan ini tidak ada langsung. Dialah yang mengeluarkan filem, dialah yang mengedar filem dan dialah yang menayangkan filem.

Lagi satu perkara yang saya ingin memberi perhatian kepada Kementerian yang berkenaan iaitu dalam usaha mengimpot filem daripada luar negeri. Saya menyeru kepada Kerajaan supaya impot daripada Eropah ini mestilah dibuat oleh pengusaha-pengusaha filem tempatan. Samada Shaw Brothers ataupun Cathay, janganlah filem Eropah dijual di Singapura ataupun di Hong Kong, daripada Hong Kong dan Singapura baru masuk

ke sini dengan harga inflated. Jadi dengan secara yang tidak langsung keuntungan itu telah keluar daripada negeri ini, kerana penjual filem daripada Singapura dan Hong Kong itu ialah Syarikat Cathay dan Shaw Brothers juga, pembeli dalam Malaysia ini pun Syarikat Cathay dan Shaw Brothers juga, tetapi dengan harga yang mahal, dan dengan secara yang tidak langsung keuntungan itu telah keluar daripada negara ini. Ini satu perkara yang saya ingin menyeru Menteri yang berkenaan mengambil perhatian. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan supaya untuk menggalakan perusahaan filem tempatan, terutama sekali bumiputra maka eloklah kalau Perbadanan-perbadanan negeri sebagai jangka panjang, menubuhkan atau membangunkan panggung-panggung wayang di tiap-tiap negeri.

Tuan Pengerusi: Tempoh sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Yang penghabisan, Tuan Pengerusi. Dan lagi satu saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan menubuhkan satu tabung untuk memberi bantuan dan pertolongan kepada pengusaha-pengusaha filem Bumiputra tempatan.

3.41 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong diluluskan Anggaran Perbelanjaan sebanyak \$34,610,147 bagi Belanja Mengurus dan Pembangunan untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Izinkanlah saya menyentuh Kepala B. 20 di bawah Pecahan-kepala 1100 dan Kepala P. 20 di bawah Pecahan-kepala 3, 4 dan 5 sekali gus secara serentak kerana ianya mempunyai kaitan rapat antara satu dengan lain.

Tuan Pengerusi, semua tugas dan tanggungjawab serta peranan yang dimainkan oleh Kementerian ini pada umumnya bertujuan untuk mencapai 2 matlamat penting. Matlamat pertama ialah mempercepatkan pertumbuhan ekonomi atau economic growth menerusi perdagangan dan perindustrian bagi membantu usaha-usaha pembangunan negara. Matlamat kedua, Tuan Pengerusi, ialah menentukan penyertaan Bumiputra dalam semua bidang perdagangan dan perindustrian.

Setakat ini usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian ini untuk mencapai matlamat yang pertama itu sangatlah mengagumkan. Saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian yang berkenaan yang telah berjaya memajukan perdagangan dan membesarkan perindustrian sehingga menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara termaju, dan membangun dengan pesatnya di samping negara-negara membangun yang lain. Tetapi untuk mencapai tujuan pertama ini, biasanya, sebarang rancangan dan keputusan dibuat semata-mata berdasarkan viability dan keuntungan maksima dan selagi kita 100% mementingkan keuntungan itu selama itulah matlamat itu iaitu hasrat penyertaan Bumiputra dalam segala bidang tidak akan tercapai sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh secara mendalam sedikit berkenaan dengan matlamat kedua itu iaitu khususnya penyertaan Bumiputra dalam segala bidang. Saya bukanlah bertujuan hendak menidak atau memperkecil-kecilkan segala usaha Kementerian ini untuk mencapai matlamat tersebut, tetapi sebagaimana yang termaklum sudah tidak dapat dinafikan lagi bahawa golongan Bumiputra masih jauh tertinggal di belakang di dalam lapangan perdagangan dan perindustrian. Kadar penyertaan Bumiputra sebagaimana yang dikehendaki dalam Dasar Ekonomi Baru masih jauh untuk dicapai dan sebenarnya kita baru sahaja setakat ini berada di pangkal jalan. Saya tidak perlu mengemukakan data-data dan perangkaan kerana keadaan ini sudah jelas kelihatan di mata kasar. Jika kita tidak memberi sepenuh perhatian, jika kita tidak menggunakan sepenuh tenaga dan kuasa yang ada dan jika tujuan mengurangkan jurang perbezaan ini gagal, segala kemajuan yang kita capai di dalam berbagai-bagai lapangan lain itu tidak akan memberi erti sama sekali. Penyertaan Badan-badan berkanun yang dimodali oleh Kerajaan dalam perdagangan dan perindustrian tidaklah boleh kita banggakan sebagai penyertaan Bumiputra selagi saham-saham dan kuasa tanggungjawabnya tidak diserahkan kepada Bumiputra secara individu atau secara berkumpulan.

Tuan Pengerusi, saya suka mengesyorkan supaya Kementerian ini menggunakan kuasa undang-undang, bukan hanya incentive, bagi menjalankan dua langkah utama iaitu

menyerapkan Bumiputra ke dalam syarikat-syarikat perdagangan dan perindustrian yang telah maju dan membawa sebarang perindustrian yang baru ke kawasan-kawasan luar bandar. Sebagai langkah pertama Kerajaan hendaklah dengan tegas memaksa syarikat-syarikat yang wujud di bandar-bandar menerima penyertaan Bumiputra mengikut kadar bilangan yang sesuai, bukan sahaja sebagai pekerja-pekerja, tetapi juga sebagai pemodal-pemodal bersama. Sekarang sudah ramai anak bumiputra yang betul-betul meminati dan mempunyai pengalaman dalam lapangan perniagaan, tetapi mereka tidak diberi peluang dan bimbingan yang sepatutnya. Peluang dan bimbingan yang saya maksudkan di sini, bukanlah dengan semata-mata membuka jalan dan membenarkan peniaga-peniaga bumiputra itu mengambil bahagian bersendirian dan mesti berlumba-lumba pula dengan peniaga-peniaga bukan bumiputra yang memang telah tegoh kedudukannya itu.

Dalam perlumbaan bebas seumpama ini sampai bilapun golongan bumiputra yang mempunyai 1001 handicap tidak akan dapat maju ke hadapan. Apa yang sepatutnya dilakukan ialah peniaga-peniaga bumiputra itu diserapkan masuk ke mana-mana syarikat yang dimodali oleh golongan-golongan bukan Bumiputra atau syarikat-syarikat luar negeri yang viable dan menguntungkan. Kerajaan boleh memberi modal pinjaman kepada mereka seperti yang diberi kepada Badan-badan Berkanun, kerana dengan cara itu modal itu akan terjamin, bahkan lebih terjamin daripada pemberian pinjaman secara berdikari. Berdikari hanya boleh digalakkan setelah mereka benar-benar tegoh dan mampu berjalan dengan sendiri. Barangkali, golongan sosialis tidak akan bersetuju dengan syor ini kerana mereka tidak mahu hanya sebilangan sahaja dari bumiputra yang akan mendapat peluang. Bagi saya, Tuan Pengerusi, adalah mustahil jika hendak menjadikan semua 6 juta bumiputra dalam negara ini peniaga-peniaga atau industrialist yang kaya-raya, tetapi kita mestilah memastikan supaya bumiputra yang bilangannya terbanyak di luar bandar tidak sentiasa tertindas dan mereka juga mesti diberi peluang menikmati kekayaan hasil daripada perdagangan dan perindustrian itu.

Untuk mencapai tujuan ini, kita terpaksa mengambil langkah yang kedua iaitu menyalurkan perusahaan-perusahaan baru seba-

nyak-banyaknya ke kawasan luar bandar. Saya rasa jawapan Yang Berhormat Menteri kepada masaalah ini di masa-masa yang lepas, iaitu menyerahkan kepada initiative Kerajaan Negeri membawa masuk sebarang perindustrian ke negeri masing-masing, tidaklah begitu menggalakkan. Kalau tidak dengan cara paksa atau dengan kehendak undang-undang sudah tentu syarikat-syarikat yang mementingkan keuntungan maksima tidak akan pergi ke luar bandar. Alasan yang biasa dikemukakan ialah kekurangan infrastruktur dan pertambahan cost pengeluaran.

Bila kawasan luar bandar meminta di buka kilang-kilang perusahaan, jawabnya tidak ada jalan yang baik, tidak ada bekalan elektrik yang cukup, tidak ada air paip, tidak ada kemudahan hiburan dan sebagainya. Manakala kawasan-kawasan tersebut minta dibina jalanraya, api dan air, jawabnya kurang perlu kerana tidak ada kilang-kilang perusahaan di situ, permintaan dan penggunanya tidak banyak. Sampai bilakah keadaan ini akan berterusan, Tuan Pengerusi? Patut juga diingatkan di sini matlamat Dasar Ekonomi Baru hendak mengurangkan jurang perbezaan itu bukanlah sahaja perbezaan antara satu kaum dengan kaum yang lain, tetapi juga jurang perbezaan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain di dalam negara kita yang kaya-raya ini. Jika kita hanya menyerahkan kawasan-kawasan yang mundur itu supaya menjalankan initiative sendiri, sampai bila pun jurang perbezaan itu tidak akan hapus. Samalah ibaratnya seperti kita letakkan seorang di atas bukit dan meletakkan seorang lagi di tanah lembah kemudian kita berikan mereka sebilah cangkul seorang dan kemudian kita berkata, siapa yang hendak minum air terpulanglah kepada initiative masing-masing untuk menggali perigi di tempat sendiri. Patah siku sekalipun orang yang di atas bukit itu tidak akan merasai air.

Tuan Pengerusi, sungguhpun ucapan saya ini agaknya keras pada pendengaran, tetapi ianya lahir dari hati dan perasaan yang lulus ikhlas. Sesiapa sahaja yang berfikiran rational akan menerima teguran ini sebagai satu pandangan yang membina.

Akhirnya saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari

Kuala Trengganu yang telah dilantik menjadi Setiausaha Parlimen di Kementerian ini. Saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberi sedikit kebebasan kepada Yang Berhormat itu memikirkan masalah-masalah yang dihadapi oleh negerinya sendiri.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Bangun.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat can only speak for 10 minutes, that is up to 4 o'clock.

3.55 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, we must applaud the Government's determination to find more international markets for our products. The Honourable Minister of Trade and Industry's statement that more Trade Commission offices are being set up is welcome because the proposal is a step in the right direction. While these offices may provide the services, they can only function meaningfully, in my submission, if they are being used by those concerned in trade and industry, I think more publicity should be given to the set-up and the types of services which our Trade Commissions overseas can provide.

Mr Chairman, we often refer to those non-Government business concerns as the private sector, as an entity. In fact, the private sector as such is not organised as a body. The appeal directed at the private sector sometimes cannot just meet with its objects. I, therefore, suggest that the Government help organise the private sector. For a start, one or two officials from the Ministry can serve in, say, the established Chambers of Commerce as liaison officers and brief these Chambers from time to time of the openings, opportunities and market conditions overseas.

Mr Chairman, in order to boost up our industries we have invited foreign capital and the setting up of joint business ventures with the investors from overseas. These industries turn out products and goods which can find the market in our country. Now in the case of industries which utilise our primary produce as raw materials and where joint ventures are contemplated and whose finished products are intended for overseas markets, should not we also have a share in the profits from the sales of such products in the foreign

markets? So, if there is a joint venture set up here—say a timber complex is set up—should not the partnership be contemplated all the way from logging, processing, shipping up to the marketing in the markets of the overseas investors. This would mean that much capital and expertise would be required which may be beyond the means of the private sector. I would suggest that in such joint ventures a public corporation be set up to join forces with the private sector so that real benefits would accrue to our country from all joint ventures with overseas capitals.

3.57 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya menerima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan perkara peruntukan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga terhadap cadangan-cadangan, pendapat-pendapat, malahan teguran-teguran yang telah dibuat terhadap perkara berkaitan dengan Kementerian ini.

Tiga orang Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Kuala Lumpur Bandar dan Ulu Nerus telah menyentuh tentang peranan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan bersabit dengan kenaikan harga barang-barang. Di sini sukalah saya menjelaskan bahawa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan adalah ditubuhkan sebagaimana termaklum untuk:

- (i) memberi nasihat ke atas dasar-dasar mengenai harga dan langkah-langkah untuk pengawasan dan penentuan harga yang akan meliputi:
- (a) nasihat ke atas perlunya atau tidak mengisytiharkan sesuatu barang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dari masa ke semasa;
- (b) nasihat ke atas perlunya atau tidak melaksanakan simpanan negara atau stockpile bagi sesuatu barang keperluan;
- (c) nasihat ke atas perlunya atau tidak dikenakan tanda harga;
- (d) menjalankan kajian dan penilaian atas cara-cara perdagangan termasuk saluran pembahagian untuk mengelakkan kemungkinan mendapatkan untung yang berlebihan;

- (e) menjalankan kajian ke atas aliran harga atau "price trend" dan bekalan;
- (ii) memberi nasihat ke atas dasar-dasar Kerajaan dan perlaksanaannya yang melibatkan harga barang-barang;
- (iii) memberi nasihat mengenai sebarang perkara lain yang ditetapkan oleh Majlis bagi Menteri Perdagangan dan Perindustrian berhubung dengan perlindungan pengguna-pengguna.

Dari itu nyatalah bahawa tugas Majlis tersebut tertumpu kepada memberi nasihat terhadap perkara-perkara yang saya nyatakan tadi. Mengikut bidang tugasnya, Majlis ini tidaklah diberi kuasa memutuskan permohonan-permohonan untuk menaikkan harga barang-barang yang mana seperti yang saya telah jelaskan dahulu adalah diputuskan oleh Kabinet. Namun demikian, sebelum satu-satu permohonan untuk menaikkan harga barang-barang keperluan itu diangkat kepada Kabinet, permohonan itu adalah dikaji dengan mendalamnya oleh satu Jawatankuasa Pengkajian Harga Barang-barang ataupun Price Review Committee di dalam mana ada seorang wakil daripada Majlis ini yang juga mempunyai kesempatan untuk bersama-sama membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan permohonan untuk dinaikkan harga satu-satu barang keperluan itu. Dengan itu pendapat dan buah fikiran Majlis adalah diberi perhatian semasa menimbangkan kenaikan harga barang-barang.

Berkenaan dengan Majlis ini, Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas membangkitkan soal keperluan anggaran yang lebih bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, khususnya di bidang Bahagian Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan dan Bahagian Penguatkuasa di Kementerian yang berkenaan. Saya suka-lah menyatakan di sini bahawa soal mengadakan satu peruntukan khusus bagi Majlis ini adalah payah ditimbangkan. Sungguhpun pada mula-mulanya wang peruntukan pendahuluan telah diberi kepada Majlis ini untuk ia mula bergerak, tetapi selepas itu saya berpendapat bahawa persatuan ini adalah satu persatuan yang ahlinya ataupun wakilnya datang daripada badan-badan yang di luar Kerajaan dan eloklah pada pendapat saya kalau sekiranya badan ini dengan sendirinya mencari inisiatif mendapatkan punca-punca kewangan mereka sendiri

supaya mereka boleh bebas daripada kongkongan daripada mana-mana pihak. Pihak Kerajaan tidak dapat memberi bantuan secara berlanjutan pada tiap-tiap tahun kerana ini akan menjadikan persatuan-persatuan tersebut seolah-olah sebagai alat Kerajaan dan tidak dapat bertindak bebas menyuarakan kepentingan ahli-ahli, khususnya pihak-pihak yang diwakilinya ia-itu pihak pengguna-pengguna.

Saham-saham untuk Bumiputra

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan masaalah saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputra, iaitu samada saham-saham ini dibuka kepada pelabur-pelabur kecil. Tuan Pengerusi, sememangnya sudah menjadi dasar Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menawarkan saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputra terutama sekali saham-saham syarikat berhad yang dipasarkan di Pasaran Saham kepada semua peringkat pelabur bumiputra tidak kira samada mereka pelabur besar ataupun kecil. Tawaran-tawaran tersebut adalah dibuat kepada orang ramai dan juga kepada mereka yang telah berdaftar di dalam Daftar Pelabur-pelabur Bumiputra yang ada tersimpan di Kementerian ini. Tawaran-tawaran saham juga dibuat bagi saham-saham syarikat sendirian terhad tetapi pada kebiasaannya saham-saham syarikat seperti ini tidak berapa "liquid" ataupun mempunyai risiko dari segi pelaburan hanya mereka yang mempunyai modal yang lebih sahaja yang sanggup dan berani untuk mengambil risiko pelaburan ini dan memberi saham-saham syarikat-syarikat sendirian berhad itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputra semenjak tahun 1971 sehingga bulan Ogos, 1974 ialah sebanyak \$503,000,000 dan daripada jumlah ini sebanyak \$199,000,000 telahpun dibeli oleh bumiputra dari semua golongan dan peringkat. Ini bermakna kenyataan Ahli Yang Berhormat itu bahawa \$500 juta saham belum dibeli adalah tidak begitu tepat. Sayugia diingatkan bahawa saham-saham yang dikeluarkan biasanya tidak banyak dan memandangkan kepada ramai bilangan pihak yang memohon saham-saham yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang

mengeluarkan saham di pasaran awam, sudah tentulah tidak semuanya akan mendapatnya dan yang berjaya mendapatnya mungkin tidak memperolehi sebanyak mana saham yang dikehendakinya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor mencadangkan agar pihak swasta memainkan peranan yang lebih dinamik untuk mengadakan latihan-latihan dan memberikan biasiswa-biasiswa kepada bumiputra untuk mengembangkan struktur gunatena di dalam sektor swasta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu satu Jawatankuasa penyelarasan mengenai pekerjaan dan latihan peringkat Persekutuan telah ditubuhkan untuk menyediakan rancangan latihan dan pekerjaan untuk warganegara terutama sekali bumiputra. Kementerian ini dan juga pihak swasta adalah diwakili di dalam Jawatankuasa tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga mengesyorkan agar Kementerian mengawasi semua perjanjian-perjanjian seperti perjanjian teknik dan pengurusan agar perjanjian tersebut tidak merugikan negara. Elok saya jelaskan di sini iaitu semua jenis perjanjian termasuklah perjanjian teknik dan pengurusan adalah dikehendaki untuk diluluskan terlebih dahulu oleh Kementerian untuk menjaga kepentingan syarikat tempatan dari dieksploitasikan oleh rakan perkongsian asingnya. Walau bagaimanapun, perjanjian-perjanjian ini adalah yang bersabit dengan projek-projek perindustrian yang telah diluluskan oleh Kementerian. Sebelum satu-satu perjanjian itu diluluskan Kementerian akan menentukan kawasan pengurusan yang harus dipegang oleh rakan-rakan joint venture tersebut berdasarkan kepada banyak mana equity yang dipegang. Kementerian juga menentukan royalty yang harus dibayar dengan rakan joint venture asing itu untuk menentukan pembayaran tersebut tidak berlebihan. Lazimnya bayaran royalty tersebut ialah sebanyak 2% daripada "net sales" dan tempoh perjanjian itu adalah 5 tahun pada permulaan dan boleh diperbaharui jika dikehendaki oleh kedua-dua belah pihak.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga mengesyorkan agar Kementerian mengawasi perkembangan dan kemajuan sesebuah syarikat yang telah diluluskan. Sememangnya Kementerian ini mengambil tindakan untuk

mengawasi dan mengikuti perkembangan-perkembangan dan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh sesebuah syarikat yang telah diluluskan. Syarikat yang berkenaan adalah dikehendaki untuk mengemukakan laporan tersebut selama 3 bulan sekali dan dari laporan itu Kementerian akan mengetahui samada syarikat yang berkenaan telah mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan terutama sekali syarat-syarat yang berhubungan dengan Dasar Ekonomi Baru dan penyertaan bumiputra. Mana-mana syarikat yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan tindakan-tindakan tertentu adalah diambil. Dalam pada itu kelulusan-kelulusan juga ada yang sudah ditarik balik oleh kerana syarikat-syarikat yang berkenaan telah tidak melaksanakan projeknya di dalam tempoh waktu yang ditetapkan dan tidak mengikuti langsung syarat-syarat yang dikenakan terutama sekali yang berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan Permatang Pauh mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil langkah yang positif untuk menghidupkan dan membantu perusahaan perfileman tempatan dan juga untuk memerangi monopoli yang dipegang oleh syarikat-syarikat yang tertentu. Kerajaan sememangnya telah sedar tentang kelemahan dan kesulitan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha filem tempatan dan juga tentang monopoli yang dipegang oleh syarikat-syarikat yang berkenaan itu. Berasaskan kepada kesedaran ini Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bertugas Kabinet untuk mengkaji dan membuat pengesyoran tentang cara mana perusahaan filem tempatan dapat diberi bantuan dan juga untuk menentukan penyertaan yang sama rata bagi mereka yang ingin menceburkan diri di dalam perusahaan perfileman. Jawatankuasa ini telahpun mengadakan mesyuaratnya dan pada masa ini adalah sedang di dalam proses menyediakan syor-syor dan cadangan-cadangan untuk pertimbangan Kabinet. Syor-syor ini tidaklah perlu saya bentangkan sekarang sebelum Kabinet mengkajinya dengan lebih mendalam terlebih dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau juga mencadangkan agar Kementerian mengenakan syarat kepada syarikat-syarikat yang diluluskan untuk menggunakan firma-firma profesyenal tempatan seumpama insuran bagi kegunaan syarikat-syarikat tersebut. Kementerian baru-baru ini telahpun

mengenakan satu syarat tambahan di dalam kesemua surat-surat kelulusan untuk mendirikan sesebuah projek perindustrian di mana syarikat yang berkenaan adalah dikehendaki untuk menggunakan firma-firma profesional tempatan terutama sekali bumiputra seperti firma Guaman, Seketarisip, insuran, pengangkutan dan lain-lain lagi. Syarat ini adalah masih baru lagi dan oleh hal yang demikian belumlah dapat dinilai samada ianya telah mencapai tujuan sebenarnya seperti yang diinginkan. Kesulitan yang timbul di sini ialah tentang adanya syarikat-syarikat yang sudah terlebih dahulu melantik firma-firma profesional untuk kegunaan mereka sebelum kelulusan dipohon dari Kementerian. Walau bagaimanapun, penggunaan firma-firma profesional luar negeri adalah sudah berkurangan dan kebanyakan syarikat yang diluluskan ada menggunakan firma-firma profesional tempatan.

Mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang supaya Pegawai-pegawai Penguatkuasa melawat dan menyiasat harga barang-barang di kawasan luar bandar dan pedalaman, maka saya ingin menyatakan bahawa Pegawai-pegawai Penguatkuasa memang menjalankan tugas-tugasnya bukan sahaja di kawasan bandar tetapi juga di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman. Tetapi sebagaimana termaklum oleh kerana kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan pedalaman ini sangat luas maka kehadiran Pegawai-pegawai Penguatkuasa di tempat-tempat itu tidaklah nampak oleh orang ramai.

Mengenai cadangan beliau supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengadakan senarai harga barang-barang dengan menggunakan signboard atau sebagainya, maka perkara ini sangatlah sukar kerana harga barang-barang di negeri ini berubah dari masa ke masa dan dari tempat ke setempat mengikut keadaan dan kawasan dan ini mungkin mengelirukan orang ramai.

Mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar iaitu Pegawai-pegawai Penguatkuasa hendaklah memastikan terlebih dahulu samada tindakan anti-sorok itu mengikut undang-undang ataupun tidak mengikut undang-undang di bawah Akta yang mereka kuatkuasakan itu. Saya ingin menyatakan bahawa tiap-tiap tindakan yang

diambil oleh Pegawai Penguatkuasa di bawah Kempen Anti-Sorok itu telahpun disiasat sebelum ianya diambil tindakan dan jika sekiranya Pegawai-pegawai Penguatkuasa berpuashati bahawa penyorokan itu adalah benar maka tindakan barulah diambil ke atas pihak-pihak yang berkenaan.

Mengenai cadangan beliau supaya menjadikan susu lembu dan susu cair sebagai barang kawalan, maka saya ingin menyatakan bahawa barang-barang ini telahpun disiarkan sebagai barang kawalan. Cadangan beliau supaya menjadikan roti sebagai barang kawalan, maka perkara ini akan dipertimbangkan.

Mengenai harga minyak kelapa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, maka saya suka menyatakan bahawa harga minyak kelapa telahpun mulai turun di setengah-setengah tempat, iaitu daripada \$1.80 kepada \$1.60 sebotol besar tetapi di setengah-setengah tempat harga minyak kelapa ini belum lagi berubah. Ini mungkin mengambil masa sedikit kerana mereka mempunyai setok-setok yang lama.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membandingkan peruntukan dan bilangan jawatan bahagian perdagangan antarabangsa bagi tahun 1974 dan 1975 dan mengatakan bahawa terdapat kelebihan peruntukan sedikit sahaja pada tahun ini dan menggesa Kerajaan membuka lebih banyak lagi pejabat-pejabat di tempat di mana difikirkan kita boleh menggalakkan barang-barang kita serta melatih lebih banyak Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan, maka Kementerian saya akan merancang beberapa langkah untuk menggalakkan ekspot keluar negeri pada tahun hadapan. Adalah dijangkakan bahawa Kementerian ini akan mengambil bahagian di dalam sekurang-kurangnya empat Pamiran Perdagangan Antarabangsa di luar negeri. Pamiran-pamiran Perdagangan Antarabangsa ini adalah di negeri-negeri yang dijangka mempunyai banyak potensi bagi pedagang-pedagang kita untuk mengeksport ke negeri-negeri yang berkenaan itu. Kementerian saya juga akan menghantar sekurang-kurangnya empat lagi rombongan perdagangan keluar negeri.

Seperti yang telah saya tegaskan di dalam Ucapan Belanjawan baru-baru ini, Kementerian ini mempunyai 20 buah Pejabat Perdagangan yang terletak di pusat-pusat

perdagangan di luar negeri. Kementerian juga sedang merancang untuk membuka beberapa buah lagi pejabat perdagangan di pusat perdagangan tertentu untuk menggalakkan lagi galakan eksport Malaysia keluar negeri.

Tentang teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor berkenaan dengan tidak baiknya perkara window display di luar negeri, saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya sedar bahawa Pejabat Perdagangan yang terletak di Trafalgar Square, di London adalah tidak memuaskan. Oleh yang demikian, peruntukan sebanyak \$700,000 telahpun dimasukkan ke dalam Anggaran Pembangunan Kementerian bagi tahun 1975 untuk memperbaiki Pejabat Perdagangan yang ada di London.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga telah menyentuh berkenaan dengan perkara perlunya Kementerian menyimpan memorandum dan articles of association syarikat, sijil-sijil dan penyata pekerja tiap-tiap 6 bulan. Suka saya menyatakan berkenaan dengan perkara ini bahawa memorandum dan articles of association tiap-tiap sebuah syarikat yang di bawah Akta Syarikat, 1965, ada disimpan di Pejabat Pendaftaran Syarikat. Cadangan dokumen ini disimpan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebagai yang dicadangkan itu adalah rasa saya tidak praktikal kerana pindaan ke atas dokumen ini boleh dibuat oleh Ahli-ahli syarikat di dalam Mesyuarat Agong bila-bila masa sahaja. Pihak Kementerian boleh meminda atau menambah peruntukan memorandum ataupun article sesuatu syarikat bagi menentukan syarikat mematuhi kehendaknya kerana hanya ahli-ahli syarikat itu sahaja yang boleh membuat sesuatu pindaan dengan meluluskan usul khas di dalam Mesyuarat Agongnya. Berkenaan menyimpan share certificate di Kementerian ini juga tidak harus rasa saya boleh dilakukan oleh kerana share certificate adalah hak pemilik syer itu sendiri dan sesiapa sahaja tidak harus menghalangnya berbuat apa sahaja ke atasnya.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya diadakan kursus untuk pekerja di Pusat Daya Pengeluaran Negara. Di sini suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Pusat ini memang ada menjalankan kursus-kursus dan

seminar-seminar bukan sahaja pihak management bahkan juga termasuk pihak pekerja-pekerja. Dalam tahun 1973, Pusat ini telah menjalankan sebanyak 17 kursus ataupun seminar dengan pesertanya seramai 175 orang yang diikuti juga oleh pihak pekerja. Untuk tahun 1974 sehingga 31hb Oktober, 1974 sebanyak 18 kursus untuk 82 orang pekerja telah dikendalikan. Bagi tahun hadapan sebanyak 25 kursus ataupun seminar untuk 155 peserta akan dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah membangkitkan kedudukan pekerja-pekerja di bidang professional, executive dan perkeranian di dalam kilang-kilang perindustrian tidak begitu memuaskan sungguhpun bilangan komposisi pekerja bumiputra telah bertambah dari masa yang lepas. Kekurangan bumiputra di bidang professional ialah mungkin disebabkan kekurangan bumiputra yang terlatih, bumiputra yang dilatih di MARA dan di lain-lain institusi adalah kebanyakannya dari sektor awam diresapkan masuk ke pejabat Kerajaan dan Badan-badan Berkanun apabila tamat latihan mereka. Kerajaan pada masa ini mengadakan satu crash programme bagi mengatasi masalah ini, misalnya, programme for executive development yang bertujuan untuk memberi latihan business-oriented. Selain daripada itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Buruh dan Tenaga mengawasi masalah ini supaya matalamat di bawah Dasar Ekonomi Baru kita bahawa komposisi pekerja-pekerja di dalam sektor pekerjaan di semua peringkat mestilah menggambarkan komposisi rakyat negara ini akan dapat tercapai. Selaku Menteri yang berkenaan saya suka mengingatkan pihak-pihak swasta, terutamanya yang tidak bertaraf printis bahawa mereka mestilah mematuhi dengan jujur syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka berkenaan dengan komposisi pekerja-pekerja di semua peringkat.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus membangkitkan perkara kerumitan yang mungkin dihadapi oleh perindustrian kain batek dengan adanya persaingan di antara perindustrian batek di sini dengan kain-kain batek tradisional ataupun yang dicap yang dibawa masuk ke dalam negara ini. Di sini saya suka menyatakan bahawa memang ada kita kenakan kawalan di atas kemasukan kain-kain batek daripada luar negeri, dan kita sentiasa mengawasi bahawa kain-kain

batek yang dibawa masuk ke dalam negara kita ini tidaklah lebih daripada yang diperlukan supaya jangan ianya menandingi batek-batek yang dikeluarkan oleh kilang-kilang batek perusahaan kita sendiri. Saya menerima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di sini kerana menarik perhatian saya kepada satu perindustrian yang saya sendiri sebagaimana Yang Berhormat juga anggap penting dan segala langkah akan diambil oleh Kementerian bagi mengawasi supaya kedudukan perindustrian batek di dalam negara kita ini tidak diancam oleh ke-kemasukan kain-kain batek yang banyak daripada negara-negara luar.

Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu ada membangkitkan syor supaya penguatkuasa bergerak dengan lebih cergas, banyak lagi di kawasan pendalaman Sarawak. Ini sebagaimana yang saya katakan tadi, kita adalah sentiasa melakukan dan oleh kerana sebagaimana saya telah jelaskan pada masa lepas kekurangan kakitangan di bahagian Penguatkuasa ini mungkin tindakan yang diambil untuk menjaga kawasan-kawasan yang berjauhan daripada bandar itu tidak begitu berkesan. Walau bagaimanapun, dengan adanya kemungkinan bilangan pegawai di Bahagian Penguatkuasa ini akan bertambah, saya berharap kerja-kerja mengawasi kawasan-kawasan yang di luar bandar pada masa hadapan ini akan lebih berkesan lagi daripada masa yang lepas.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat itu juga supaya Kerajaan mengambil tindakan di atas perbuatan peniaga-peniaga yang membawa masuk lori menjual barang-barang di kampung-kampung pendalaman dengan itu menyebabkan penutupan kedai-kedai kecil di tempat-tempat yang berkenaan, suka-lah saya menyatakan di sini payah bagi kita mengambil tindakan menahan lori-lori ini masuk ke dalam kawasan-kawasan pendalaman menjalankan perniagaan, kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, kita adalah mempunyai sikap ataupun dasar (policy) free trade dalam negara kita. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan adalah mengambil apa sahaja tindakan menggalakkan lagi kedai-kedai kecil di kawasan-kawasan luar bandar supaya lebih ramai lagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, terutamanya kaum bumiputra dapat berkecimpung di dalam bidang perniagaan.

Tentang syor atau cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas supaya perindustrian dikembangkan lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan pendalaman, di sini tidak payahlah saya menerangkan sekali lagi penerangan yang telah saya beri pada masa soal-jawab di Dewan yang mulia ini. Perkara ini memadailah saya menyatakan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah menitikberatkan kepada usaha-usaha memperkembangkan lebih-lebih lagi rancangan-rancangan projek-projek perindustrian ke kawasan-kawasan luar bandar lebih-lebih lagi pada masa ini dalam mana Kerajaan adalah mengambil sikap supaya negara kita memproses barang-barang, bahan-bahan mentah di negara kita sendiri dan juga dengan adanya juga polisi dalam mana kita akan menggalakkan tumbuhnya dengan lebih banyak projek-projek perindustrian berasaskan pertanian dengan tujuan mengeluarkan lebih banyak bahan-bahan makanan untuk mengatasi masalah inflasi yang kita sedang hadapi pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar mencadangkan perlantikan Pengarah-pengarah patut dikawal oleh Kementerian ataupun Kerajaan. Saya suka menyatakan di sini perlantikan Pengarah-pengarah adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang tubuh satu-satu syarikat itu. Undang-undang tubuh syarikat digubal oleh pihak syarikat dan undang-undang tubuh ini ialah menetapkan bilangan pengarah-pengarah bagi sesebuah syarikat itu. Pengarah-pengarah syarikat dilantik oleh ahli-ahli syarikat di dalam Mesyuarat Agong. Jika ada kekosongan jawatan pengarah disebabkan perletakan jawatan atau kematian seseorang pengarah, pengarah-pengarah yang masih ada boleh memenuhi kekosongan itu dan pihak Kementerian tidak boleh mencampuri ataupun mempunyai kuasa dari segi undang-undang melantik atau memilih pengarah-pengarah di dalam satu-satu syarikat itu. Ini ialah bermakna masalah perlantikan pengarah ini adalah masalah sendiri di dalam syarikat-syarikat yang berkenaan itu.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja jawapan-jawapan yang boleh saya berikan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Oleh kerana hendak menyelamatkan masa mungkin ada ketinggalan penjelasan daripada pihak saya di atas perkara-perkara yang

telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau ada, saya sukalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu kalau tidak dapat penjelasan dan keterangan daripada saya menemui saya sendiri dan saya sedia memberi apa sahaja keterangan penjelasan yang dikehendaki di luar Dewan yang mulia ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$26,680,050 untuk Kepala B. 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$7,930,097 untuk Kepala P. 20 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Tuan Pengerusi: Sebagaimana yang telah diumumkan pada hari semalam, selepas ini Dewan akan menimbangkan Kepala B. 47 dan B. 48 serta Kepala P. 47 dan P. 48 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan. Saya jemput Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengemukakan anggaran Kementeriannya.

Kepala B. 47 dan B. 48 (Jadual)—

Kepala P. 47 dan P. 48 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

4.31 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Pengerusi, saya kemukakan Anggaran-anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan dan agensi-agensi serta Jabatan yang termasuk di bawah tanggungjawab saya iaitu Kepala B. 47, Kepala P. 47, Kepala B. 48 dan Kepala P. 48.

Di bawah Kepala B. 47 anggaran berjumlah \$5,215,000 ialah untuk perbelanjaan mengurus dan jumlah ini termasuklah pemberian sebanyak \$2,064,200 kepada Pusat Piawaian Malaysia dan \$1,074,100 untuk Instituit Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara. Bakinya sebanyak \$2,076,700 ialah \$460,700 untuk perbelanjaan mengurus bagi Kementerian ini sendiri, iaitu perbelanjaan untuk Pentadbiran Am dan \$1,616,000 untuk perbelanjaan mengurus bagi menjalankan penyelidikan sains makanan dan teknologi.

Anggaran Pembangunan di bawah Kepala P. 47 adalah sebanyak \$49,955,578. Dari jumlah ini \$888,000 adalah diuntukkan

bagi memproses makanan dan bakinya sebanyak \$49,067,578 adalah diuntukkan kepada agensi-agensi seperti berikut:

- (a) \$440,000 adalah dibekalkan kepada Instituit Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara untuk membeli alat-alat makmal dan kelengkapan bengkel;
- (b) \$1,930,000 kepada Pusat Piawaian Malaysia. Dari jumlah ini \$1,600,000 ialah untuk pembinaan dan pengambilan tanah dan \$330,000 ialah untuk membeli alat-alat kelengkapan;
- (c) \$40,730,288 adalah diuntukkan kepada Lembaga Letrik Negara. Dari jumlah ini \$5,000,000 ialah untuk Rancangan Bekalan Letrik Luar Bandar dan sebanyak \$35,730,288 ialah untuk pembinaan Stesyen-stesyen Janaletrik;
- (d) \$2,967,280 diuntukkan kepada Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak. Dari jumlah ini \$133,000 ialah untuk Rancangan Bekalan Letrik Luar Bandar;
- (e) \$3,000,010 bagi Lembaga Letrik Sabah. Dari jumlah ini \$300,000 ialah untuk Rancangan Bekalan Letrik Luar Bandar.

Bagi Jabatan Kimia pula peruntukan di bawah Kepala B. 48 berjumlah \$2,589,500 adalah untuk perbelanjaan mengurus dan di bawah Kepala P. 48 peruntukan sebanyak \$219,000 adalah untuk perbelanjaan pembangunan.

Dari jumlah \$219,000 untuk perbelanjaan pembangunan, \$19,000 ialah bagi pembayaran akhir untuk pembinaan sebuah makmal cawangan di Ipoh, \$50,000 untuk membeli alat-alat dan kelengkapan makmal. Bakinya sebanyak \$150,000 ialah untuk pembinaan sebuah makmal cawangan baru di Kota Kinabalu. Binaan makmal baru ini adalah dijadualkan siap dalam tahun 1975.

Oleh sebab keterangan-keterangan lanjut boleh didapati dalam Anggaran Belanjawan Kerajaan Persekutuan, 1975 maka saya tidak bercadang memberi penjelasan yang lebih panjang dan lebar daripada ini.

Tuan Pengerusi, saya mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian saya di bawah Kepala B. 47, P. 47, B. 48 dan P. 48 untuk diluluskan.

4.36 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian peringkat Jawatankuasa dalam menyokong peruntukan Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan yang ditentukan sebagai Kepala B. 47 dan Kepala P. 47 yang berjumlah sebanyak \$55,170,578.

Tuan Pengerusi, dari jumlah itu sebanyak \$49,955,578 adalah diuntukkan kepada belanja Pembangunan dan ini adalah merupakan 90.5% Kepala Pembangunan diuntukkan kepada sesuatu Kementerian. Pembahagian peruntukan seperti ini dengan sendirinya memberi faham kepada kita bahawa walaupun peruntukan yang diuntukkan kepada Kementerian ini tidak begitu besar, tetapi kita percaya kegiatan-kegiatan yang akan dijalankan, aktiviti-aktiviti yang akan dimainkan oleh Kementerian ini adalah besar ertinya kepada perkembangan dan kemajuan negara, kerana ia bertujuan memaju, menyelaras dan menjalankan penyelidikan sains dan perusahaan. Ia bertujuan memberi kemudahan-kemudahan tenaga yang perlu melalui Lembaga Letrik Negara untuk pembangunan negara khususnya melalui Rancangan Bekalan Letrik Luar Bandar, dan ia juga menjalankan penyelidikan sains makanan dan teknologi.

Tuan Pengerusi, dengan penyusunan semula Kabinet setelah Barisan Nasional mendapat kemenangan yang cermelang dalam pilihanraya yang lepas di mana 135 buah kerusi telah dapat direbut daripada 154 buah kerusi yang dipertandingkan di seluruh negara maka pemindahan tugas-tugas Menteri telahpun berubah. Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru dahulunya ikut sama berubah, bertukar dan digantikan dengan Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan. Bagi Kementerian ini telah ditugaskan kepada seorang yang telah memikul tanggungjawab Kementerian pelajaran, yang saya kira sedikit-sebanyak pengalaman-pengalamannya semasa di dalam Kementerian Pelajaran dahulu dapatlah digunakan di dalam tugas-tugas yang baharu ini, sebab setengah daripada tugas-tugasnya sekarang adalah berhubung rapat dengan bahagian-bahagian yang ada di Kementerian Pelajaran itu.

Tuan Pengerusi, satu daripada agensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini iaitu Instituti Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara (NISIR). Di antara tujuan-tujuan ataupun tugas-tugas Instituti ini ialah bekerjasama dengan Jabatan-jabatan Kerajaan, Institusi-institusi Penyelidikan, Yayasan Pelajaran, Pertubuhan Teknik atau Sains dan lain-lain badan untuk memajukan penyelidikan sains dan membantu dengan apa-apa cara lain dalam memajukan pengetahuan dan penyelidikan sains serta latihan teknik.

Tuan Pengerusi, memahami satu daripada tujuan dan tugas Instituti ini seperti yang saya perkatakan itu, saya berpendapat bahawa Instituti ini patutlah memberi kerjasama yang lebih kepada Jabatan-jabatan Pelajaran atau kepada Kementerian Pelajaran, kerana satu daripada tugas Kementerian Pelajaran sekarang ialah hendak melengkapkan murid-murid, penuntut-penuntut sekolah dan maktab-maktab, seterusnya mahasiswa di pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita ini dengan pengetahuan sains dan teknologi, atau memperbaiki sistem pelajaran dari segi quality dan quantity bagi semua peringkat dengan cara menitikberatkan pelajaran sains dan teknologi.

Tuan Pengerusi, usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan Kementerian Pelajaran yang sudah dan sedang dijalankan sekarang dalam bidang ini tidak boleh dinafikan. Ini termasuklah menubuhkan Pusat Wilayah SEAMEO bagi pelajaran sains dan ilmu hisab yang mempunyai ibu pejabat di Pulau Pinang dan menjadi Ahli Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu yang beribu pejabat di Paris.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala berapa?

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Di bawah Kepala 47—Pecahan-kepala 1100.

Tuan Pengerusi: Banyak sangat disentuh mengenai Kementerian Pelajaran.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Panjang sedikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Pengerusi, berbagai-bagai kursus telah dijalankan di peringkat negeri dan kebangsaan. Banyak kursus-kursus dalam bidang sains telah diadakan untuk membantu guru-guru sains di semua peringkat persekolahan, Maktab dan Institusi Pelajaran Tinggi dan menyampaikan pengetahuan mata pelajaran sains dalam kelas-kelas dan kuliah-kuliah masing-masing. Berpuluh-puluh juta ringgit mungkin ratusan juta telah dicurahkan bagi tujuan ini. Namun demikian, perkembangan atau kejayaan pengetahuan sains hanya bergerak perlahan-lahan. Keputusan-keputusan peperiksaan dalam bidang ini di semua peringkat peperiksaan kurang menggalakkan.

Tuan Pengerusi, oleh sebab instituit ini ditentukan satu daripada tugasnya memberi kerjasama dengan jabatan-jabatan Kerajaan termasuklah Kementerian Pelajaran. Maka saya mengesyorkan pihak-pihak yang bertanggungjawab di kedua-dua Kementerian Pelajaran dan Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, semasa menyusun program-program kursus sains kepada guru-guru sekolah oleh Kementerian Pelajaran, maka para penceramah ataupun kursus itu hendaklah diambil pakar-pakar teknik dan pakar-pakar sains daripada instituit ini sama, di samping penceramah-penceramah sains daripada Kementerian Pelajaran sendiri.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat seorang penceramah bukanlah hanya boleh menyampaikan tajuk yang ditugaskan sahaja mengikut ilmu latihan guru, tetapi tidak kurang pentingnya ialah peserta kursus itu benar-benar faham dan mengerti proses-proses sesuatu tajuk yang hendak disampaikan itu. Oleh sebab itu, cadangan untuk diambil pakar-pakar sains daripada instituit itu bagi menolong Kementerian Pelajaran dalam bidang saya nyatakan itu patutlah ditimbangan.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan ini, saya mengesyorkan supaya pegawai-pegawai dan pakar-pakar penyelidik di dalam instituit ini patutlah ditambahkan, dan demikian juga penubuhan cawangan instituit ini, saya harap tahun demi tahun hendaklah ditubuhkan beransur-ansur di seluruh negara. Ini semata-mata untuk penyebaran penerangan instituit ini dapat diketahui dan difahami benar-benar oleh seluruh rakyat.

Tentang maklumat-maklumat yang diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad di-Negeri-negeri sahaja tidak dapat tercapai cita-cita ini dengan cepatnya.

Tuan Pengerusi, sebagai permulaan, cawangan instituit ini bolehlah didirikan:

- (1) Di Pantai Timur semenanjung iaitu di Kota Bharu.
- (2) Di Pantai Barat.
- (3) Di Sabah dan Sarawak.

Menyentuh perkhidmatan penerangan teknik, nampaknya instituit ini telah banyak mengumpulkan bahan-bahan penerangan teknik yang didapati daripada badan-badan penyelidikan dan pengajian di Malaysia dan juga di Seberang laut. Perpustakaan NISIR juga dapat mengumpulkan buku-buku teknik, majallah-majallah sains dan senarai ahli-ahli teknik di negara kita serta penerangan berkenaan dengan mesin-mesin yang sesuai untuk perusahaan di Malaysia.

Tuan Pengerusi, bercakap mengenai mesin-mesin untuk perusahaan di Malaysia, saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa di antara peluang-peluang kerja, di antara bidang-bidang pekerjaan yang dapat dimainkan oleh kaum bumiputra di negara kita sekarang ialah dalam bidang-bidang yang mengenai mesinlah yang paling kurang sekali.

Pada hal kita mengetahui bahawa sudah banyak perusahaan yang dipunyai oleh bumiputra atau separuh bumiputra seperti kilang-kilang papan terutama sekali di Negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti Kelantan, Trengganu dan Pahang. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan Kementerian melalui Instituit Penyelidikan Sains dan Perusahaan ini supaya menubuhkan satu yunit khusus bagi melatih belia-belia bumiputra dalam menggunakan, memasang dan memperbaiki jentera-jentera yang tertentu di samping kegiatan Instituit ini memberi penerangan berkenaan dengan mesin-mesin yang sesuai untuk perusahaan di Malaysia. Ini sebagai menampung kepada latihan kemahiran yang sedia ada di Instituit Teknologi MARA yang boleh dikatakan sedang berjalan dengan pesatnya sekarang.

Sekarang saya menyentuh Kepala P. 47, di bawah Pecahan-kepala 11,—Bekalan Letrik Luar Bandar. Peruntukan yang telah ditentukan ialah sebanyak \$5 juta.

Tuan Pengerusi, di Kelantan adalah satu-satunya negeri yang paling kurang sekali mendapat projek bekalan letrik luar bandar jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini. Kenyataan ini bolehlah dibuktikan daripada perangkaan yang di beri oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dalam Dewan ini semasa menjawab soalan mulut saya pada bulan yang lepas. Untuk mem-persaibangkan projek L.L.N. ini, atau bagi mendekatkan sedikit jurang perbezaannya dalam bidang projek ini di antara Negeri Kelantan dan Negeri-negeri lain di Semenanjung ini, maka peruntukan yang besar bagi membiayai projek ini secara besar-besaran mestilah diadakan.

Bekalan letrik luar bandar di Kelantan pada masa sekarang setengahnya dalam proses persiapan. Dan ada setengahnya di pasang tiang-tiang sahaja kerana menunggu sampainya dawai letrik dan berbagai-bagai lagi masalah yang merumitkan. Masalah yang dihadapi atau masalah-masalah yang menimbulkan kelambatan itu sudahpun banyak diterangkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan semasa soal jawab dalam Dewan ini. Saya tidak hendak menyebut kembali perkara itu dan tidak juga hendak minta penjelasan apa-apa dalam soal kelambatan itu.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan masalah bekalan letrik di kawasan-kawasan saya sendiri, iaitu Bachok. Yang pertama, mana-mana projek bekalan letrik yang tergendala seperti setakat dihantarkan tiangnya sahaja hendaklah disiapkan segera.

Yang kedua, mana-mana kawasan-kawasan yang di sebelah-menyebelahnya sudah ada bekalan letrik, maka kawasan-kawasan ini perlu di beri keutamaan pembinaan atau perlaksanaannya, sebab penduduk-penduduk di kawasan yang tersebut merasa mereka dibiarkan atau merasa dilupakan oleh Kerajaan. Kawasan yang saya maksudkan ini untuk perhatian Yang Berhormat Menteri ialah Bukit Marak, yang sungguh lama menunggu nikmat bekalan letrik ini bertahun-tahun, sedangkan jalan-jalan di sebelah-menyebelahnya telah lama mendapat bekalan letrik ini.

Bekalan letrik Bukit Marak dan kawasan-kawasan sekitarnya apabila diberikan bekalan

ini kelak, maka terpaksa dimasukkan juga ke kawasan-kawasan pendalaman dari Bukit Marak ke Kampung Bekelam.

Yang ketiganya, Kementerian juga patut menentukan dan melaksanakan beberapa projek lagi di tempat-tempat lain seperti Kampung Pauh Sembilan di mana penduduk-penduduknya begitu ramai dan penggundi-penggundi sahaja berjumlah hampir 2,000 orang. Kampung ini bersempadankan dengan Beris Kubur Besar di mana kawasan ini tidak asing lagi kepada Yang Berhormat Menteri dan sudah lama juga mendapat bekalan letrik. Jadi, jika disambungkan ke bekalan letrik ini kawasan-kawasan Pauh Sembilan maka tidaklah sangat membebankan Lembaga ini.

Tuan Pengerusi, semua kawasan-kawasan yang saya kemukakan dalam Dewan ini bagi pertimbangan Yang Berhormat itu ialah kawasan-kawasan di mana letaknya sekolah-sekolah rendah dan menengah serta kelinik-klinik yang kita ketahui semuanya itu perlu benar mendapat bekalan letrik untuk berbagai-bagai aktiviti, termasuklah menggunakan setengah alat-alat sains dan sebagainya.

Saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bagi diluluskan.

4.50 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan ini adalah satu Kementerian yang memainkan peranan yang sangat penting di dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru kita. Saya dengan tidak ragu-ragu menyokong apa juga yang telah dikemukakan untuk peruntukannya. Di samping itu, saya suka menyentuh tiga perkara sahaja.

Pertama, berkenaan dengan peruntukan Lembaga Letrik Negara. Saya sangat berasa kesal sedikit kerana Lembaga Letrik Negara ini pada masa-masa yang lampau dan hingga hari ini, sangat menitik-beratkan apa juga alat-alat mengikut British Standard Specifications. Dan kerana itulah maka selalu berlaku pertanyaan mengapa rancangan di luar bandar tidak disiapkan. Sungguhpun batangnya sudah ada, lubangnya sudah ada, apinya

tiada. Alasannya, kerana barang tidak ada, alat tidak ada, kerana alat itu berkehendakan British Standard Specifications. Contohnya, electric meter. Electric meter bila-bila pun dikehendaki oleh L.L.N. daripada plastic base, kalau metal base tidak hendak, kerana tidak mengikut British Standard Specifications. Sungguhpun di Amerika dan di Canada berjuta-juta orang penduduk-penduduk semua menggunakan metal base dan begitu juga alat-alat yang lain. Inilah satu-satu perkara yang melambatkan rancangan-rancangan luar bandar dapat dilaksanakan.

Saya melihat di muka surat 363 Kepala P. 47 peruntukan-peruntukan yang dikehendaki lebih kurang daripada tahun 1971 sampai 1975 \$112 juta. Tahun 1975 sahaja kalau tidak salah saya \$35 juta. Kalaulah benar kita hendakkan komposisi yang adil maka apakah kiranya dapat Lembaga Letrik Negara, daripada pegawai-pegawai hingga ke Pengerusinya, meninjau sedikit supaya dapat pemborong-pemborong, pembekal-pembekal bumiputra, diberi peluang membekalkan alat-alat, dan kontrek-kontrek yang ada berjuta-juta ringgit di bawah L.L.N.

Saya bertanya kepada siapa juga yang bertanggungjawab menjalankan pengurusan L.L.N., berapa peratus daripada berjuta-juta ringgit itu telah dapat kepada pemborong-pemborong bumiputra?

Tuan Pengerusi, hinggakan insurannya pun telah dibeli dari syarikat seberang laut; tidak dapat kepada syarikat insuran tempatan. Inilah gambaran buruk Lembaga Letrik Negara, sungguhpun kita telah merdeka, tetapi masih juga dikolonaikan oleh syarikat-syarikat seberang laut di dalam Lembaga Letrik Negara.

Yang kedua, saya suka menyentuh Kepala B. 47 Instituti Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara. Kiranya benar apa yang telah dikatakan di dalam tujuan-tujuan yang ada di dalam buku yang berwarna kuning ini, maka saya percaya NISIR ini (bukan Nasir) kalau boleh dapat menolong perusahaan-perusahaan tempatan untuk membuat kajian-kajian dan sebagainya sebagaimana yang dibuat oleh MIDFIC. Kalau kita meminta MIDFIC membuat penyelidikan (feasibility studies) dan sebagainya, kita dikenakan bayaran berpuluh-puluh ribu ringgit, tetapi kalau Instituti Penyelidikan ini benar-benar

boleh membuat penyelidikan sebagaimana yang telah dikatakan di dalam buku ini, maka saya fikir dengan bayaran nominal boleh kita utamakan peniaga-peniaga bumiputra agar dapat diberi bantuan secara mereka (NISIR) membuat penyelidikan di dalam apa-apa perusahaan perniagaan yang hendak kita buat.

Saya juga menegur supaya pihak NISIR ini menumpukan lebih kegiatan mereka kepada agro-based industry. Saya lihat di muka surat 498 iaitu buku Anggaran Belanjawan, 1975 ini, daripada 1 hingga sampai 16 khidmat-khidmat perunding yang telah dibuat tidak begitu banyak; kajian yang telah dibuat berkenaan dengan agro-based industry. Ini hanyalah pandangan saya dan diharap dapatlah Jabatan itu melebihi lagi kerana ini adalah tujuan Kerajaan kita.

Pada akhirnya, saya suka menyentuh Jabatan Kimia. Saya telah menyentuh berkenaan dengan percubaan-percubaan separuhnyanya daripada perusahaan, yang tidak bertanggungjawab, kerana inflasi dan kerana mereka hendak juga mendapat peratus keuntungannya, maka dijual barang-barang atau keluaran-keluaran daripada kilang-kilang mereka nanti dengan membuat dan mencampur bahan-bahan yang merbahaya kalau digunakan oleh kita. Saya memberi beberapa contoh di masa-masa yang lampau seperti minyak rambut, sabun, alat-alat solek dan sebagainya. Di sini saya minta Bahagian Kimia mengambil peranan yang lebih penting supaya dapat semua bahan-bahan pengeluaran ini diperiksa betul-betul, dianalisa dan menjamin supaya jangan mendatangkan merbahaya kepada pengguna-pengguna.

4.55 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh di atas peruntukan untuk Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan ini bagi maksud memajukan kawasan kita dalam bidang letrik dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin katakan sedikit sahaja, iaitu hanya berkaitan dengan letrik.

Pertama, saya ingin mengatakan berhubung dengan hydro-electric yang dicadangkan hendak diadakan di Negeri Trengganu atau di Ulu Sungai Trengganu. Saya mengucapkan terima kasih dan memohon supaya rancangan

itu segera diadakan bagi maksud meluaskan rancangan-rancangan yang lain, kerana kedudukan sekarang di Negeri Trengganu dan di Pantai Timur amnya. Pihak pelabur tidak dapat datang disebabkan infrastructure tidak mencukupi di mana letrik adalah sebahagian daripadanya. Tetapi dalam peruntukan ini tidak nampak diadakan untuk rancangan-rancangan secara langsung, mungkin dalam penyiasatan akan dijalankan oleh Kementerian ini. Dalam hal ini, ingin saya menyebutkan bahawa kedudukan sekarang di Negeri Trengganu, masaalah letrik menjadi masaalah yang besar juga.

Sebab sebagaimana tempat-tempat yang lain perjalanannya tidak dapat dilaksanakan dengan sebab kekurangan beberapa hal. Saya ingin menyatakan harapan saya supaya:

Yang pertama, hendaklah pihak Kementerian ini mengadakan rancangan yang segera bagi mengatasi masaalah kekurangan pegawai di sana.

Dengan sebab sekarang saya dapat tahu pegawai berkurangan, dan penempatan pegawai adalah daripada orang-orang yang rendah kelayakannya. Bukan maksud rendah kelayakan, kebolehnya—tidak. Tetapi orang yang berpangkat rendah jika dibandingkan yang ditempatkan di station-station di sebelah Pantai Barat. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian hal ini sebenar-benarnya.

Yang kedua, saya minta supaya dibanyakkan lagi transformer bagi menempatkan di tempat-tempat yang jauh sedikit daripada enjin letrik, kerana didapati sekarang selalu berlaku kerosakan letrik. Dengan sebab kurangnya transformer dan tidak cukup tenaga dan sebagainya. Kadang-kadang seminggu satu kali mati api letrik. Kalau dibandingkan dengan tempat-tempat lain sebulan sekali pun tidak berlaku kerosakan letrik. Mengikut apa yang saya tahu kekuatan kuasa letrik tidak cukup kuat. Saya minta supaya diadakan lebih banyak lagi di sana.

Yang ketiga, saya ingin menyatakan sedikit berkait dengan peruntukan. Saya dapat tahu bahawa peruntukan yang diberi di setengah-setengah negeri adalah dengan sokongan oleh Kementerian ini 100% tetapi di Negeri Trengganu ataupun di negeri yang bersamaan dengan Negeri Trengganu peruntukannya dibahagi kepada tiga iaitu LLN,

Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Oleh sebab Negeri Trengganu tidak mencukupi wang, maka saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menyokong 100% biarlah Kerajaan Negeri Trengganu tidak payah bayar kerana tidak mempunyai wang. Saya minta pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Yang akhir sekali, berkait dengan peniaga-peniaga yang ingin melibatkan diri dalam bidang letrik. Sekarang ini orang-orang bumiputra jarang benar melibatkan diri dalam bidang perniagaan letrik dengan sebab payah untuk mendapatkan lesen dan payah juga untuk mencari orang-orang yang ahli dalam bidang yang tersebut. Saya minta supaya pihak Kementerian ini membuat satu cara agar Kementerian ini dapat melatih orang-orang bumiputra dalam bidang letrik. Sekarang ini kalau kita mahu menjalankan perniagaan letrik, mahu mencari pegawai ataupun pekerja wiremen dan sebagainya, maka payah didapati orang-orang bumiputra. Saya rasa ini tidak elok sedangkan letrik adalah satu perbadanan yang besar di mana boleh pihaknya memberi lesen ataupun melatih orang-orang bumiputra dalam bidang yang tersebut supaya orang-orang bumiputra yang mahu menjalankan perniagaan letrik dapat mencari orang-orang seperti ini bagi mengendalikan perniagaannya. Sekarang ini kita terpaksa mencari orang-orang yang bukan bumiputra untuk mengendalikan bidang tersebut. Sebab-sebabnya saya tidak tahu, tetapi ramai yang ada mempunyai lesen-lesen yang saya katakan itu. Saya rasa tentu Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa pada masa yang akan datang perlu dibuat satu latihan agar orang-orang bumiputra dapat melibatkan diri dalam bidang ini. Ada modal untuk menjalankan perniagaan dan diberi lesen dan orangnya pun ada di samping mempunyai lesen yang boleh menjalankan kerja di dalam bidang letrik. Saya rasa perkara ini tentu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tahu.

Dan yang akhir sekali, ialah berkait dengan kawasan saya. Saya minta supaya di kawasan saya di Rancangan LKTP Jerangau diadakan letrik, kerana pengundi-pengundi saya di sana memang memerlukan letrik dengan sebab wang peruntukan sudah ada, rumah sudah disediakan, tetapi letrik tidak ada. Saya minta Yang Berhormat Menteri

yang berkenaan mengambil perhatian agar di kawasan LKTP Jerangau itu diperuntukkan dengan letrik juga.

5.04 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kepala B. 47, Pecahan-kepala 1100, muka surat 359 di bawah Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Di bawah perkara ini saya ingin merujuk kepada ajensi Lembaga Letrik Negara (LLN).

Tuan Pengerusi, mengikut buku Anggaran Belanjawan, salah satu tujuan Kementerian ini ialah untuk memberi kemudahan-kemudahan tenaga yang perlu melalui L.L.N. untuk pembangunan negara, khususnya melalui Rancangan Bekalan Letrik Luar-bandar. Di sini saya minta izin bercakap dengan pendeknya dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, the provision of power facilities to our people, especially those from the rural areas and new villages, is a basic necessity which the people should expect from any Government. In our case, this task is being undertaken by the Lembaga Letrik Negara, or L.L.N., under its Rural Electrification Programme.

According to the 1957-1958 Household Budget Survey and the 1970 Post-Enumeration Survey, more than 57% of our households are still without electric supply. This situation is indeed quite serious after seventeen years of independence. The Government must take serious note of this matter, and the Ministry concerned must work out a concrete programme to ensure that power can be supplied to these less fortunate people. In this connection, I would like to take this opportunity to call on the Minister concerned to take whatever steps necessary to ensure that the Government's Rural Electrification Programme is carried out with the least delay.

Tuan Pengerusi, I understand that the L.L.N., in carrying out its task, is faced with numerous difficulties which result in delays in the implementation of its projects. Such problems have emerged because of difficulties in obtaining wooden poles, aluminium wires, switch gears and other technical equipment. However, it is my view that such problems and other related problems can be overcome

with proper planning and administration and also with the necessary co-operation and co-ordination from all quarters concerned.

Tuan Pengerusi, on the subject of L.L.N. I would also like to take this opportunity to urge this agency to speed up with its electrification projects such as street and backlane lighting in all parts of the Wilayah Persekutuan, particularly in Kuala Lumpur Bandar, after such projects have been recommended and approved by Dewan Bandaraya.

During my frequent visits to Dewan Bandaraya to enquire into the position of lighting for certain roads and backlanes in my kawasan, I have often been told that delay is caused by the L.L.N. because of a shortage of technical equipment. Here again, I feel that this is highly unfortunate, and I think that such a problem can be overcome provided that there is better planning and administration.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Institute Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara. Tuan Pengerusi, I feel that the allocation of more than just \$1 million for 1975 for this important Institute of Scientific Research is insufficient if it is going to serve the vital purpose of planning for our country's future scientific and industrial needs. It is my view that the allocation should be increased to enable this Institute not only to research into greater use of our natural resources but even to look far ahead into the future by researching into new sources of energy supply for the country's future needs in the wake of a world-wide energy crisis. The Government should, therefore, pay more attention to this Institute of Scientific and Industrial Research and provide it with the necessary funds to enable it to function more effectively to fulfil its aims and objectives.

5.09 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan.

Dalam hubungan ini, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Lembaga Letrik Negara yang telah memberikan

perhatian yang berat kepada kawasan-kawasan luar bandar yang mana dalam P. 47 peruntukan yang telah diuntukkan ialah sebanyak \$5 juta. Pada pandangan saya peruntukan \$5 juta itu mungkin tidak mencukupi, kerana memandangkan keadaan harga barang-barang keperluan yang digunakan oleh pihak Lembaga Letrik Negara ini makin sehari makin naik. Dengan kegunaan letrik penduduk-penduduk luar bandar sekurang-kurangnya mereka dapat mengenali kegunaan tenaga letrik yang diadakan, dan sekurang-kurangnya ada kawasan-kawasan yang mendapat bekalan letrik yang mereka gunakan untuk mengangin padi, itulah sekurang-kurangnya.

Selain daripada itu, mereka juga pandai menggunakan untuk mengukus kelapa dan sebagainya. Mereka juga dapat menggunakan dalam bidang pertukangan seperti menggunakan gergaji dan lain-lainnya.

Tuan Pengerusi, ada kawasan-kawasan yang masih lagi dipegang oleh K.E.D. seperti di kawasan saya di daerah Kampung Gajah iaitu di sebelah utaranya ada dibekalkan elektrik dan di sebelah selatannya ada elektrik juga, tetapi di tengah-tengahnya tidak ada. Jadi, diharapkan pihak Kementerian dapat menimbangkan keadaan ini supaya mereka yang di bahagian tengah itupun boleh mendapat kemudahan yang sama. Selain daripada itu, di sebelah daerah Sungai Manik ada beberapa kawasan yang masih belum lagi dapat bekalan letrik, kerana sebuah daripada tempatnya telah digunakan kebel melalui ikut bawah tanah dan timbul di satu pekan yang jauhnya 10 batu. Kawasan yang dilalui oleh kebel itu tidaklah mendapat bekalan letrik. Oleh itu, saya rasa adalah patut dapat dibekalkan pada masa yang akan datang.

Selain daripada itu, ada satu kawasan perkampungan yang mengharapkan bekalan letrik mereka supaya dapat dibekalkan pada waktu siang dan malam. Ertinya, pada masa sekarang ini, bekalan hanya diterima pada waktu malam sahaja, sedangkan siang mereka tidak menggunakan letrik.

Tuan Pengerusi, mengikut apa yang telah diketahui di kawasan Pasir Salak satu kawasan yang telah ditanda menyatakan iaitu kawasan ini akan dilalui oleh dawai letrik yang besar menuju ke Lumut. Pokok-pokok di situ telahpun ditanda dan telahpun

dinilai. Tetapi agak malang sedikit kerana mereka berpendapat pokok durian dinilai dengan nilai cuma \$50 sahaja pada sepokok. Pada pandangan mereka kalau mengikut musim-musim yang biasa, sedahan durian pun boleh dapat \$50. Pokok yang kecil \$30 nilainya. Oleh yang demikian, dapatlah pihak Lembaga dan pihak yang berkenaan menimbangkan nilai sepokok durian itu dinaikkan kepada paras yang sepatutnya. Saya ingin mengesyorkan kepada tempat-tempat yang dilalui oleh dawai-dawai yang besar ini, patutlah pihak Lembaga ini menurunkan ke kampung-kampung tersebut dengan menggunakan janakuasa pencawang dan disampaikan ke daerah-daerah yang dilalui oleh dawai yang besar ini, kerana mereka khuatir dan takut melihat dawai sahaja dan tidak mendapat bekalan yang sepatutnya mereka dapat.

Saya rasa rancangan-rancangan peringkat daerah telahpun dibuat dan mungkin akan dikemukakan kepada pihak Lembaga Letrik ini, tetapi saya memikirkan ada kawasan-kawasan itu mungkin ketinggalan. Ada baiknya pihak Lembaga Letrik Daerah dapat merundingkan kepada pihak Pegawai Daerah atau mungkin juga pihak Wakil Rakyat tempatan boleh merundingkan supaya ada kawasan itu tidak ketinggalan. Umpamanya, satu kawasan tiga buah kampung barangkali kalau dipasang letrik nanti hanya dua buah kampung sahaja yang dapat dan sebuah kampung lagi tidak dapat, tentulah kampung yang ketinggalan itu merasai seolah-olah mereka dibiarkan dan diketepikan sahaja permohonan mereka.

Tuan Pengerusi, kawasan di sebelah Langkat ada satu pusat janakuasa letrik yang besar juga yang boleh memanjangkan dan boleh memperbekalkan letrik di kawasan-kawasan yang berhampiran di sekitar kawasan tersebut yang mana kawasan-kawasan ini adalah memerlukan sangat akan tenaga letrik. Mengikut apa yang diketahui, pihak K.E.D. tidak akan memasang ataupun membekalkan tenaga letrik di kawasan-kawasan yang telah dipasang ini. Oleh yang demikian, saya rasa tidaklah perlu pihak Lembaga Letrik Negara ini menunggu-nunggu atau menanti-nanti penyerahan kuasa daripada pihak K.E.D. kepada pihak Lembaga kerana apa yang ada bolehlah disambungkan terus untuk membekalkan penduduk-penduduk di luar bandar.

5.15 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran dan pengesyoran-pengesyoran yang telah dibuat oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Kementerian saya. Dalam jawapan saya, saya hendak membahagikan kepada dua bahagian iaitu satu adalah berkenaan dengan Lembaga Letrik Negara dan yang kedua berkenaan dengan teguran-teguran terhadap N.I.S.I.R. ataupun National Institute for Scientific Industrial Research. Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh berkenaan dengan Pejabat Kimia, tetapi tidaklah begitu banyak.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bachok berkenaan dengan kerjasama dengan lain-lain Kementerian dari agensi Kerajaan iaitu NISIR sepatutnya bekerjasama dengan lain-lain institusi-institusi dan sebagainya, suka saya menjelaskan bahawa institusi ini memang bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan seperti universiti-universiti dalam beberapa projek penyelidikan sains iaitu Sains Gunaan (Applied Science), tetapi berhubung dengan sekolah-sekolah untuk hendak mengambil penuntut-penuntut atau hendak mengambil bahagian memberi syarahan-syarahan kepada sekolah-sekolah itu adalah luar daripada batasan ataupun tugas yang diberi kepada agensi ini. Walau bagaimanapun, Makmal Sains yang dikelola oleh NISIR ini sentiasa terbuka kepada penuntut-penuntut yang suka melawatnya dan kadangkala sekolah-sekolah membuat lawatan ke Bahagian Makmal Sains di NISIR ini.

Mengenai syor Yang Berhormat terhadap penyebaran yang luas tentang aktiviti NISIR, saya suka menjelaskan, institusi ini baru ditubuhkan pada bulan Ogos tahun 1971. Oleh itu ianya masih muda, belum banyak diketahui oleh orang ramai. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan berikhtiar memberi publisiti yang luas, seberapa luas yang boleh, juga bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak NISIR ini akan menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melawat pada suatu hari, kalau boleh dalam masa persidangan ini juga, sekiranya masa mengizinkan dan dipersetujui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Saya harap dengan

lawatan Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan ramai lagi orang ramai mengetahui berkenaan dengan aktiviti-aktiviti NISIR.

Berkenaan dengan NISIR ini juga, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada menyentuh iaitu penyelidikan patut dibuat untuk menolong bumiputra dalam perusahaan-perusahaan kecil dan juga patut diadakan perusahaan agro-based industry.

Tuan Pengerusi, memangnya satu daripada tugas atau beberapa tugas untuk NISIR ini ialah memberi pertolongan kepada bumiputra-bumiputra yang suka melibatkan diri mereka dalam perusahaan kecil, dan bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu NISIR akan menolong mengadakan jentera-jentera kecil untuk pemotongan ubi kayu dan alat pemukul kain-kain batak dan beberapa jenis lagi alat-alat kecil untuk perusahaan-perusahaan kecil. Sekiranya mana-mana bumiputra yang suka mengambil bahagian ataupun untuk menggunakan jentera-jentera kecil ini, diharap dapat berhubung dengan pihak NISIR dan pihak NISIR akan menghantar pegawainya untuk bertemu dengan pengusaha-pengusaha bumiputra di luar bandar khususnya dan mereka akan pergi ke tempat perusahaan bumiputra itu untuk menolong mereka dan tidak perlu mereka datang ke Ibu Pejabat NISIR.

Tuan Pengerusi, memang salah satu usaha NISIR ini untuk mengadakan atau mencari jalan, membuat jentera-jentera untuk perusahaan agro-based seperti baru-baru ini satu kajian telah dibuat dengan menggunakan sekam-sekam padi bagi membuat papan-papan. Kajian ini telah berjaya cuma NISIR menunggu pandangan pihak-pihak yang suka mengambil bahagian ataupun pengusaha-pengusaha yang suka hendak membuat papan-papan daripada sekam padi itu, dan mereka yang suka diminta berhubung dengan Pengarah NISIR supaya pihak NISIR dapat memberi segala apa bantuan yang boleh.

Berkenaan dengan Bekalan Letrik Luar Bandar, semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap mengenainya di sini telah bersungut iaitu bekalan letrik luar bandar patut diluaskan. Memang tujuan Kementerian ini hendak meluaskannya dan pada tahun 1975 wang yang agak banyak untuk membekalkan letrik luar bandar. Malangnya, seperti dalam jawapan saya dalam Dewan ini beberapa hari yang sudah berkenaan

dengan kesulitan barang-barang dan alat-alat, tetapi walau macammanapun perkara ini adalah semakin hari semakin baik keadaannya dan kita berharap bekalan alat-alat letrik itu akan dapat ditambah dan pihak Lembaga Letrik Negara akan dapat menjalankan bekalan letrik di luar bandar dengan seberapa cepat yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok menyebutkan berkenaan dengan bekalan letrik di kampung-kampung dalam kawasannya iaitu Kampung Bukit Merak. Saya suka menyatakan projek itu telahpun diluluskan dalam tahun 1974, tetapi dengan sebab banyak lagi rancangan-rancangan tahun 1973 tidak dapat dilaksanakan, dengan sebab itu Lembaga Letrik Negara memberikan keutamaan kepada projek-projek yang belum lagi disiapkan dalam tahun 1973. Selepas siap itu, insya Allah, Lembaga Letrik Negara akan menjalankan projek-projek bukan sahaja di Negeri Kelantan, bahkan di negeri-negeri lain yang telah diluluskan dalam tahun 1974.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyebut berkenaan dengan bekalan letrik di sebuah kampung lagi, saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat berhubung dengan Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Daerah supaya dimasukkan dalam senarai rancangan-rancangan bekalan letrik luar bandar dalam jajahan itu ataupun dalam daerah itu dan bagi pihak Jawatankuasa Tindakan Daerah ini akan menyampaikan kepada Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Jawatankuasa Tindakan Negeri akan menentukan keutamaannya. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum bahawa peruntukan itu $\frac{1}{3}$ ialah dibiayai oleh Kerajaan Negeri, $\frac{1}{3}$ Kerajaan Pusat dan $\frac{1}{3}$ lagi oleh Lembaga Letrik Negara sendiri. Maka dengan sebab itu, keutamaan itu mengikut amalannya adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sekiranya ada rancangan-rancangan bekalan letrik luar bandar dalam kawasannya yang belum lagi dibuat yang difikirkan patut diadakan, diminta berhubung dengan Jawatankuasa Tindakan Daerah di mana Ahli-ahli Yang Berhormat adalah salah seorang daripada ahlinya supaya dapat disampaikan kepada Jawatankuasa Tindakan Negeri.

Sungutan-sungutan berkenaan dengan Lembaga Letrik Negara memasang tiang sahaja tetapi tidak sampai wayar dan lampu itu, saya telah terangkan tadi dengan sebab kekurangan alat-alat. Kadang-kadang kita nampak tiang telah dipasang sejak 5-6 bulan, bahkan setahun tetapi belum lagi dipasang wayar. Ini kita berharap Ahli-ahli Yang Berhormat menerangkan kepada penduduk di kampung berkenaan supaya bersabar. Lembaga Letrik Negara akan berikhtiar dengan seberapa yang boleh, tetapi dengan sebab kelambatan barang-barang itu sampai, maka tidaklah dapat Lembaga Letrik Negara hendak melaksanakan. Apabila sampai sahaja barang-barang itu akan dibahagikan kepada semua negeri-negeri yang terlibat. Jadi dengan cara beransur-beransur, kalau nampak lambat sedikit dimintalah bersabar dan diminta juga menerangkan kepada rakyat supaya tolong bersabar.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun mencadangkan untuk menambah peniaga bumiputra ataupun kontraktor bumiputra dalam bidang letrik. Memanglah pihak Lembaga Letrik Negara sangat suka hendak menolong bumiputra mengambil bahagian dalam bidang letrik ini, tetapi malangnya sebagaimana Ahli Yang Berhormat katakan tadi, tak berapa ramai anak bumiputra dalam bidang ini, tetapi Lembaga Letrik Negara tidaklah dapat hendak mengadakan kursus untuk anak-anak bumiputra. Kursus-kursus itu memang telahpun diadakan oleh beberapa institusi-institusi yang lain dan kita berharap apabila ahli-ahli peniaga bumiputra ataupun anak-anak bumiputra yang ada sedikit pengalaman atau sedikit pelajaran suka masuk dalam bidang ini diminta berhubung dengan pihak Lembaga Letrik Negara di kawasan masing-masing supaya pegawai itu, sungguhpun tidak dapat memberi kursus, dapatlah memberi tunjuk ajar yang menasabah, yang sesuai bagi seseorang ataupun pihak bumiputra yang suka mengambil bahagian dalam kontrak letrik ini. Kontraktor ini bukan sahaja bumiputra, yang bukan bumiputra pun tidak begitu ramai. Jadi dengan sebab itu kadang-kadang projek-projek itu tergendala dengan sebab satu kontraktor ataupun dua-tiga kontraktor sahaja yang menjalankan rancangan ataupun melaksanakan bekalan letrik ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada menyentuh berkenaan dengan alat-alatan Lembaga Letrik Negara hendaklah mengikut

British Standard Specifications. Tuan Pengerusi, perkara ini adalah hanya hendak menjaga keselamatan nyawa orang ramai, jadi terpaksa pihak Lembaga Letrik Negara menetapkan satu standard. Sekarang kita ada bukan sahaja British Standard Specifications, tetapi kita ada standard sendiri yang diluluskan oleh Standard Institute of Malaysia (SIM). Jadi apa alatan-alatan yang diluluskan oleh SIM ini memang boleh digunakan oleh mana-mana pihak.

Berkenaan dengan insuran yang diberi kepada kompeni-kompeni luar negeri itu, perkara ini kita akan siasat dan sekiranya pada masa akan datang mana-mana benda yang kita insure itu akan tamat akan diberi pertimbangan kepada syarikat tempatan, dan juga bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bekalan-bekalan alat-alat letrik ini ditempah daripada syarikat-syarikat tempatan, bukan semata-mata daripada luar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada menyentuh berkenaan dengan Hydro-Electric Power di Trengganu. Suka saya menyatakan iaitu kajian bagi peringkat yang pertama sedang dijalankan dan ini akan mengambil masa diharapkan dalam masa 14 bulan lagi. Kajian peringkat pertama untuk kegunaan letrik sahaja dan selepas itu akan dibuat kajian kedua bagi multi-purpose seperti menahan banjir dan sebagainya. Kita berharap apabila rancangan ini dapat dilaksanakan pada masa akan datang, walaupun masanya agak lambat lagi, beberapa tahun lagi, akan dapat memberi bekalan letrik dengan cukupnya, bukan sahaja kepada Negeri Trengganu bahkan kepada Pahang Utara dan juga Kelantan, oleh kerana bekalan letrik yang dikeluarkan dari Hydro-Electric di Trengganu ini adalah agak besar dan dapat membekalkan tenaga letrik dengan seluas-luasnya.

Berkenaan dengan pengesyoran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya peruntukan kepada Kementerian ini patut diperbanyak untuk kajian, saya memang berterima kasih di atas pengesyoran Ahli Yang Berhormat itu, tetapi sayugia dimaklumkan bukan sahaja NISIR yang menjalankan penyelidikan bahkan institusi-institusi yang lain juga menjalankan penyelidikan di beberapa bidang-bidang yang lain. Jadi, agensi-agensi yang lain seperti MARDI

dan sebagainya adalah mendapat peruntukannya masing-masing. Ini adalah peruntukan yang besar juga dan tentulah bagi pihak Kerajaan apabila menimbangkan permohonan daripada NISIR ini juga menimbangkan peruntukan-peruntukan kepada agensi-agensi ataupun badan-badan penyelidikan lain yang juga memerlukan wang yang banyak untuk menjalankan kajian bagi pembangunan negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah menyentuh sedikit berkenaan dengan nilai pokok-pokok. Sukacita saya maklumkan berkenaan dengan nilai ini dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah di daerah masing-masing. Pihak Lembaga Letrik Negara cuma membayar mengikut nilai yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah. Sekiranya ada rakyat yang terlibat tidak puas hati dengan nilai yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah itu kalau tidak mahu pergi ke Mahkamah pun bolehlah berjumpa dengan Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan supaya menimbangkan semula. Pihak Lembaga Letrik Negara cuma mengikut apa yang ditentukan oleh Pemungut Hasil Tanah.

Mana-mana teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak jawab, saya akan ambil perhatian dan dengan ini sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap mengenai anggaran peruntukan Kementerian ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,215,000 untuk Kepala B. 47 dan \$2,589,500 untuk Kepala B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$49,955,578 untuk Kepala P. 47 dan \$219,000 untuk Kepala P. 48 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1975.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berbalik semula kepada Kementerian yang telah tertinggal disebabkan Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan yang telah dipersetujui tadi oleh kerana Yang Berhormat Menteri akan berangkat menyempurnakan fardhu hajinya. Sekarang kita pergi kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu Kepala Bekalan B. 21 dan Kepala Pembangunan P. 21. Saya jemput Yang Berhormat Menteri membentangkan anggaran perbelanjaannya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Kepala B. 21 (Jadual)—

Kepala P. 21 (Anggaran Pembangunan 1975)—

5.34 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan supaya Anggaran Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 1975 di bawah Kepala B. 21 sebanyak \$11,833,900 dan di bawah Kepala P. 21 sebanyak \$4,013,465 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, saya rasa tak payahlah saya berucap dengan panjang-lebar kerana keterangan-keterangan ada terkandung di dalam dokumen-dokumen yang berkenaan, terutama sekali Kertas Perintah No. 24/1974, daripada muka surat 225 hingga 230.

5.35 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk menyokong peruntukan \$15,847,365 yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 1975. Tetapi saya agak terkejut melihatkan peruntukan yang begitu kecil diberikan kepada sebuah Kementerian yang mengandungi seksi-seksi seperti berikut:

- (i) kebudayaan yang dianggap sebagai benteng dalam kehidupan manusia;
- (ii) Belia: sebagai Tulang Belakang bangsa kita; dan
- (iii) Sukan: Bakat-bakat yang akan membawa kita kepada pengenalan dunia.

Tuan Pengerusi, mula-mula suka saya menyentuh perkara yang berhubung dengan kebudayaan, yang amat dikenali tentang kekayaannya. Kebudayaan Malaysia kita adalah mempunyai latarbelakang sejarah sejak beribu-ribu tahun yang lalu. Cara hidup kita adalah berdasarkan dari pesaka kebudayaan yang telah kita pelihara sejak dari beberapa jenerasi yang lampau. Tiap-tiap perbuatan, pergerakan, tingkah laku dan ucapan-ucapan kita adalah bersendikan kebudayaan kita, iaitu kebudayaan Melayu dan baru-baru ini dikenali sebagai kebudayaan Malaysia.

Cara hidup kita pada keseluruhannya adalah terikat dengan tingkah laku yang mempunyai undang-undang kebudayaan. Sejak kita dilahirkan, kebudayaan telah mengajar kita menghormati orang-orang tua, sopan-santun dalam pertuturan, hidup yang sederhana, perasaan kasih sayang, penuturan yang matang dalam tingkah laku, berbaik-baik di antara sesama manusia dan menghormati peraturan dan undang-undang. Kesemuanya ini adalah sebahagian dari pengajaran kebudayaan kita. Seorang anak lelaki yang dilahirkan di dalam bumi Malaysia adalah anak yang akan mempelajari cara menghormati orang lain. Latar belakang sejarah kita dapat dikesan dari kelahiran Negeri Melaka dan sejarah hidup pahlawan agong kita Hang Tuah. Sejak dari beberapa jenerasi yang silam kita sentiasa dikenali menghormati ibubapa kita sebagai Tuhan.

Kita telah dihormati dan bergembira dalam suasana persaudaraan dan persahabatan. Campuran dari berbagai cabang kebudayaan itu telah memberikan kita satu pandangan yang baru dalam kebudayaan Malaysia kita. Tetapi, Tuan Pengerusi, hari ini satu penyakit kebudayaan Barat telah merebak ke seluruh dunia yang memberikan satu gambaran akan ketakutan kita tentang apa yang akan terjadi kepada kebudayaan kita. Pada masa ini kebudayaan Barat merebak seperti api yang ganas di dalam negara kita. Cara hidup Barat, tingkah laku, pakaian dan bentuk rambut telah berkembang dengan pesatnya dan ianya menjadikan satu ancaman kepada perpaduan kebudayaan kita.

Sukalah saya menyebutkan bahawa sebahagian dari iblis kebudayaan Barat itu berhadapan tepat dengan kebudayaan kita. Kecantikan berambut panjang di kalangan wanita-wanita muda kita telah lenyap. Ini adalah disebabkan rambut-rambut mereka dipotong untuk merupakan bentuk mereka sebagai lelaki. Fashion rambut panjang semacam belukar telah diterima sebagai satu kemajuan di dalam masyarakat moden kita. Menghormati orang-orang tua telah berkurangan ataupun telah hilang samasekali, sopan santun dari peringkat orang-orang muda amat jarang didapati, kesederhanaan tiada lagi menjadi sebahagian hidup kita. Perasaan kasih sayang sesama manusia telah hilang. Perasaan persaudaraan dianggap sebagai kelakuan yang tiada berkebudayaan. Menghormati peraturan dan undang-undang

dikatakan sebagai Penakut. Kebaikan tiada mendapat penghormatan. Dan inilah sebabnya dari contoh-contoh hidup orang-orang Barat.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, telah sampailah masanya bagi kita memikirkan sesuatu cara dan jalan untuk memelihara kebudayaan kita sebelum ianya terlewat. Saya cadangkan Kerajaan akan dapat mengadakan "Code of Conduct" tentang cara-cara menggunakan pakaian dan fashion rambut, untuk mencapai cita-cita kebudayaan Malaysia kita. Saya mencadangkan Kementerian yang berkenaan hendaklah memberikan perhatian yang lebih terhadap mengujudkan satu penyelidikan yang lengkap berhubung dengan kelakuan anak-anak muda kita untuk membimbing mereka ke jalan yang sempurna dalam mengujudkan cita-cita kebudayaan kita.

Dalam perkara yang berhubung dengan belia, adalah amat memberangsangkan untuk mengetahui bahawa Kerajaan selepas Kemerdekaan telah mengambil beberapa langkah untuk melatih belia-belia di dalam beberapa bidang, supaya kehidupan mereka akan menjadi cerah dan akan menjadi warganegara yang berguna. Mending President Amerika pernah berkata di dalam bahasa Inggeris: 'Ask not what the country can do for you but ask what you can do for the country', ini adalah bererti bahawa warganegara adalah lebih menghormati negerinya sendiri dari menghormati tubuh badannya. Tetapi di Malaysia, pemimpin kita Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak telah membuat satu cara baru. Cara itu ialah penghormatan negeri kita kepada bakal-bakal pemimpin dan belia-belia yang ada di negara kita. Kerajaan telah menunaikan kata-katanya yang didahulukan kepada belia-belia. Teranggunlah kepada belia-belia untuk menyedari perkara ini dan berterima kasih kepada negara.

Dalam hubungan ini, saya cadangkan Kerajaan hendaklah menubuhkan persatuan belia-belia luar bandar di dalam tiap-tiap kampung. Kampung-kampung Baharu dan ladang-ladang, yang mana ianya akan memberikan pelajaran kepada belia-belia di luar bandar untuk mengetahui atau mengenali tanggungjawab mereka kepada negara. Sukalah saya mengucapkan tahniah kepada Pergerakan Belia 4B yang telah membuat kerja-kerja yang berguna di kawasan-kawasan luar bandar.

Seterusnya, suka-lah saya menarik perhatian Kerajaan tentang beberapa perkhidmatan yang diberikan oleh Kelab Bell Belia Tamil yang mana keahliannya kebanyakannya diperolehi dari ladang-ladang di dalam negara kita. Pertubuhan ini mempunyai 47 cawangan dan 15,000 ahli. Saya difahamkan bahawa Kementerian telah bermurah hati memberikan bantuan kewangan dan pelajaran sebarang laut dan pelancungan kepada Persatuan ini. Sukalah saya merayu kepada Kementerian untuk menimbangkan pertambahan kepada peruntukan kewangan terhadap membantu 'study tours' dalam rangka perkembangan pertubuhan ini dengan pesatnya. Di dalam bidang sukan, saya merasakan bahawa bakat-bakat sukan dengan perlahan-lahan berkurangan, sebabnya kerana kebanyakan ahli-ahli sukan lelaki dan perempuan kita adalah secara samblan sahaja. Henry, Ismail, Dutton, Ghany dan Lourdes adalah di antara pelupur-pelupur yang mengibarkan bendera di lapangan sepakbola. Sebagai memperingati mereka, kita mestilah mempertahankan darjah kesukanan kita dengan cara membuat sebarang apa yang boleh ke arah mencapai cita-cita kita. Masanya telah berlalu yang mana dengan gagahnya kita mempertahankan 'Thomas Cup'. Darjah permainan badminton kita berkurangan dengan perlahan-lahannya. Sukalah saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya Kementerian yang berkenaan memberikan galakan dengan cara menubuhkan institusi yang akan dapat memberikan perhatian kepada Professional di dalam lapangan sukan. Perkara ini bukanlah satu perkara yang baru. Ianya telah diamalkan di kebanyakan negara-negara Eropah, dan Latin Amerika.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya berharap Kerajaan akan menimbangkan peruntukan tambahan kepada Kementerian ini, yang akan dapat mengembangkan kegiatan-kegiatan dan perkhidmatan kepada negara kita.

5.47 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, saya berdiri menyokong penuh di atas peruntukan yang diperuntukkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Malah saya juga sama berpendapat dengan Yang Berhormat dari kawasan Sungai Siput.

Pada pendapat saya peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk tujuan-tujuannya mungkin tidak setimbal dengan kewajipan-kewajipan ataupun tugas-tugas yang telah diperturunkan kepada Kementerian, lebih-lebih lagi belia adalah merupakan angkuta manusia lebih daripada 60% daripada penduduk negara Malaysia, maka memandangkan kepada alasan itu mungkin dapat dipertimbangkan dari segi supplementary ataupun dengan cara-cara yang lain dapat peruntukan Kementerian ini ditambah dari satu masa ke satu masa. Bukan sahaja kekurangan kewangannya, malah kakitangannya pun kekurangan. Sebagai contoh, saya memberi satu sahaja contoh. Umpamanya, di dalam Bahagian Belia, Kementerian mempunyai 3 Bahagian iaitu Hal Ehwal Belia, Latihan Belia dan Biro Bimbingan Belia. Mengikut Anggaran Belanjawan Tahun 1975 di muka 227, saya minta izin membacakan-nya. Biro Bimbingan Belia adalah ditugaskan untuk seperti berikut:

“ bertanggungjawab menempatkan belia-belie yang telah dilatih. Pihak swasta telah dihubungi bagi maksud tersebut dan juga bagi mendapatkan khidmat dari kerjasama mereka. Biro ini juga menghubungkan jabatan-jabatan, Kementerian-kementerian, badan-badan berkanun mengusahakan pemberian modal dan bimbingan-bimbingan lain kepada belia-belie.”

Dan kalau kita lihat pula berapakah kakitangan yang ditugaskan kepada Biro ini dan saya suka pula merujuk perhatian, Tuan Pengerusi, kepada muka 157 iaitu B. 21 di bawah Pecahan-kepala 1100 (3) (ii), kita lihat di sana di bawah “Bilangan Jawatan” hanya 6 kakitangan sahaja. Jadi tentulah 6 kakitangan tidak memadai pada pendapat saya untuk melaksanakan dengan memuaskan tanggungjawab yang telah diperturunkan sepertimana yang telah saya bacakan tadi. Bukan 6 pada pendapat saya malah 16, mungkin 20 kakitangan-kakitangan yang diperlukan di bawah Biro itu supaya Biro itu dapat benar-benar memberi bimbingan pekerjaan kepada belia-belie.

Di sini saya suka juga menyentuh bahawa satu daripada masalah belia ialah menghadapi pengangguran dan jika kerja ataupun tanggungjawab Biro Bimbingan Belia ini dapat diperluaskan supaya dapat menjalar ke negeri-negeri, ke daerah-daerah dan juga

di kampung-kampung, saya percaya rahmat itu akan dapat memberi faedah yang besar kepada belia-belie di luar bandar yang sedikit-sebanyak menghadapi kesulitan mencari kerja ataupun mereka kurang dapat mengetahui peluang-peluang di mana boleh mendapatkan pekerjaan. Oleh sebab itulah saya menekankan betapa pentingnya Biro Bimbingan Belia dan itulah sebabnya juga saya merayu sekiranya dapat kakitangan Biro ini ditambah daripada enam orang kepada suatu bilangan yang agak sesuai mengikut tanggungjawab yang telah saya sebutkan tadi. Itu satu contoh sahaja, banyak lagi contoh-contoh yang lain, tetapi tidak payahlah saya melipatgandakan contoh-contoh yang boleh dipetik di beberapa tempat baik dalam Belanjawan mahupun Anggaran Belanjawan, 1975.

Saya juga suka memberi satu lagi contoh. Kali ini memberi contoh dari segi kewangan, bukan dari segi kakitangan, iaitu dari segi pembangunan, iaitu di bawah Kepala P. 21—Pembangunan, dan di sini boleh kita lihat bahawa jumlah yang telah diperuntukkan untuk pembangunan tidak begitu mengembirakan dan kalau kita menolak perbelanjaan untuk Stadium Merdeka yang berjumlah lebih daripada \$1 juta, maka bakinya ialah lebih kurang \$2 juta sahaja diperuntukkan untuk pembangunan. Ini amat mendukacitakan sekali kerana saya berpendapat jumlah \$2 juta jika ditolak perbelanjaan Stadium Merdeka sangat kekurangan dari segi perbelanjaan untuk pembangunan sahaja. Saya tidaklah mahu memberi detail-detailnya kerana ini tentulah akan memakan masa yang panjang; memadai saya memberi contoh dari segi kekurangan wang di bawah Kepala Pembangunan sahaja dan dari segi itu juga saya letih mencari di mana pula peruntukan belanja untuk Projek Belia Peladang.

Saya telah menyentuh perkara ini di dalam ucapan saya terlebih dahulu daripada ini, dan sekali lagi saya membangkitkan juga perkara ini, iaitu saya tidak nampak di Kepala-kepala mana boleh peruntukan diberi kepada suatu projek yang dinamakan Projek Belia Peladang. Projek Belia Peladang ini telahpun diumumkan pada tahun 1972 dan projek ini adalah satu daripada tujuannya untuk belia-belie bergiat di lapangan pertanian. Pada pendapat saya projek ini amat baik faedahnya, lebih-lebih lagi di dalam keadaan yang mana kita menghadapi stagflasi ini, kita

memerlukan banyak pengeluaran bahan-bahan makanan dan Projek Belia Peladang ini, jika diberi perhatian yang sewajarnya akan dapat mengerah tenaga dan buah fikiran belia untuk disalurkan ke arah yang berfaedah iaitu dari segi mengeluarkan bahan-bahan makanan ataupun bahan-bahan pertanian yang lain. Tetapi sepertimana yang telah saya perkatakan tadi tidak adapun Kepala di bawah Kementerian ini, di bawah Kepala Projek Belia Peladang dan saya harap tindakan-tindakan yang wajar, ikhtiar-ikhtiar dan usaha-usaha akan dapat difikirkan untuk menggerakkan sebaik-baiknya, seatur-aturnya bagi faedah maksima dapat dihasilkan daripada Projek Belia Peladang yang saya fikir boleh memberi kesan yang begitu berfaedah di dalam suasana stagflasi ini.

Saya menyokong apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput, iaitu bantuan Kementerian kepada badan-badan belia sukarela juga amat berkurangan. Bo'ehlah saya mengatakan di sini bahawa sebahagian besar daripada aktiviti-aktiviti dan projek-projek belia di negara kita ini, di tanahair kita ini adalah dilaksanakan dengan begitu dedikasi sekali oleh pertubuhan-pertubuhan belia sukarela dan sudah kena pada tempatnya untuk Kementerian menambahkan bantuan-bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan belia sukarela yang selama ini telah memberi kerjasama, yang telah memberi kerja-kerja yang baik, yang telah meninggi dan mengharumkan nama negara kita ini.

Sekarang saya suka memberi contoh di sini, iaitu sebagai misalan sahaja Gerakan Belia 4B Malaysia diberi peruntukan hanya dari segi bantuan Kementerian sebanyak lebih kurang \$17,000 setahun dan ahli Gerakan Belia 4B sahaja lebih daripada 100,000 yang menyeluruh di seluruh tanahair kita ini dan sudah tentulah wang yang sebegitu kecil tidak mencukupi untuk menadbir dengan licin dan teratur keahlian yang sebegitu banyak meliputi kawasan yang sebegitu luas. Saya sungguh-sungguh berharap bahawa Kementerian akan dapat menimbang dan mencari ikhtiar bagaimana dapat menambahkan bantuan-bantuan untuk semua badan-badan sukarela yang telahpun memberi sumbangan yang begitu baik terhadap pembangunan negara yang kita cintai.

Mungkin oleh sebab kurang kakitangan dan mungkin oleh sebab kurang kewangan yang diperuntukkan, maka bantuan Kementerian kepada belia kurang begitu memberi kesan. Dengan sebab demikian, saya terpaksa menekankan betapa pentingnya wang peruntukan dipertambahkan dan kakitangan dipertambahkan kepada Kementerian ini supaya kesan yang lebih dapat diperturunkan bagi mengatur dan menyusun perkembangan dan kemajuan pergerakan belia di tanahair kita.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sudah bercakap lebih dari 10 minit. Sila habiskan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Izinkan saya bercakap satu minit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya ada banyak perkara yang hendak dibincangkan, tetapi oleh kerana saya ada satu minit lagi, saya akan cuba dengan seberapa segera yang boleh memberi satu dua lagi perkara, iaitu berkenaan dengan Majlis Perundingan Belia, Negara. Saya berpendapat bahawa Majlis Perundingan Belia Negara ini kurang representatives—wakilnya kurang begitu teratur. Ada banyak badan-badan sukarela tidak diwakili di dalam Majlis Perundingan Belia Negara dan saya suka membawa syor supaya Majlis Perundingan Belia Negara ini diatur anggota-anggotanya supaya tiap-tiap Majlis Belia Negeri dapat menghantar seorang wakil.

Yang kedua, saya juga suka menyentuh dari segi Majlis Belia Malaysia yang saya fikir harus dijadikan forum untuk belia sahaja, dan bukan forum untuk campuran pelajar-pelajar dengan belia. Ada baiknya pelajar-pelajar dengan belia disatukan, memberi satu common forum, tetapi mungkin masanya belum tiba bagi Malaysia ini untuk dicampur-adukkan pergerakan belia dengan pergerakan pelajar. Dengan demikian, saya suka mengesyorkan supaya Majlis Belia Malaysia ini dikhaskan untuk forum belia sahaja, oleh kerana pelajar-pelajar telah mempunyai forum mereka yang begitu banyak sekali.

Tuan Pengerusi, sekarang banyaklah tuduhan-tuduhan bahawa belia kurang baik dan sebagainya. Ini mungkin benar, mungkin tidak benar, saya pun tidak dapat mengetahuinya, tetapi mass media kita haruslah memainkan peranan supaya memberi image yang lebih baik kepada belia-belia kita. Jikalau kita baca akhbar-akhbar tempatan kebangsaan, seringkali kita come across atau membaca perkara-perkara yang sensational sahaja yang dilakukan oleh belia-belia seperti yang dicatitkan dalam akhbar-akhbar. Perkara-perkara yang baik yang ada berfaedah jarang dilaporkan, dan jikalau kita membaca akhbar, kalau ada soal rogol, pencurian, inilah yang dilaporkan dalam akhbar. Kalau ada belia-belia menghisap dadah dan sebagainya maka dimasukkan satu caption yang besar: "Youth found with drugs. Youth with girls, Youth with. . . . semuanya youth". Jadi, gambar youth ini yang selalu dikeluarkan di dalam akhbar-akhbar ini mungkin membangkitkan satu image yang tidak baik kepada kalangan belia ini. Tetapi sesungguhnya saya berpendapat belia-belia yang tidak baik ini hanya segelintir sahaja, bukan banyak, dan majority of youth ataupun bilangan terbesar belia-belia di Malaysia ini adalah mereka yang berdisiplin dan yang bertanggungjawab. Saya harap akhbar-akhbar akan mengambil sedikit tindakan yang wajar supaya memberi lapuran-lapuran yang lebih memberi image yang harum kepada pergerakan belia-belia. Terima kasih.

6.02 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Belanja Mengurus yang diminta oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Bahkan patutlah ditambah lagi pada tahun hadapan, memandangkan kepada mustahaknya belia-belia kita diberi pimpinan dan latihan untuk mengambil tempat pemimpin-pemimpin kita yang ada sekarang dan kita patutlah mengkaji di manakah salahnya persatuan-persatuan belia yang ada, kerana boleh dikatakan persatuan-persatuannya yang banyak tetapi ahli-ahlinya kurang. Dengan ini, susahlah hendak dikawal kepada belia-belia yang bukan ahli-ahli dalam persatuan-persatuan.

Saya suka menyentuh Kepala B. 21, Pecahan-kepala 2700 berkenaan bekalan-bekalan dan bahan-bahan. Saya tidak begitu

faham bekalan apa yang dimaksudkan. Saya harap bekalan-bekalan ini termasuklah alat-alat permainan dan juga alat-alat untuk pertanian. Kita tidak mahu belia-belia kita asyik main bola, sepak takraw, badminton dan lain-lain. Tetapi patutlah mengambil peranan membanyakkan makaran-makanan.

Saya tidak banyak mengkeritik belia-belia yang berambut panjang, kerana bapa-bapa belia pun suka berambut panjang. Yang saya hendak janganlah terlalu panjang seperti wanita. Jadi saya sebagai ibu, kalau bapa-bapa dalam Dewan yang mulia ini semua marah kepada belia-belia, maka ibu-ibu patutlah masuk sedikit kepada belia-belia itu.

Tuan Pengerusi, sebagai ibu, saya sukalah menasihatkan belia-belia yang rambutnya tidak begitu panjang dishampoo rambut-rambutnya itu dan disikat elok-elok. Tidaklah begitu nampak tersergam dan nampak takut. Kerana saya tahu, pada masa pemerintah Jepun dahulu semua belia-belia dipaksa memotong rambut bukan setakat pendek tetapi licin dan botak langsung. Di masa itu orang-orang Jepun yang menjadi guru ataupun ketua-ketua di pejabat-pejabat semua kepala botak. Masa itu kita tidak nampaklah belia-belia yang berambut panjang. Tetapi di masa ini boleh jadi mengikut zaman dan kita tidak boleh salah kepada belia-belia ini. Kalau mereka tak ikut berambut panjang, mereka bimbang takut tidak dapat berkawan pula dengan orang-orang yang berambut panjang. Pada pendapat saya belia-belia ini akan sampai pada satu masa yang mereka akan berfikir kembali manakah lebih baik dan selesa. Yang saya pentingkan ialah belia-belia harus menghormati orang-orang tua dan anggaplah orang-orang yang lebih tua itu sebagai ibu bapa kita sendiri. Berilah kata-kata yang lemah-lembut kepada orang-orang yang lebih tua daripada kita.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini di atas latihan-latihan kepada belia-belia di pusat-pusat latihan sehingga banyak belia-belia kita dapat bekerja dengan Kerajaan, dalam swasta dan bidang-bidang yang lain.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan patutlah memberi arahan-arahan kepada persatuan-persatuan belia yang mana belia-belia di dalam persatuan ini hendaklah bekerjasama dalam Jawatankuasa Kemajuan

Kampung supaya dapat menyelaraskan kerja-kerja pembangunan di kampung-kampung.

Adalah diharap sangat tenaga-tenaga belia di waktu ini kerana kita anggap belia-belia kita ini ialah pelupur pembangunan di masa hadapan. Saya harap juga kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan agar membanyakkan lagi kursus-kursus sivik di dalam persatuan-persatuan dan dengan ini saya adalah menyokong supaya perbelanjaan mengurus dan pembangunan untuk Kementerian ini ditambah lagi.

6.11 ptg.

Pengiran Tahir bin Pengiran Patera (Kimanis): Tuan Pengerusi, saya juga mengalu-alu dan menyokong peruntukan belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 1975.

Pujian yang tinggi juga patut diberikan kepada Kementerian ini atas kejayaan-kejayaan di dalam menyusun berbagai-bagai kegiatan untuk kebaikan para belia kita. Dan saya juga memberi tahniah kepada Kerajaan kerana memberi peruntukan wang walaupun berkurangan sedikit, tetapi tujuannya ialah untuk memaju dan mengembangkan pusat-pusat berbagai guna dan pusat-pusat latihan belia dan lain-lain lagi.

Kami daripada Sabah juga merasa beruntung kerana dengan adanya pusat-pusat ini maka belia-belia daripada Sabah dapat mengikuti kursus dan latihan-latihan. Saya harap lebih ramai lagi belia-belia di Sabah di masa-masa yang akan datang diterima memasuki pusat-pusat latihan ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit pada muka surat 161, Kepala P. 21, Pecahan-kepala 2800. Walaupun negara sedang menghadapi masalah inflasi, tetapi usaha-usaha membina rakyat dari segi rohani dan jasmani tidak boleh diabaikan atau dikurangkan. Saya berharap walaupun Kerajaan secara serious sedang menitik-beratkan garis-garis bagi memerangi inflasi dan kemelesetan ekonomi, akan tetapi usaha-usaha membentuk semula masyarakat ke arah satu masyarakat Malaysia yang teguh dan bersatu-padu menerusi kegiatan-kegiatan kebudayaan, belia dan kesukanan akan diperhebatkan lagi.

Tuan Pengerusi, dalam pandangan saya kejayaan negara kita di dalam kegiatan sukan dan kebudayaan nampaknya tidak begitu meningkat seperti mana yang kita harapkan. Kegiatan belia pula kelihatan sedikit merosot jika dibandingkan dengan dua tiga tahun dahulu.

Dalam tahun-tahun 1972 hingga 1973, kegiatan belia begitu memuncak di seluruh negara, dan telah memperlihatkan tanda-tanda yang sihat, ke arah membentuk jenerasi baru yang lebih progresif dan bertanggungjawab. Tetapi malang sekali, Tuan Pengerusi, dalam tahun ini kegiatan belia telah merosot sedikit malahan timbul satu suasana yang kurang sihat dan tidak menyenangkan di kalangan belia kita.

Dalam tahun ini berlaku pula beberapa kali tunjuk perasaan penuntut-penuntut dan berbagai-bagai tindakan lagi yang tidak memberi menafaat kepada kaum belia sendiri, malahan menimbulkan masalah kepada Kerajaan dan menyusahkan orang ramai. Keadaan itu walaupun hari ini nampaknya telah reda sedikit dan tenang, tetapi ianya sentiasa merisaukan. Ini menunjukkan bahawa negara akan menghadapi masalah belia, jika usaha-usaha dan tindakan-tindakan yang lebih berkesan tidak atau lambat dilaksanakan. Dengan itu, Kementerian-kementerian yang berkenaan yang ada sangkut-paut dengan masalah belia dari semua segi patut dapat mengesan lebih awal terhadap segala kerumitan atau masalah yang dihadapi oleh para belia kita supaya segera diselesaikan dengan menerusi perundingan atau sebagainya secara tenang.

Kerajaan tidak sepatutnya membiarkan masalah belia sampai menjadi bom dan setelah meletup baru kelam-kabut, cuba menyelesaikannya. Kita mahu fikiran serta kegiatan belia di negara ini dipandu dengan baik supaya menjadi jenerasi yang baru yang lebih progresif dan bertanggungjawab. Jika dibiarkan kaum belia kita mudah dipengaruhi oleh fahaman-fahaman politik yang tidak sesuai dengan konsep perjuangan negara ini. Dan dengan ini mudah mengheret mereka menjadi belia-belia kehilangan konsep yang sihat dan menjadi liar yang merugikan diri mereka sendiri dan juga negara. Dengan itu Kerajaan patut memperhebatkan lagi rancangan-rancangan yang berguna yang boleh melahirkan satu masyarakat belia yang sihat, yang berguna di

negeri ini. Adalah tidak memberi faedah kalau kita memandang belia sebagai pelakun-pelakun wayang, atau membiarkan kenakalan mereka, kemudian apabila sudah keterlaluan, baru marah dan menengking. Ini sudah terlambat.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh sedikit mengenai kebudayaan. Nampaknya kegiatan kebudayaan di negara ini seperti bermusim. Kita faham bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak akan dapat mempertanggungjawabkan sepenuhnya atas segala kegiatan kebudayaan. Tetapi mengharapkan kerjasama dari badan-badan sukarela khususnya, dan dari rakyat umumnya. Maka dengan itu Kementerian yang berkenaan sepatutnya mengeratkan lagi hubungan dengan badan-badan sukarela dan sering mengadakan galakkan supaya badan-badan tersebut jadi bergiat lagi. Antara galakkan yang lebih berkesan ialah memberi bantuan kewangan dari Kementerian kepada badan-badan berkenaan, maka dengan itu Kementerian berkenaan dapatlah menambahkan lagi peruntukan bagi membantu kegiatan-kegiatan kebudayaan yang dijalankan oleh badan-badan sukarela tersebut.

Di samping itu, kursus-kursus kesenian patut diperbanyakkan lagi bagi membolehkan lebih ramai lagi bakat-bakat seni tempatan mengasah bakat dan menambahkan pengetahuan mereka dalam segala lapangan seni. Masaalah kesenian dan kebudayaan tidak boleh diabaikan di dalam pembentukan masyarakat, kerana dengan melalui kesenian dan kebudayaan adalah penting bagi membentuk seseorang menjadi rakyat yang berguna.

6.15 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak kemukakan di sini bahawa saya sependapat dengan rakan saya dari Sepang, memandangkan peranan Kementerian ini terutamanya untuk pembangunan belia-belie kita bahawa peruntukan yang diuntukkan oleh Kementerian ini pada pendapat saya adalah begitu kecil dan patut ditimbang atau ditambah pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak menyentuh mengenai Pusat Latihan Belia Dusun Tua. Saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan-kejayaan yang telah ditempa oleh pusat ini, dan perhatian dari Kementerian ini juga dari Kerajaan dengan menambahkan kemudahan-kemudahan sebagaimana yang tercatat dalam buku Anggaran Belanjawan, 1975, muka surat 229.

Tuan Pengerusi, apa yang menarik perhatian saya, memandangkan keadaan sekarang, saya berpendapat bahawa Pusat Latihan Belia seperti Dusun Tua itu patutlah diperbanyakkan lagi, dan kalau boleh diadakan di tiap-tiap negeri. Apa lagi memandangkan gejala-gejala belia-belie sekarang, kita berkehendak belia-belie yang tahan lasak, belia-belie yang menumpukan taat setia yang sebenar-benarnya kepada negara ini dan kita hendakkan belia yang berguna kepada negara. Latihan-latihan yang diadakan di pusat ini yang pada pendapat saya patutlah dipergiatkan, dibanyakkan lagi latihan-latihan yang bercorak ketenteraan dan juga yang bercorak perniagaan dan pertanian, kerana pada masa-masa yang lalu saya diberitahu kebanyakan belia-belie yang mendapat peluang ke Dusun Tua mereka semata-mata hendak membolehkan mereka mendapat pekerjaan samada buruh-buruh kasar atau pekerja di pejabat-pejabat. Patut keadaan ini kita ubah. Maksud saya dengan latihan-latihan itu bukan sahaja tertumpu untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan sebagaimana yang saya katakan tadi, tetapi yang pentingnya belia-belie tadi setelah tamat kursus di Pusat Latihan Belia di Dusun Tua, mereka dapat menjalankan kehidupan mereka sendiri menjadi pemimpin di kawasan-kawasan masing-masing untuk menjalankan perusahaan pertanian dan perniagaan.

Dan dari latihan tentera mereka juga boleh melayakkan diri menjadi pasukan-pasukan relawan dan mana yang cenderung dalam pasukan tentera dan polis, mereka dapat meneruskan apa yang telah dipelajari di Pusat Latihan Belia, Dusun Tua tadi. Kalau perlu, memandangkan latihan yang dibuat di Dusun Tua, kalau boleh penuntut-penuntut yang hendak ke universiti atau ke institusi diberi latihan dahulu di Pusat Latihan Belia Dusun Tua, terutamanya latihan-latihan tentang berdisiplin dan menumpukan taat setia kepada negara kita. Dengan cara ini, kita

dapat menjauhkan kejadian-kejadian, walaupun kita dapat tahu bahawa kejadian-kejadian itu hanya dilakukan oleh segelintir penuntut-penuntut sahaja.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan kebudayaan. Kita tahu satu daripada tugas Kementerian ini adalah untuk menyegerakan pembentukan satu Kebudayaan Kebangsaan Malaysia yang berteraskan kebudayaan asal negara ini. Memandangkan bahawa kita telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 17 tahun maka tentulah perkara-perkara yang seperti ini mungkin kita telah dapat kejayaan sedikit sebanyak. Apa yang saya nampak yang mungkin mudah kita jalankan, ialah masalah pakaian. Walaupun perkara ini menjadi perkara yang lumrah, tetapi kiranya kita nampak pihak kaum wanita bagi kaum lelaki tidak ada apa-apa perbezaan—kaum wanita kita terutamanya pekerja-pekerja pejabat dan kilang, bila mereka keluar daripada kilang dan pejabat sebagaimana yang saya katakan tadi dari jauh kita dapat mengetahui dari keturunan apa asal mereka. Saya mencadangkan, dan ini tidak memestikan, tetapi kita menggalakkan, kalau boleh pekerja-pekerja wanita khususnya di jabatan-jabatan Kerajaan, kita galakkan seminggu sekali buat permulaan menggunakan pakaian bercorak kebangsaan, yang saya anggap bukan lagi kepunyaan orang Melayu atau bumiputra sahaja bahkan menjadi kepunyaan setiap rakyat Malaysia dan saya percaya wanita kita dengan berpakaian kebangsaan menampakkan lebih cantik, bertambah seri dan bercorak Malaysia seperti yang saya katakan tadi.

Begitu juga kepada mereka yang mendapat kurniaan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong darjah-darjah kebesaran. Pada masa yang lalu daripada keturunan bumiputra sahaja diminta berpakaian kebangsaan, tetapi yang bukan bumiputra, bukan tidak ditetapkan bahkan tidak digalakkan pun cuba menggunakan Pakaian Kebangsaan. Saya katakan tadi kalau kita menganggap bahawa pakaian yang saya katakan tadi bukan menjadi hak sesuatu keturunan bahkan Pakaian Kebangsaan seperti Bahasa Kebangsaan kita juga, dan inipun saya rasa telahpun kita lakukan kepada Duta-duta Besar atau Wakil-wakil kita di luar negeri menggunakan Pakaian Kebangsaan. Saya rasa perkara ini boleh kita lakukan sekurang-kurangnya buat permulaan

kita galakkan selain daripada masa mereka menerima Darjah Kebesaran. Dalam Majlis-majlis Kebesaran, sekurang-kurangnya diberi peluang kepada mereka. Saya percaya rakan-rakan kita, saudara-saudara yang bukan dari keturunan bumiputra tentulah suka apa yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan persatuan belia, apa yang saya suka sentuh sedikit mengenai dengan Pergerakan Pengakap. Saya rasa Pergerakan Pengakap ini suatu pergerakan yang tertua yang telah kita bawa asalnya daripada United Kingdom dan seluruh dunia telah menubuhkan Pergerakan Pengakap. Saya nampak memandangkan gejala-gejala apa yang dikatakan tadi ada setengah-setengah murid-murid di sekolah rendah telahpun pandai berdemonstrasi menentang pentadbiran sekolah dan sebagainya. Eloklah kita kuat dan galakan Pergerakan Pengakap ini, kerana pada pendapat saya persatuan yang sesuai bagi kanak-kanak yang di dalam lengkungan murid-murid sekolah samada sekolah rendah atau sekolah menengah ialah Pergerakan Pengakap. Maka telah sampailah masanya Kementerian ini dapat berhubung dengan pihak yang berkenaan supaya Pergerakan Pengakap disusun semula sesuai dengan identity Malaysia supaya dapat kita mendidik anak-anak kita semenjak daripada bangku sekolah rendah lagi, dan kalau boleh, dijadikan suatu perkara yang perlu di tiap-tiap buah sekolah terutamanya sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah yang tujuannya seperti saya katakan tadi untuk memupuk taat setia kepada bangsa dan negara.

Mengenai dengan persatuan-persatuan belia yang telahpun saya perkatakan di sini memandangkan kegiatan-kegiatan apa yang dikatakan oleh rakan saya dari Sepang tadi, penjenayah-penjenayah, peras ugut, colek dan sebagainya, kebanyakannya adalah dari golongan-golongan belia, walaupun tidak semua. Apa yang saya hendak titikberatkan di sini seperti mana saya telah ucapkan beberapa masa yang lalu dalam Dewan ini supaya persatuan-persatuan belia ini kita perkuatkan lagi dan penyertaan belia-belia yang bukan bumiputra samada daripada kaum Tionghua ataupun India, kalau dapat dipesatkan lagi. Kerana dari segi pengalaman belia-belia yang bukan dari bumiputra ini kurang benar menyertai persatuan-persatuan belia seperti mana terdapat di seluruh pelusuk negara kita ini. Jadi dengan

cara ini, dapat kita berikan kegiatan pada mereka dan mengurangkan masa yang terbuang yang mungkin mereka gunakan untuk tujuan-tujuan yang lain.

Tuan Pengerusi, saya dengan ini menyokong dengan sepenuh-penuhnya akan peruntukan belanjawan bagi Kementerian ini untuk tahun 1975.

Tuan Pengerusi: Nampaknya ada tiga orang lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan satu lagi di belakangnya, kemudian Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

6.24 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dua tiga perkara di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan saya merujuk kepada B. 21, Pecahan-kepala (1) (ii), muka 157 berkenaan dengan Perkhidmatan Luar bagi Penggalakkan Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, tujuan asas Kementerian ini ialah mengenai latihan binaan asas, technical dan vocational. Tuan Pengerusi, nampak saya dalam masyarakat kita ada banyak masalah berkenaan dengan belia, dan di sini saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Wherever I go, Mr Chairman, Sir, I notice quite a number of youths loitering around the streets and street corners and they seem to have nothing much to do and do not know where to go. There are also constant complaints from the parents of these youths that something should be done to keep these youths busy and to keep them off the streets. Mr Chairman, Sir, years before, the complaints or the problems of youths were largely those of juvenile delinquency, minor thefts, this and that. But times have changed, and the youths of today are more bold, more daring and, in fact, the more serious crimes of this society such as thefts, robbery, armed robbery and permissiveness and so on are largely committed by the youths. I think that the Ministry concerned has, therefore, a very important role to play in order to keep our youths busily engaged in proper activities. I, therefore, suggest that it should establish more youth centres or, what is called now, multi-purpose centres—not just one or two but

more centres, at least a few in each town—and site them at the proper places where youths tend to gather. It is no point siting a multi-purpose centre, say, two or three miles away from the town or from any residential area, where youths do not have the inclination to go to. It should be sited at a central place where youths congregate and where they find it convenient to attend. Of course, the number of centres should not be just one but should be more than one in a town. With the present recession, more youths are unemployed and have nothing else to do and, therefore, we should keep them busily engaged in proper, helpful and healthy activities.

Tuan Pengerusi, the Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan has also stated that another objective is to menggalakkan integrasi di antara golongan belia-belia di Malaysia. This is a very honourable objective. But I am afraid that up till now the Ministry has failed quite miserably to integrate the youths of various races in this country, and I see that the members of youth clubs do not comprise of youths of all races. This is regrettable because the youth clubs that we have today—hostels, youth centres, multi-purpose centres and so on—are the most proper places where the Malaysian youths could be integrated and where they could get together and contribute ideas and understand each other's problems. I, therefore, urge the Minister concerned to pay more attention to this matter and try to find some ways of encouraging youths of all races to join these clubs.

Tuan Pengerusi, I have one more point and that is this. It is not only necessary to build more youth centres or multi-purpose centres for our youths but the organisation of the youths is also important. The people who run these places play a very important role in order to keep our youths interested in the healthy activities. For example, if these centres are not run by people with proper knowledge or organisational ability, then these centres may become mere shells. A very good example is the community centres set up at new villages which because of no proper leadership, have now degenerated, deteriorated and have become useless. I hope that such things would not happen in the case of the youth clubs. In fact, there is a complaint, as has been mentioned by people in Negri Sembilan, that the youth hostel in Port Dickson is not properly run because

there is no proper supervisor and there is no proper organiser; and such being the situation, youths have gathered there and have taken to drugs and other activities which are most unhealthy. So, I urge the Ministry concerned to ensure that there are proper supervisors at these youth centres to ensure that the youths are properly engaged in proper activities.

Tuan Pengerusi, since this Ministry has been formed primarily to help our youths—and I think the Government is very concerned about the youths—therefore it should entertain the ideas and the views of the youths.

It is, therefore, surprising that although the youths of our country in the past few days have expressed their dissatisfaction through demonstrations, it is regrettable that there is a break in dialogue between the Government and the youths. While we on this side of the House attempted to bring this to the notice of the Government and to engage in a useful debate to find out the reasons why the students are discontented so as to establish a dialogue with them, the Government has not allowed us to do so. If we do not appreciate and understand their problems and if we do not allow them to explain to the Government their problems; and if there is going to be a break in the dialogue, then the youths will become more frustrated and more dissatisfied. Therefore, I urge the Government to reconsider their attitude and find out instead of using repressive methods, some ways of establishing a dialogue with them in order to understand their problems and thus try to resolve their problems through discussions and conversations.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

6.32 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong Anggaran Perbelanjaan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya telah mendengar ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah meminta tambahan, saya juga berpendapat demikian dan di sini saya mengucapkan syabas kepada Kementerian yang berkenaan, kerana di dalam huraianya telah menyatakan dalam muka surat 276, walaupun Kementerian ini mendapat perbelanjaan yang

agak kurang disebabkan inflasi dan sebagainya, tetapi Kementerian ini akan cuba sedaya-upaya menjalankan tugas-tugasnya sekadar yang boleh.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat patutlah diadakan kursus-kursus yang memberi belia-belia ini pekerjaan yang tertentu dan menjadikan belia-belia ini dengan akhlak yang terpuji. Saya katakan begitu sebab saya sendiri sebagai seorang Wakil Rakyat selalu mendapat rungutan daripada belia-belia, ada setengah daripadanya tidak dapat kerja, dan saya sendiri seterusnya berjumpa dengan pihak-pihak yang berkenaan yang akan memberikan kerja tadi, dan saya berasa sedih bila mendengar ada di antara belia-belia ini mengatakan pilih kasih dan sebagainya, terutamanya belia bumiputra. Bila saya berjumpa dengan cara bersendirian dan dengan cara hati ke hati dengan pihak yang berkenaan, maka pihak-pihak yang berkenaan telah menyatakan bahawa belia-belia kita ini kurang bimbingan walaupun ada kursus yang telah diberikan, tetapi kursus-kursus itu kurang tepat dan kurang mencukupi masa yang dikehendaki seperti kursus ikhtisas dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, sebagaimana saya katakan tadi patutlah kursus-kursus yang membawa kejayaan sehingga mendapat kerja yang tertentu diberikan kepada belia-belia yang berkenaan dan juga saya tambah kursus-kursus akhlak yang patut diutamakan, kerana kita dapati belia-belia kita hari ini sebagaimana dikatakan oleh setengah daripada setengah Wakil-wakil Rakyat tadi amatlah jauh daripada apa yang kita hadapi sebagai belia ataupun pemuda harapan bangsa. Jadi, dengan adanya kursus-kursus yang saya maksudkan tadi menambahkan baik lagi.

Tuan Pengerusi, saya juga berpendapat sepatutnya selepas sahaja belia-belia atau murid-murid lepas daripada sekolah patut digalakkan masuk dalam pusat-pusat Latihan Belia. Saya berharap belia-belia ini akan diberi latihan yang cukup dan diharapkan kepada pihak-pihak Jabatan yang lain samada Jabatan ataupun Kementerian mana sekalipun hendaklah mengambil pekerja-pekerja berkenaan mengikut saluran daripada Pejabat Belia iaitu daripada belia-belia yang dilatih dan yang bersopan-santun tadi. Di sini, saya bukanlah bermaksud hendak mengenepikan Pejabat Buruh, tetapi untuk

mencari jalan kita patutlah mengambil belia-belia daripada belia-belia yang sudah terlatih.

Sebagaimana kita tahu dalam negara kita ada Rukunegara dan ada nyanyian lagu Negaraku. Saya berpendapat ramai daripada ahli-ahli kita khasnya belia dan boleh jadi kita sendiri tidak begitu hafal lagu Negaraku. Lagu Negaraku ini pada pendapat saya meninggikan moral kepada belia-belia sendiri dan membawa satu semangat taat kepada negara. Oleh itu, patut sangatlah dititikberatkan tiap-tiap peserta belia tadi mesti diajar dan mesti boleh menyanyikan lagu Negaraku dengan seboleh-bolehnya. Walaupun lagu Negaraku itu dimainkan oleh muzik, tetapi saya yakin dan saya teringat satu ketika dahulu tape Negaraku itu hilang, kita berpakat menyanyi beramai-ramai, maka nyanyian itu amat menarik dan menambahkan lagi semangat kepada kita.

Tuan Pengerusi, saya dapat tahu dalam Jabatan Belia ini telah mengadakan berbagai-bagai pertandingan seperti pertandingan bola sepak, pertandingan drama dan sebagainya. Saya mengesyorkan lagi patut diadakan pertandingan syarahan yang bertemakan boleh menarik belia-belia kepada tujuan yang baik. Tuan Pengerusi, apa daya kita hendak menarik pemuda-pemuda berambut panjang sedangkan bapa belia berambut panjang. Kita tahu dalam pertandingan-pertandingan drama dan setengah-setengahnya pertandingan nyanyian "ala pop" yang dilakukan oleh pelakun-pelakun yang berambut panjang, satu-satu perbuatan kena dengan gayanya. Pendek kata, kalau hendak menyanyi cara "pop" mesti rambut panjang, kaki seluar panjang, kalau tidak dia tidak kena dengan gayanya. Jadi, dengan sebab itu saya berpendapat kita banyakkkan pertandingan untuk belia-belia terutama syarahan ugama dan sebagainya, baru ada akhlak maka dengan sendirinya pemuda-pemuda tadi di samping dia hendak bertanding, dia terpaksa belajar dan mengambil berat di atas perkara yang tersebut seperti mana pertandingan membaca Al-Quran, mereka kena menghafal nahu dan sebagainya, yang Tuan Pengerusi sendiri sebagai Tuan Pengerusinya. . . .

Tuan Pengerusi: Nampaknya Yang Berhormat ini mahir dalam semua bidang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tidak mahir, Tuan Pengerusi, tetapi tahu lebih kurang sahaja.

Saya juga menyentuh berkenaan dengan sukan. Sukan sebagaimana kita tahu dan yang saya sendiri biasa mendengar, tujuan sukan untuk menarik kita kepada perpaduan, kepada pergaulan dan sebagainya. Saya amat dukacita dalam perkara ini kerana saya biasa mengatakan dan Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan beliau akan cuba sedaya-upaya maka saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan seboleh-bolehnya kita tunjukkanlah sukan sebagai alat perpaduan rakyat Malaysia. Janganlah seperti hari ini kalau bola sepak itu boleh dikatakan untuk segenap golongan, tetapi sepak takro khas untuk orang Melayu sahaja dan net ball khas untuk orang China. Saya berharap kalau boleh Menteri yang berkenaan mengikhtiarkan supaya segenap kaum mengetahui dalam lapangan berkenaan.

Sebagaimana saya katakan tadi sukan menjadi alat perpaduan antara satu kampung dengan satu kampung, satu negeri dengan satu negeri dan satu negara dengan satu negara. Jadi kita tidak mahu dengan sebab sukan negeri kita yang berbaik dengan satu negeri lain menjadi satu alasan yang tidak baik atau perkara yang tidak baik yang saya sendiri mendengar baru-baru ini. Ini bukanlah khas untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, tetapi bola sepak ini sukan juga, tetapi ada satu jawatankuasa lain maka saya berharap supaya jangan kerana sukan ataupun kerana bola sepak, kita berbaik dengan negara Kuwait yang saya dengar dalam akhbar baru-baru ini akan terputus dan harus kurang manis sedikit disebabkan bola sepak. Jadi saya berharap jangan lari daripada tujuan asal sukan itu untuk perpaduan, kebaikan dan segala-galanya yang membawa kebaikan.

6.48 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjung Karang): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang begitu sanggup dan berani serta tabah hati menerima Belanjawan sebanyak \$16,000,000 lebih untuk mengendalikannya bagi faedah belia yang kita tahu adalah berjumlah lebih kurang

60% bagi rakyat negara kita. Kementerian itu juga yang akan menyanar matlamatnya menyatu-padukan rakyat negara ini supaya bersatu-padu dengan kukuh di bawah Rukunegara. Tanggungjawab ini sungguh berat dan tugas-tugas yang hendak dilaksanakan oleh Kementerian ini di antara \$16,000,000 yang saya dapati dalam buku ini, hanya \$6,000,000 sahaja diperuntukkan untuk aktiviti-aktiviti menayakan belia kepada matlamat yang saya katakan tadi. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan kepada Kerajaan dan Perbendaharaan agar ber-simpati dan bertimbang rasa supaya benar-benar meneliti akan matlamat Kementerian ini, dengan itu kita harap Kementerian ini akan dapat tambahan belanjawannya sebagaimana yang dikehendaki supaya kedudukan belia kita yang akan dipimpin atau dibimbing atau diasuh oleh Kementerian ini boleh menjadikan masyarakat negara kita pada masa akan datang seperti mana yang kita kehendaki. Belia-belia kebanyakannya berada banyak di luar bandar dan pada hari ini mereka memang berkehendakkan pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai supaya dapat mereka dipimpin untuk menjalankan aktiviti belia dalam bidang yang ada dalam Kementerian ini dengan begitu pesat dan berkesan. Saya percaya Kementerian ini sungguh sukar menghadapinya. Walau bagaimanapun, atas kebijaksanaan Menteri yang berkenaan diyakinkan dapat mengatur cara supaya di kawasan-kawasan terutamanya di luar bandar dapat diutamakan pegawai-pegawai untuk belia-belia itu dipimpin dan diasuh. Saya tak hendak menyentuh peruntukan tersebut kerana saya sendiri tahu, dan saya pun baru-baru ini telah menghadiri taklimat dan saya faham rancangan-rancangan di Kementerian itu sangatlah menggalakkan. Saya sungguh yakin dengan rancangan-rancangan yang ada di Kementerian itu boleh membimbing belia kepada bentuk masyarakat yang baik dan berguna kepada negara ini, malangnya peruntukannya tidak begitu sesuai kepada tanggungjawab Kementerian ini.

Ada satu perkara sahaja yang hendak saya syorkan kepada Kementerian ini. Pada akhir-akhir ini persatuan-persatuan belia sangat giat dan galak untuk menjadi pemborong. Mereka memang boleh dan saya sudah mencuba satu dua seperti di kawasan saya Tanjung Karang dan Kuala Selangor untuk

berkecimpung selaku pemborong pada peringkat perintis. Mereka ini telah berjaya benar-benar berdedikasi kepada kerja-kerja ini, akan tetapi mereka ini perlu untuk diberikan kemudahan dan keutamaan yang ada kepada Jabatan-jabatan yang menjalankan kerja-kerja iaitu minor repairs seperti clearing, simple earthworks dan membaiki jambatan-jambatan kecil. Belia-belia ini boleh menjalankan kerja-kerja seumpama itu dan kalaulah Kementerian ini boleh menjadikan dasar Kerajaan mengutamakan kepada belia-belia memberikan rates schedule untuk kerja-kerja demikian itu kepada belia, saya percaya persatuan-persatuan belia ini dapat kemudahan peruntukan wang daripada titik peluh mereka sendiri dan mereka dapat menayakan atau menggalakan persatuannya dari satu masa ke semasa dalam bidang kewangan. Ini akan merengankan kepada pihak Kementerian untuk membiayai persatuan-persatuan belia di mana-mana tempat yang ada.

6.45 ptg.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan budget Kementerian saya yang ada di hadapan kita sekarang ini.

Adalah benar bahawa peruntukan Kementerian saya ini adalah kecil jika dibandingkan dengan tugasnya yang amat besar, yakni meliputi sebahagian besar daripada rakyat Malaysia dan juga meliputi tiga bahagian yang besar, kebudayaan, belia dan sukan.

Tuan Pengerusi, inilah constraint ataupun yang menghadkan kemampuan ataupun kebolehan Kementerian saya iaitu dari segi peruntukan kewangannya dan juga dari segi kakitangannya.

Tuan Pengerusi, banyak telah diperkatakan tentang belia-belia, jadi secara amnya kalau kita ambil pada keseluruhannya belia-belia di negara kita ini adalah belia-belia yang baik dan juga menjalankan kagiatan-kegiatan yang membina dan memajukan diri mereka dan juga negara. Walaupun begitu, tentulah ada di antara banyak-banyak ini belia-belia yang tidak baik yakni samada yang berupa perayau, melakukan kesalahan-kesalahan kecil, bahkan kesalahan-kesalahan besar dan juga melakukan perbuatan-perbuatan yang merbahaya seumpama menghisap ganja dan

sebagainya. Di antara sebilangan kecil itu terdapatlah pula belia yang melakukan kegiatan-kegiatan menentang Kerajaan seumpama tunjuk-tunjuk perasaan telah dilakukan beberapa hari yang lalu.

Tuan Pengerusi, di sini suka saya mengatakan iaitu kalau kita ambil belia-belia di peringkat kampung, kampung-kampung baru, bandar-bandar, negeri-negeri bolehlah dikatakan mereka itu tidak terlibat di dalam kegiatan tunjuk perasaan. Yang terlibat dengan kegiatan tunjuk perasaan ini adalah setengah daripada belia-belia yang duduk dan bergiat dengan Majlis Belia Malaysia, dan setengahnya itu pula memainkan peranan mereka juga sebagai pemimpin belia dan juga mereka pemimpin pelajar. Perkara seumpama ini adalah dipandang berat oleh Kementerian dan Kementerian saya memikirkan bagaimanakah hendak mengatasi masalah ataupun perkara menyalahgunakan kedudukan dan menyalahgunakan kuasa serta menyalahgunakan wang yang diuntukkan oleh Kementerian ini bagi kegiatan yang sihat, tetapi telah diselewengkan oleh setengah-setengahnya untuk kegiatan-kegiatan yang berupa anti-nasional dan subversif. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang minta ditimbulkan dan disusun semula akan Majlis Perundingan Belia Malaysia dan juga Majlis Belia Malaysia. Perkara ini adalah di dalam perhatian yang amat serius oleh Kementerian ini. Kesimpulannya bolehlah saya berkata bahawa sebilangan yang besar daripada belia-belia dalam negeri ini adalah merupakan belia yang sihat dan bergerak dengan cara membina dan maju hanya sebilangan yang kecil. Jadi, sebilangan kecil ini setengahnya pula tidak terlibat dengan kegiatan-kegiatan belia dan kalau mereka terlibat pun hanyalah beberapa sahaja khasnya di peringkat Majlis Belia Malaysia yakni setengah-setengahnya sahaja. Sebab itulah kita dapati suatu statement pada malam tadi, iaitu Naib Presiden Majlis Belia Malaysia mengisytiharkan perletakan jawatannya sebagai Naib Presiden, kerana didapati setengah-setengah pihak menyalahgunakan atau memanipuletekan (manipulate) Majlis Belia Malaysia itu.

Pihak Kementerian ini khasnya dan pihak Kerajaan adalah memandang perkara ini dengan seberat-beratnya dan memikirkan bagaimanakah cara hendak mengatasinya dengan cara yang sebaik-baiknya untuk

kebaikan bangsa dan juga negara kita pada masa yang ke hadapan amnya dan kebaikan pergerakan belia khasnya.

Tuan Pengerusi, ada Ahli Yang Berhormat meminta diluaskan rancangan-rancangan kegiatan belia, janganlah semata-mata permainan sahaja seperti main bola atau sebagainya. Yang sebenarnya, kegiatan belia ini adalah meliputi semua jurusan ataupun semua lapangan samada dalam lapangan sukan atau dalam lapangan kebudayaan atau dalam lapangan pertanian, ternakan, lapangan pelajaran seumpama kelas-kelas bimbingan dan lain-lain. Pendek kata, kegiatan belia ini adalah meliputi segala bidang kegiatan daripada permainan kepada kebudayaan termasuklah kepada kegiatan-kegiatan ekonomi seperti pertanian, ternakan dan sebagainya dan hinggalah kepada kegiatan pelajaran seumpama syarahan-syarahan, kelas-kelas bimbingan termasuklah juga di dalam bidang dakwah ataupun kegiatan-kegiatan untuk memperbaiki akhlak.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan pada mulanya tadi constraint ataupun yang menghadkannya adalah peruntukan, yakni samada peruntukan kewangan mahupun tenaga pegawai. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat tahu di setengah-setengah daerah tidak ada pun pegawai, bahkan di setengah-setengah daerah seorang pegawai menjaga sampai tiga daerah. Sudahlah tiga daerah menjaga pula belia, menjaga hal sukan, menjaga hal kebudayaan, inilah masaalah constraint ataupun yang menghadkan kemungkinan ataupun kecukupan Kementerian saya. Pendek kata, dalam bidang kemampuan kita, kita telah berbuat segala apa daya yang boleh.

Tentang permohonan meminta ditambahkan peruntukan bantuan ataupun geran kepada persatuan-persatuan belia, saya fikir jawabannya pun sudah terang iaitu kalau kita banyak duit, banyaklah kita boleh tambahkan. Tetapi dalam bidang ini suka saya menegaskan atas dasar project basis. Kalau kita beri bantuan banyak sangat untuk pentadbiran, saya bimbang pula nanti banyak sangat mesyuarat, banyak sangat buat rancangan, banyak sangat pula elau perjalanar, banyak sangat pula elau makan-minum dan sebagainya, tetapi projek ataupun kegiatan on the ground kurang banyak berjalan. Oleh kerana itu, saya memanglah lebih mengutamakan bantuan-bantuan ini

atas dasar projek. Banyak projek yang hendak dijalankan, maka banyaklah bantuan yang kita berikan, yakin dalam bidang kemampuan kewangan Kementerian saya.

Berkenaan dengan tingkah-laku (conduct) belia-belie ini pada umumnya, kecuali setengah-setengahnya yang terlibat di dalam Majlis Belia Malaysia di peringkat nasional, belia-belie kita di peringkat negeri dan daerah, belia-belie yang terlibat di dalam kegiatan belia tingkah-lakunya, Alhamdulillah, baik. Cuma yang selalunya janggal kita lihat ataupun kurang senang mata kita melihatnya ialah belia-belie yang tak terlibat dengan mana-mana kegiatan belia. Mereka ini lebih merupakan belia-belie yang terbiar ataupun yang liar. Kementerian saya memanglah memikirkan dan cuba seberapa boleh hendak menarik belia-belie yang liar ataupun yang terbiar ini masuk ke dalam kegiatan-kegiatan belia. Barangkali kegemaran (interest) mereka itu berlainan, sebab itulah bidang kegiatan belia ini diperluaskan. Kalau belia-belie ini suka bermain muzik, kita hendak suruh mereka mendengar khutbah, mendengar ceramah berkenaan akhlak, mereka tak mahu cekat pun. Barangkali kita galakkan pula mereka bermain muzik supaya mereka rapat dengan kita. Begitu juga kalau belia ini suka berpicnic, hendak diajak mereka masuk sawah, masuk bendang, mereka memang tak mahu. Kita ajak pun mereka tak mahu dan kita tarik pun mereka tak mahu juga, apa hendak buat. Barangkali kita terpaksa menggunakan saikoloji sedikit, yakni kita ada sorong-tarik. Kalau mereka suka berpicnic, kita ikutlah lebih kurang mereka berpicnic, kemudian dalam masa picnic itu bolehlah kita brain-washed mereka perlahan-lahan.

Saya berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau sekiranya belia-belie yang semacam ini berpicnic, kita ikutkan lebih kurang sedikit jangan pula salah faham. Kalau kita hendak berkhutbah di hadapan mereka itu melalui radio, bukan mereka mendengarnya tetapi sebaliknya ditutup. Kalau kita bersyarah menjemput mereka, mereka tak mahu datang, apatah lagi bila kita sebut dakwah, bila kita sebut akhlak mereka tak mahu datang langsung, tetapi kalau kita mengajak mereka bermain muzik-gila mungkin mereka tertarik. Pada permulaannya tak mengapalah mereka bermain muzik-gila

dahulu, tetapi perlahan-lahan kita betulkan kesukaannya, akhlaknya dan sebagainya. Ini satu cara tolak-ansur.

Ada masalah ditimbulkan iaitu kebanyakan belia-belie yang cergas ini adalah belia-belie bumiputra sahaja. Yang sebenarnya, Kementerian ini telah sedar, sebab itulah sekarang ini tidaklah benar kalau dikatakan kegiatan belia ini terdiri dari golongan bumiputra sahaja. Tetapi kalau kita lihat, misalnya, di sebelah Seberang Prai, Sungai Siput maka banyak daripada belia-belie di situ adalah terdiri daripada belia-belie India yang cergas di dalam persatuan, bahkan Pegawai Belia di situ kita hantarkan yang bukan Melayu supaya lebih menarik.

Begitu juga kegiatan belia tadi saya telah katakan kita perluaskan bidangnya, yakni bukanlah setakat hendak bermain silat gayung ataupun silat cekak sahaja, tetapi juga oleh kerana mengingatkan belia ini terdiri dari berbagai-bagai keturunan dan berbagai-bagai kecenderungan, maka bukan sahaja kita hendak mengajar mereka bermain gasing, tetapi bermain pingpong pun kita ajarkan dan adakan di dalam kemudahan-kemudahan belia supaya belia-belie yang bukan bumiputra akan tertarik sama. Bersama dengan ini kegiatan-kegiatan sukan juga akan kita jadikan nasional, yakni tidaklah perkauman penyertaannya. Pada masa sekarang Kementerian ini telah menggalak menjalankan kursus-kursus dan sebagainya, misalnya, kalau permainan sepak takraw, permainan gasing, kita ajarkan dan kita tarik orang-orang bukan Melayu supaya bermain sepak takraw dan gasing seberapa ramai yang boleh, dan Kementerian ini dengan seberapa yang boleh memberikan bantuan yang lebih untuk projek-projek yang seumpama ini dengan tujuan hendak merapatkan perpaduan antara rakyat Malaysia. Begitu juga permainan ping-pong, basket-ball kita adakan kursus-kursus yang khas untuk belia-belie bukan China bermain. Dengan demikian, kita harap akan dapat membina perpaduan bangsa dan negara kita melalui sukan juga.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Seremban ada membuat tuduhan iaitu Kementerian ini telah gagal menarik belia China. Yang sebenarnya, bukan gagal, tetapi Ahli Yang Berhormat itu tidak sedar. Yang pertama ialah sifat masing-masing rakyat dalam negeri ini. Pada amnya, bolehlah saya

katakan belia-belia China ini terlalu memikirkan soal hendak mencari rezeki dan hendak mencari wang. Kalau kita hendak panggil mereka dengan kegiatan-kegiatan, mesyuarat dan sebagainya memanglah susah, tambahan pula kalau sekiranya perkara-perkara yang kita hendak rundingkan itu kurang menarik minat mereka. Walaupun begitu, sehingga ke masa ini belia-belia China, ini secara kasar saya tidak ingat statistiknya yang tepat, yang menyertai kegiatan belia ini ada kira-kira kalau saya tidak silap 80,000 orang, yakni antara 65,000 dengan 80,000 yang sudah menyertai kegiatan-kegiatan belia. Begitu juga belia-belia keturunan India ada dalam entah berapa belas ribu orang lebih kurang, tentang statistiknya saya tak berapa ingat off the cuff seperti ini, tetapi saya pasti bahawa antara 65,000 dengan 80,000 belia China sudah terlibat di dalam kegiatan belia. Sekarang ini saya telah memberikan arahan terutama sekali di kawasan-kawasan sempadan di dalam Kampung-kampung Baru supaya kita berikhtiar seberapa yang boleh menarik belia-belia China, khasnya untuk bergerak di dalam kegiatan-kegiatan belia yang sihat.

Ahli Yang Berhormat tadi ada menyebutkan akan yakni Pusat Belia di Port Dickson telah disalahgunakan termasuklah, kalau saya tidak salah dengar tadi, katanya ada menghisap ganja. Sebenarnya Kementerian saya tidak ada Pusat Belia di Port Dickson. Barangkali Pusat Belia yang dimaksudkan itu ialah hostel yang dijalankan oleh salah sebuah badan belia dalam negeri ini yakni bukanlah di bawah kekuasaan atau tanggungjawab Kementerian saya, dan kalau benar sebagaimana dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku, maka ini adalah di luar kuasa dan tanggungjawab saya. Walau bagaimanapun, perkara ini akan disiasat adakah benar ataupun tidak tuduhan Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga berkata bahawa Pusat-pusat Belia hendaklah didirikan di tengah-tengah bandar, janganlah dua tiga batu dari bandar. Masaalah hendak mendapatkan tapak Pusat Pelbagai Guna Belia peringkat negeri ini ialah amat susah hendak mendapat tanah di dalam bandar dalam bidang yang luas, sebab Pusat Belia Pelbagai Guna ini mengandungi banyak peringkat termasuklah dewan bilik-bilik

latihan, padang-padang permainan dan lain-lain lagi. Oleh kerana tidak dapat tanah di dalam bandar itulah maka terpaksa bina di sekitar ataupun di kawasan luar bandar.

Ahli Yang Berhormat itu juga menuduh tunjuk perasaan oleh belia-belia dan penuntut-penuntut baru-baru ini ialah oleh kerana tidak berdialog dengan Kerajaan. Tuan Pengerusi, ini adalah satu tuduhan yang melulu. Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu tidak faham dan tidak tahu. Di peringkat nasional yakni di peringkat Kerajaan Pusat ada badan yang dinamakan Majlis Perunding Belia Negara yang saya sendiri menjadi pengerusinya dan wakil-wakilnya terdiri daripada wakil-wakil Majlis Belia Malaysia yang setengah-setengahnya juga pemimpin pelajar-pelajar. Mereka itu tidak pernah membawa perkara-perkara ini ke dalam Majlis Perunding tersebut, dan tiba-tiba mereka berdemonstrasi. Yang sebenarnya dialog itu ada dan sidang yang akhir dialog itu adalah kira-kira pertengahan akhir bulan November dan perkara yang hendak dibawakannya tidak dibawakannya. Apa yang sebenarnya berlaku ialah setelah setengah-setengah pemimpin Majlis Belia Malaysia ini berdemonstrasi, menunjuk perasaan dan mengambil keputusan di dalam mesyuaratnya mengutuk Kerajaan dan sebagainya maka barulah setengahnya cuba hendak menghubungi saya hendak meminta diadakan Majlis Perundingan Negara. Jadi, bagi saya masa hendak buat demonstration dan masa hendak keputusan mengutuk Kerajaan dan sebagainya sebelum itu mereka tidak hendak berunding dan tidak hendak meminta Majlis Perunding Belia Negara berunding. Setelah buat serba-serbi baharu hendak berunding. Jadi inilah kedudukan yang sebenarnya dan saya membetulkan kesilapan ini barangkali Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu ada dapat message yang tidak betul. Sebab itulah saya menyatakan dengan terang dan jelas di sini.

Tuan Pengerusi, ada banyak lagi pandangan-pandangan, syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yakni Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput, Sepang, Sungai Petani, Kimanis, Batu Pahat, Seremban, Kangar dan Tanjong Karang. Segala pandangan-pandangan dan syor-syor itu saya ambil perhatian dan di mana-mana yang boleh jalankan, mana yang boleh saya perbaiki saya akan laksanakan mengikut

pandangan-pandangan dan syor-syor Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Oleh yang demikian, tidak payahlah saya mengulas satu persatu dalam masa saya menggulung perbincangan Kementerian ini. Dengan demikian, Tuan Pengerusi, saya mohonlah supaya Jawatankuasa ini meluluskan peruntukan Kementerian saya dan menjadikannya sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$11,833,900 untuk Kepala B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$4,013,465 untuk Kepala P. 21 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Kepala B. 22 (Jadual)—

Kepala P. 22 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

7.06 mlm.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji A. Hamid): Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya Anggaran Perbelanjaan Mengurus di bawah Kepala B. 22 berjumlah \$800,000,000 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah Kepala P. 22 berjumlah \$218,045,269 diluluskan.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin telah maklum bahawa Perbelanjaan Pertahanan Tahun 1975 menunjukkan tambahan sebanyak \$271,867,269 lebih dari peruntukan Tahun 1974 iaitu kenaikan sebanyak 36.4%. Sebahagian besar dari tambahan ini adalah disebabkan oleh tiga perkara iaitu kenaikan peruntukan gaji dan elaun, kenaikan harga barang-barang dan perkhidmatan dan keperluan menyediakan peruntukan bagi pembelian berbagai jenis kelengkapan yang telah diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua dan hanya dapat dilaksanakan dalam tahun 1975.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus

Tuan Pengerusi, sekarang sukalah saya memberi penjelasan berkenaan Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1975 berjumlah \$800,000,000. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Kementerian adalah digunakan untuk menjalankan lima aktiviti iaitu Pentadbiran Pertahanan, Perkhidmatan Tentera, Perkhidmatan Logistik, Latihan dan akhirnya

Penyelidikan dan Pembangunan. Saya tidaklah bertujuan untuk mengkaji satu persatunya Anggaran Perbelanjaan ini kerana segala penerangan telah dicatitkan dalam Anggaran Belanjawan Kerajaan Persekutuan yang telah dibentangkan dan hanya menyebut di sini pembahagian yang besar-besar sahaja. Pembahagian peruntukan Kementerian ini bolehlah dikumpulkan di bawah 3 Butiran Am iaitu:

- (i) Butiran Am 1000—Gaji dan Elaun.
- (ii) Butiran Am 2000—Perkhidmatan dan Bekalan.
- (iii) Butiran Am 3000—Pembelian Harta Modal.

Anggaran yang diminta di bawah Butiran Am 1000 berjumlah \$375 juta iaitu kenaikan sebanyak \$75 juta lebih dari Anggaran yang disediakan dalam tahun 1974. Ini adalah disebabkan kesan-kesan sepenuhnya bersabit dengan pelaksanaan Lapuran Sheikh Abdullah berkaitan dengan pindaan tangga gaji dan elaun angguta tentera hanya diketahui pada penghujung tahun 1973. Oleh kerana perbelanjaan sebenar bagi gaji dalam tahun 1973 adalah sebanyak \$347.4 juta, maka nyatalah bahawa peruntukan sebanyak \$300 juta bagi tahun 1974 tidaklah mencukupi dan peruntukan tambahan mungkin diperlukan untuk tahun kewangan 1974. Tambahan pula baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan pembayaran bonus sebulan gaji kepada semua kakitangan Kerajaan. Memandangkan kepada sebab-sebab di atas peruntukan sebanyak \$375 juta yang diminta bagi tahun 1975 adalah sangat menasabah.

Di bawah Butiran Am 2000 pula terdapat sebanyak 8 Butiran di mana kenaikan pada satu-satunya kalau dibandingkan dengan peruntukan di dalam tahun 1974 adalah menunjukkan kenaikan yang sederhana dan sangat menasabah. Di bawah Butiran Am inilah segala perbelanjaan untuk perbagai perkhidmatan dan bekalan yang diperlukan untuk Angkatan Tentera dibayar. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat semua tentu ketahui bukan sahaja harga bahan-bahan bekalan seperti ransom, minyak dan lain-lainnya telah naik, tetapi perkhidmatan-perkhidmatan seperti air, elektrik, tambang kenderaan dan sewa rumah dan bangunan juga telah naik. Bayaran untuk tambang keretapi yang dahulunya diberi kepada Angkatan Tentera dengan potongan 25% sekarang terpaksa dibayar dengan sepenuhnya. Pengangkutan

dan perjalanan anggota Angkatan Tentera sukar hendak dihadkan memandangkan kepada tugas-tugas yang terpaksa diuruskan dengan tercetusnya gerakan-gerakan subversif komunis di beberapa buah negeri. Perkhidmatan mencegah penyeludupan beras telah juga diuruskan oleh Anggota Tentera dengan mengadakan beberapa pemeriksaan di jalan raya. Tindakan ini membuktikan faedahnya dan akan diteruskan pada tahun 1975.

Di bawah Butiran Am 3000 peruntukan digunakan untuk pembelian harga modal dan pembinaan seperti pembelian kapal, kapal terbang, kenderaan, alat-alat perhubungan dan lain-lainnya. Tambahan sebanyak \$58.1 juta lebih dari peruntukan 1974 adalah disebabkan oleh kenaikan harga barang-barang dan juga untuk membeli alat kelengkapan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua, tetapi hanya akan dapat dilaksanakan dalam tahun 1975.

Tuan Pengerusi, sukalah saya menambah bahawa segala tindakan telah diambil untuk melengkapkan angkatan tentera kita dengan secukupnya, sambil berhati-hati akan keperluan menjimatkan perbelanjaan. Walaupun Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1975 menunjukkan kenaikan sebanyak 27.4% berbanding dengan peruntukan tahun 1974, sebahagian besar dari kenaikan ini adalah untuk pembayaran gaji yang disebabkan oleh pelaksanaan Lapuran Sheikh Abdullah, pembayaran bonus dan bakinya ialah kerana kenaikan harga barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya mohon izin untuk menerangkan peruntukan Pembangunan Kementerian Pertahanan. Peruntukan yang diminta bagi tahun 1975 merupakan kenaikan sebanyak lebih kurang \$99.8 juta jika dibandingkan dengan peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1974. Nampaknya dengan sepiantas lalu kenaikan sebanyak lebih kurang 84.4% ini begitu tinggi jika dibandingkan dengan peratus kenaikan pada tahun-tahun sebelumnya. Tetapi ini adalah disebabkan, sebahagian besarnya adalah keperluan untuk pembelian 14 buah pesawat terbang F5E, iaitu Kapal terbang Pertahanan Udara yang lengkap dengan "missiles". Peruntukan yang diminta bagi tahun 1975 adalah mengikut dasar Kerajaan untuk membina kemampuan pertahanan kita yang boleh menjamin keamanan dan keadaulatan negara. Saya suka juga menambah

bahawa peruntukan sebanyak lebih kurang \$218 juta yang diperuntukan di dalam tahun 1975 adalah seimbang dengan rancangan Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan memandangkan kedudukan kewangan negara pada masa ini.

Tuan Pengerusi, dapatlah dilihat bahawa di dalam Belanjawan yang dikemukakan, semua jenis perbelanjaan tahun 1975 adalah untuk projek-projek yang telah dimulakan pada tahun-tahun sebelumnya dan perlu diteruskan.

Izinkan saya, Tuan Pengerusi, untuk menerangkan lebih lanjut lagi jenis-jenis perbelanjaan yang dimaksudkan.

Pecahan-kepala 1—Rancangan Perumahan—\$60 juta

Tuan Pengerusi, perumahan adalah merupakan satu aspek yang penting di dalam pembangunan Angkatan Bersenjata. Pada masa ini, oleh kerana kekurangan rumah-rumah kelamin, ramai pegawai-pegawai tentera dan juga anggota-anggota lain pangkat yang menyewa rumah di kawasan-kawasan yang agak jauh daripada kem-kem mereka. Mereka ini tinggal berselerak dan ini bukan sahaja tidak dikehendaki dari segi disiplin ketenteraan, tetapi juga dari segi perbelanjaan biasa Kementerian ini, kerana sewa rumah mereka dan perjalanan mereka ke tempat bekerja terpaksa ditanggung oleh Kerajaan. Oleh yang demikian sangatlah mustahak anggota-anggota tentera kita disediakan dengan tempat-tempat kediaman yang sempurna, yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan seperti pusat kesihatan, pusat membeli belah, tempat permainan sukan dan lain-lain. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) sebanyak \$302.7 juta telah disediakan bagi Rancangan Perumahan Angkatan Bersenjata. Sebanyak lebih kurang \$161.7 juta telahpun dibelanjakan di dalam tahun 1971 sehingga 1973. Di dalam tahun ini dijangka sebanyak \$81 juta dapat dibelanjakan bagi membina projek-projek perumahan. Peruntukan yang diminta bagi tahun 1975 sebanyak \$60 juta, pada sebahagian besarnya, akan dibelanjakan untuk membayar bayaran-bayaran kontrek bagi rumah-rumah kelamin di Sungei Petani, Kampung Bukit China, Sungei Udang, Pulau Pinang, Taiping, Kuala Lumpur, Sungei Besi, Labuan, Sandakan, Lok Kawi, Kuching dan

Simanggang. Peruntukan itu juga akan dibelanjakan untuk membeli tanah-tanah bagi projek-projek perumahan yang telah diluluskan di dalam tahun 1972 dan 1973. Sebanyak 11 buah projek perumahan di jangka siap di dalam tahun 1975.

Tuan Pengerusi, saya suka mengumumkan bahawa apabila tamatnya Rancangan Malaysia Yang Kedua, lebih banyak lagi rumah kelamin akan siap untuk diberi kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota Angkatan Tentera. Sungguhpun bilangan rumah-rumah yang siap akan didapati berkurang daripada apa yang diharapkan, beberapa rancangan penyewaan rumah-rumah murah daripada Dewan Bandar dan juga Perbadanan Kemajuan Negeri Johor dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sedang diuruskan dan besar kemungkinan yang rumah-rumah yang sesuai dapat diadakan kepada anggota-anggota Angkatan Tentera di dalam sedikit masa lagi.

Kementerian ini sedar akan kekurangan bahan-bahan pembinaan yang menyebabkan kenaikan harga pembinaan rumah-rumah dan pejabat-pejabat yang diperlukan oleh Angkatan Tentera. Di dalam perkara ini, Kementerian ini sudahpun memulakan rancangan untuk pembinaan rumah-rumah kayu masak (tannalised timber) untuk anggota-anggota Angkatan Tentera di mana yang boleh khususnya di kem-kem yang terletak di kawasan luar bandar. Tindakan ini bukan sahaja akan membolehkan lebih banyak rumah dibina di dalam masa yang singkat untuk menampung keperluan yang mendesak dengan harga yang murah, bahkan berlebih-lebih lagi menerusi jalan ini dapatlah Kementerian ini memainkan peranan untuk membantu perusahaan kayu-kayuan kita sendiri di zaman stagflasi ini.

Pecahan-kepala 13—Pembelian Kapal-kapal Terbang \$97,635,000

Tuan Pengerusi, di bawah Pecahan-kepala 13, sejumlah \$97,635,000 diperlukan di dalam tahun 1975 untuk merekodkan penerimaan 14 buah pesawat terbang pejuang F5E yang diperolehi melalui bantuan kredit Kerajaan Amerika Syarikat yang dijangka akan diterima semuanya oleh TUDM pada tahun 1975. Pesawat-pesawat terbang ini merupakan tambahan kepada kekuatan pertahanan udara negara ini demi untuk mencapai objektif kita iaitu berdikari di dalam mempertahankan negara dan kedaulatannya.

Pecahan-kepala 15—Pembayaran Kelengkapan dari Amerika Syarikat—\$290,269

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 15, menunjukkan perbelanjaan di bawah suatu perjanjian jualan kredit berjumlah sebanyak lebih kurang \$4.154 juta di mana Kerajaan Amerika Syarikat dijangka akan membekalkan kepada Kementerian Pertahanan beberapa jenis barang-barang pertahanan bernilai \$290,269 di dalam tahun 1975 mengikut pesanan-pesanan yang dibuat oleh Kementerian Pertahanan.

Pecahan-kepala 16—Pengkalan Tentera Laut Lumut—\$30,000,000

Tuan Pengerusi, pembinaan Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) di Lumut, untuk menggantikan Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia di Singapura sekarang ini sedang berjalan dengan pesatnya. Setakat ini tanah seluas kira-kira 1,720 ekar telahpun diperolehi. Peruntukan yang diminta sebanyak \$30 juta dalam tahun 1975 akan dibelanjakan untuk menyediakan tapak bagi beberapa peringkat projek ini, seperti tapak untuk "operational harbour", rumah kelamin dan kawasan simpanan (storage areas) dan juga bayaran-bayaran yang akan dibuat kepada syarikat-syarikat perunding. tahun 1980 merupakan tarikh yang ditetapkan untuk menyiapkan projek ini dan perbelanjaan keseluruhannya yang diramalkan adalah lebihkurang \$450 juta. Projek ini apabila siap akan merupakan satu pengkalan yang lengkap bagi Tentera Laut Di Raja kita dan pengkalan ini juga akan mengujutkan banyak peluang pekerjaan bagi rakyat negara kita. Sebahagian besar pekerjaan ini pada masa sekarang dijalankan di Singapura.

Pecahan-kepala 17—Pengkalan TUDM Subang—\$2,500,000.

Tuan Pengerusi, seperti yang disebutkan dahulu, satu kawasan yang berhampiran dengan Lapangan Terbang di Subang telahpun dipilih untuk dijadikan Pengkalan Tentera Udara Di Raja Malaysia bagi mengganti Pengkalan yang sekarang ini di Sepang, Kuala Lumpur. Pengkalan TUDM yang baru ini akan digunakan untuk kapal-kapal terbang pengangkutan dan kawasan ini dipilih memandangkan beberapa kemudahan yang terdapat di Lapangan Terbang Antara Bangsa sekarang ini yang agak boleh digunakan oleh Tentera Udara Di Raja Malaysia

dan dengan jalan ini, mengurangkan perbelanjaan. Tanah untuk projek ini, boleh diperolehi di dalam sedikit masa lagi, dan peruntukan sebanyak \$2.5 juta yang diperlukan dalam tahun 1975 adalah untuk menyediakan tapak bagi projek ini.

Pecahan-kepala 18—Depoh Baikpulih Kapal-terbang—\$10,000,000

Tuan Pengerusi, Depoh Baikpulih Kapal-terbang adalah satu daripada projek-projek yang, apabila siap kelak, akan membolehkan Tentera Udara kita menjalankan perkhidmatan kerja-kerja baikpulih pesawat-pesawat terbang TUDM dan mungkin juga kapal kapal terbang yang lain. Sungguhpun ini merupakan satu usaha yang akan memakan masa yang agak panjang memandangkan bahawa kita kekurangan pakar-pakar di dalam bidang ini, tetapi faedah jangka panjangnya akan dapat menjimatkan perbelanjaan yang agak besar sekarang ini, kerana menghantar pesawat-pesawat TUDM untuk dibaikpulihkan di luar negeri. Tambahan pula ini akan merupakan satu lagi perkhidmatan yang kita tidak lagi perlu bergantung kepada negeri-negeri asing. Kemudahan-kemudahan yang akan disediakan di Depoh ini kelak bolehlah digunakan bersama oleh TUDM dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Tanah untuk projek ini telahpun diperolehi di Subang, berhampiran dengan Lapangan Terbang Antara Bangsa, Subang. Di dalam tahun 1975 peruntukan sebanyak lebihkurang \$10 juta adalah diperlukan, yang mana sebanyak \$1.8 juta akan dibelanjakan untuk membina bangunan-bangunan untuk Depoh tersebut manakala baki peruntukan itu akan dibelanjakan untuk membeli alat-alat kelengkapan Depoh.

Pecahan-kepala 19—Projek RASCOM—\$2,000,000

Tuan Pengerusi, RASCOM atau Rejang Area Security Command, adalah satu "military command" berperingkat brigade yang telah ditubuhkan di Sibu, Sarawak, untuk mencegah aktiviti-aktiviti pengganas komunis di kawasan tersebut. Kejayaan RASCOM telah terbukti dengan adanya Gerakan Seri Aman di Sarawak. Sungguhpun begitu kepentingan RASCOM sebagai satu "military command" bagi keselamatan Negeri Sarawak pada keseluruhannya, tidaklah boleh dinafikan kerana pergerakan menghapuskan komunis di Sarawak belum-lah berhenti sepenuhnya dan masih ada saki

baki pengganas-pengganas komunis yang bersembunyi di dalam hutan-hutan dan juga anasir-anasir subversif yang bersimpati dengan mereka. Tanah untuk projek ini telahpun diperolehi dan oleh kerana RASCOM akan menjadi satu markas peringkat brigid yang tetap, maka rumah-rumah kelamin dan bangunan-bangunan yang tetap dan lebih sempurna hendaklah dibina. Di dalam tahun 1975 peruntukan sebanyak \$2.1 juta adalah diperlukan untuk pembinaan yang tersebut.

Pecahan-kepala 21—Pengkalan Hadapan Tentera Laut Kuantan \$4 juta

Tuan Pengerusi, Pengkalan Hadapan Tentera Laut Kuantan apabila siap kelak akan menjadi satu pengkalan yang penting kepada Tentera Laut Di Raja Malaysia bagi mempertahankan gerakan-gerakan laut di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan juga sebagai pelabuhan perhentian bagi kapal-kapal yang belayar daripada dan kepada Sabah dan Sarawak. Projek ini akan dijalankan serentak dengan projek Pelabuhan Perdagangan Kuantan untuk menjimatkan perbelanjaan pada masa pembinaan. Peruntukan \$4 juta yang diperlukan di dalam tahun 1975, adalah membina bangunan-bangunan yang dijalankan oleh Syarikat Perunding Bish & Partners daripada Negeri Belanda dan juga oleh Jabatan Kerja Raya serta untuk membeli kelengkapan-kelengkapan dan lain-lain perbelanjaan seperti latihan dan bayaran kepada Syarikat Perunding yang tersebut.

Pecahan-kepala 20—Pusat Latihan dan Perumahan Bagi Bakal-bakal Bekas Tentera \$1,500,000

Tuan Pengerusi, sesuai dengan dasar Kerajaan supaya anggota-anggota tentera yang akan bersara daripada perkhidmatan hendaklah dilatih di dalam satu bidang kemahiran, maka Kementerian ini telah mengambil langkah yang sewajarnya di mana satu pusat latihan akan dibina di satu kawasan di Sungai Buloh. Dengan adanya pusat latihan serupa ini, adalah diharap anggota-anggota tentera yang akan bersara akan dapat diberi latihan yang lengkap sekurang-kurangnya di dalam satu bidang kemahiran untuk memudahkan mereka mendapat pekerjaan apabila bersara dan kembali ke penghidupan awam. Di dalam tahun 1975 sebanyak \$1.5 juta adalah diperlukan untuk kerja-kerja pembinaan

pusat tersebut. Tanah untuk pembinaan pusat ini sudahpun dibeli dan tindakan untuk membina pusat tersebut sedang diuruskan.

Dari segi latihan, usaha-usaha telah diaturkan dengan lebih berkesan lagi supaya anggota-anggota tentera yang menjalankan latihan peralehan dapat mencapai satu taraf kemahiran yang lebih sempurna yang akan membolehkan mereka memasuki bidang yang berfaedah, sesuai dan berguna kepada mereka.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau panjang lagi boleh sambong pada hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula,

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Khamis, 12hb Disember, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam